

"DI SAAT yang baik dan berkat ini, marilah kita sama-sama mengambil iktibar dari fenomena-fenomena yang ada, semoga negara kita akan sentiasa diberkati dan terhindar daripada perkara-perkara yang dibenci oleh Allah seperti kezaliman, jenayah dan kerosakan akhlak." - Titah sempena menyambut dan memperingati Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1424/2003.



"MAKA keceklakan besarlah bagi orang-orang yang keras membatu hatinya daripada menerima peringatan yang diberi oleh Allah. Mereka yang demikian keadaannya, adalah dalam kesesatan yang nyata." - Surah Az-Zumar ayat 22.

Lawatan kerja ke Pulau Pinang kukuhkan lagi hubungan Brunei - Malaysia

PULAU PINANG, Malaysia 23 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengadakan lawatan kerja selama tiga hari iaitu dari 23 hingga 25 Mei ke Pulau Pinang, Malaysia. Lawatan tersebut adalah atas undangan Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Dr. Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas.

Lawatan itu adalah lawatan pertama baginda ke Pulau Pinang yang setentunya akan lebih mengukuhkan lagi hubungan antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia. Kedua-dua buah negara telah menubuhkan hubungan diplomatik pada 1 Januari 1984, di mana dengan adanya perhubungan itu kedua-dua buah negara telah menikmati hubungan yang mesra dan sangat baik sehingga kini.

Di samping itu Negara Brunei Darussalam dan Malaysia juga telah menjalin kerjasama dalam pelbagai bidang, antaranya meliputi isu-isu sempadan, perdagangan dan pelaburan, pertahanan, pertanian, pendidikan, pelancongan, penerangan dan penyiaran serta kesihatan.

Di sepanjang lawatan tersebut Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berkenan berangkat melawat Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), melawat Jambatan Pulau Pinang iaitu salah

Liputan
Zubaidah HS dan
Haji Ahmad HS dari
Pulau Pinang,
Malaysia

satu jambatan yang terpanjang di Asia, berangkat ke Majlis Santap Malam Kerajaan Negeri yang di-sembahkan oleh Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang sempena keberangkatan baginda ke negeri itu serta mengadakan pertemuan empat mata bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan lain-lain acara seperti berangkat menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat di Masjid Kapitan Keling iaitu sebuah masjid yang tertua di pulau itu.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berbual mesra bersama Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Dr. Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas sejurus sebelum Majlis Santap Malam Kerajaan Negeri berlangsung di Shangri-La Rasa Sayang Resort, Batu Feringgi, Pulau Pinang. - Gambar oleh Ramli Tengah.

PERJUMPAAN EMPAT MATA... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika mengadakan perjumpaan empat mata bersama Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia di Hotel Eastern & Oriental. - Gambar oleh Masri Osman.

Perjumpaan empat mata dua pemimpin

PULAU PINANG, Malaysia, 24 Mei. - Kemuncak atur cara lawatan kerja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Pulau Pinang, Malaysia ialah perjumpaan empat mata bersama Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pada pagi ini telah mengadakan perjumpaan empat mata bersama Perdana Menteri Malaysia di Eastern & Oriental Hotel.

Semasa perjumpaan tersebut Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Perdana Menteri Malaysia telah membincangkan isu-isu dua hala dan serantau yang mempunyai kepentingan bersama. Kedua-

dua pemimpin juga bertukar-tukar pandangan mengenai usaha-usaha untuk meningkatkan lagi kerjasama di antara kedua-dua buah negara.

Selepas perjumpaan empat mata, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari yang di-sembahkan oleh Perdana Menteri Malaysia. Majlis Santap Tengah Hari tersebut telah diadakan di The 1885 Restaurant, Eastern & Oriental Hotel.

Sebelum majlis santap bermula, Baginda dan Perdana Menteri Malaysia juga berkenan menandatangani plak bagi memperingati lawatan kedua-dua pemimpin ke Eastern & Oriental Hotel.

LAGI berita dan gambar-gambar keberangkatan lawatan kerja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Pulau Pinang, Malaysia di muka 4, 5, 10 dan 11.

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

YSHHB penuhi tuntutan sosial kebajikan rakyat
- Muka 2

Lawatan kerja
Kebawah Duli
Yang Maha Mulia
ke Pulau Pinang

- Muka 4, 5, 10
dan 11

Melirik Masa
Silam :

Suasana,
Pencorak
Perubahan

- Muka 6

\$4.75 juta bagi
perkhidmatan
konsultan

- Muka 7

Kebawah DYMM
berangkat ke
Brunei Garison
Seria

- Muka 8 dan 9

141 peserta
dianugerahkan lot
tanah dan kunci
rumah

- muka 12

Sifat malu perisai
dari perbuatan
mungkar

- Muka 3 ANEKA

Derhaka kepada
ibu bapa menem-
pah kemurkaan
Allah

- Muka 4 ANEKA

Bantu kerajaan
tangani isu mukim,
kampung

- Muka 11 ANEKA

KONTAK PELITA
BRUNEI

<http://www.brunet.bn/news/pelita/>
pelita 1.htm e-mel:
pelita@brunet.bn
TALIAN PENTING
PELITA BRUNEI
2383941 / 2383804 /
2382192
Faks : 2381004 /
2380507

TAHUKAH AWDA

UNTUK menangani kepesatan perkembangan teknologi maklumat dalam pendidikan, Kementerian Pendidikan telah mengorak langkah dalam penggunaan Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT). Mulai tahun 1993, mata pelajaran komputer sebagai mata pelajaran pilihan mula diperkenalkan di peringkat menengah bawah dan atas. Sehingga kini, semua sekolah menengah telah menawarkan mata pelajaran ini. Bermula tahun 1999 hingga 2000, Kementerian telah melaksanakan projek ICT Fasa I dan II dengan membekalkan perkakasan dan perisian komputer di semua sekolah rendah dan menengah kerajaan. - Sumber : Buku Rancangan Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-19, 2003 (2003 : 140).



28 MEI 2003 BERSAMAAN 1424

26 ربيع الأول

SEMANGAT PATRIOTISME HADAPI CABARAN GLOBALISASI

DALAM arus globalisasi dan dunia tanpa sempadan, semangat patriotisme atau semangat cintakan raja, bangsa dan negara perlu ada dalam jiwa dan sanubari rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam terutama sekali generasi muda. Dengan semangat patriotisme yang tebal, kita akan berhasil dan berjaya mengharungi cabaran dan liku-liku globalisasi secara berkesan.

Di samping itu, kita juga perlu memiliki jati diri bangsa yang kukuh dan teguh, nilai-nilai yang relevan, mempunyai adaptasi yang dinamis dan utiliti yang tinggi. Pantang menderhaka kepada raja merupakan nilai jati diri yang mempunyai kepentingan kepada ketahanan nasional. Penderhakaan bukanlah cara hidup bangsa Brunei. Walhal sistem beraja kini terbukti membawa keamanan dan kesejahteraan semua yang berlandung di bawah payung raja. Inilah sumber besar kestabilan negara dan pemerintahan.

Justeru itu, persefahaman dan perpaduan di kalangan rakyat perlu bersandarkan dan berutapkan kepada semangat patriotisme. Kita penuh optimis dengan berbekalkan elemen tersebut, kita bangsa Brunei akan seirama, senada dan serentak mendukung perpaduan. Kita bangunkan bumi Darussalam dengan cara kita sendiri iaitu melalui calak Brunei dan bukannya bercalakkan orang lain. Teganya kita membangun dan memajukan negara menerusi kaca mata Brunei dan bukannya terikut-ikut dengan rentak orang lain.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Sambutan Hari Kebangsaan Tahun 2003 menitahkan bahawa semangat cintakan negara juga mestilah dimiliki oleh setiap rakyat. kerana semangat patriotisme merupakan bahan bakar yang amat diperlukan. Tanpa adanya bahan bakar ini, segala jentera tidak mungkin berfungsi.

Semangat patriotisme memainkan peranan penting dalam kita mengharungi cabaran berbangsa dan bernegara. Kerana akhir-akhir ini, ada sebilangan masyarakat mentohmah, memaki hamun, menabur fitnah, memburuk-burukkan negara dan mencaci pemimpin dan pihak individu melalui internet. Perbuatan yang tidak bertanggungjawab ini jika kita perincikan bertujuan negatif dan destruktif. Alangkah baiknya jika perhubungan canggihi itu digunakan untuk tujuan pendidikan, pengetahuan dan perhubungan dan berkesan dan konstruktif. Walau bagaimanapun kita percaya, masyarakat kita tidak akan mudah percaya dan termakan dengan dakwah-dakyah yang mengelirukan itu.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair semasa berucap di Majlis Perjumpaan Penerangan bagi Mukim Lumapas baru-baru ini menegaskan perlunya semangat patriotisme untuk melindungi dan menghindarkan kesan-kesan negatif daripada perkembangan globalisasi, era teknologi dan infokomunikasi (ICT). Oleh yang demikian, sikap saling bantu-membantu, berawar galat dan saling hormat-menghormati di kalangan jiran dan masyarakat sekeliling akan dapat mengekang dan menjauhi perbuatan yang boleh menjejaskan kestabilan dan keamanan negara.

Apa yang mengkhawatirkan kita, jika perkara ini berterusan hanya akan memporak-perandakan keharmonian bermasyarakat, memutuskan ikatan sosial yang mantap dan menanamkan semangat tidak hormat dan sayang kepada pemimpin. Ke arah itu, kita selaku rakyat Brunei perlu membendung perkara itu dari terus berlarutan meracuni pemikiran dan minda rakyat dan penduduk negara ini khususnya mereka yang tidak mempunyai pendidikan dan tidak mempunyai semangat patriotisme. Dalam hubungan ini, kerajaan tidak akan memberi kelonggaran atau tolak ansur untuk sesiapa jua, sama ada orang dalam lebih-lebih lagi orang luar negara untuk melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan undang-undang dan Perlembagaan Negara terutama yang boleh mengancam ketenteraman awam, memporak-perandakan kestabilan dan keharmonian negara.

Dengan semangat patriotisme yang jitu dan tebal kita akan berjaya mengharungi era globalisasi yang penuh cabaran ini. Selain itu kita akan lebih bijaksana di dalam memilih pembangunan dan kemajuan yang kita hajat selaras dengan nilai-nilai luhur agama, adat resam dan budaya kita. Insya Allah dengan cara itu, suasana aman dan stabil yang kita nikmati sekarang akan berterusan dan berpanjangan.

HALUAN...

YSHHB penuhi tuntutan sosial, kebajikan rakyat

Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir
Rahim

ALHAMDULIL-LAH! Rabbil 'Alameen, Wabi-hee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta sungguh bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dapat hadir bersama-sama di majlis yang bersukut baik ini, iaitu majlis yang disempenakan dengan sambutan Memperingati Ulang Tahun Ke-10 Penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Yayasan ini ditubuhkan adalah sebagai amal jariah beta dan ahli keluarga beta untuk menyalurkan bantuan-bantuan yang perlu mengikut kesesuaian dan keadaan.

Ia dihasratkan bagi memenuhi tuntutan-tuntutan sosial dan kebajikan untuk rakyat di dalam pelbagai bentuk sumbangan dan bantuan.

Sumbangan dan bantuan itu, mungkin saja melibatkan latihan-latihan atau bimbingan-bimbingan di dalam pelbagai bidang



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Memperingati Ulang Tahun Ke-10 Penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 15 Rabiulawal 1424/17 Mei 2003.

yang akan membolehkan penerima-penerimanya mendapat kemahiran dan kelayakan. Hanya dengan melalui kemahiran dan kelayakan sahajalah taraf hidup dapat dibina dan ditingkatkan.

Beta berharap, penerima-penerima bantuan akan dapat benar-benar memanfaatkannya sehingga pada akhirnya mereka itu tidaklah lagi akan se-

mata-mata bergantung kepadanya.

Beta gembira mengetahui bahawa Yayasan telah melaksanakan beberapa projek dan aktiviti yang berkebaikan serta dapat pula mempertingkatkan dari masa ke semasa menurut kesesuaian berkenaan.

Apabila menyebut tentang projek dan aktiviti Yayasan, beta tidaklah lupa

YAYASAN ini ditubuhkan adalah sebagai amal jariah beta dan ahli keluarga beta untuk menyalurkan bantuan-bantuan yang perlu mengikut kesesuaian dan keadaan.

Ia dihasratkan bagi memenuhi tuntutan-tuntutan sosial dan kebajikan untuk rakyat di dalam pelbagai bentuk sumbangan dan bantuan.

dan bahkan perlu menyampaikan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd. Taha yang telah memberikan khidmatnya yang istimewa kepada Yayasan sehingga ia terubuh dan dilancarkan. Kepimpinan dan semangat kerja beliau itu patutlah menjadi ikutan. Kita sesungguhnya sentiasa mengenang jasa beliau yang amat menyerlah dan mudah-mudahan Allah jua akan mengurniakan ganjaran kepadanya.

Demikian juga terima kasih yang sama ialah kepada semua mereka yang telah memberikan bantuan dan kerjasama kepada Yayasan ini dari semenjak penubuhannya serta tidak terkecuali pihak-pihak yang terlibat yang bersama-sama menjayakan majlis-majlis sambutan bagi Memperingati Ulang Tahun Ke-10 Penubuhan Yayasan.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sehubungan itu, beta juga mengambil peluang

HUBUNGAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM - JORDAN SEMAKIN ERAT

BANDAR SERI BEGAWAN, 25 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II ibni Al Hussein, Raja Negara Jordan dan kepada Tuan Yang Terutama Ali Abu Al-Ragheb, Perdana Menteri Jordan bersempena ulang tahun Hari Kemerdekaan Negara Jordan.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat di antara Negara Brunei Darussalam dengan Jordan. Baginda seterusnya berdoa semoga hubungan ini yang berasaskan prinsip saling hormat-menghormati dan kesefahaman akan dapat diperkukuhkan lagi di masa

akan datang.

Seterusnya baginda berharap semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II ibni Al Hussein sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Negara Jordan akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Dalam perutusan kepada Tuan Yang Terutama Ali Abu Al-Ragheb, Perdana Menteri Negara Jordan, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama dan kerajaan serta rakyat Negara Jordan sempena ulang tahun Hari Kemerdekaan Negara Jordan.

Seterusnya dalam perutusan baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia mendoakan semoga Tuan Yang Terutama sentiasa dalam perlindungan Allah, sihat sejahtera dan semoga

rakyat Negara Jordan akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dalam perutusan yang sama kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negara Jordan, Tuan Yang Terutama Dr. Marwan Al-Muasher mengucapkan tahniah dan semoga kerajaan serta rakyat Negara Jordan sentiasa dalam kemakmuran dan kesejahteraan.

Dalam perutusan tersebut Duli Yang Teramat Mulia juga melahirkan perasaan gembira terhadap hubungan dua hala antara kedua-dua negara dan berharap hubungan persahabatan terus dipertingkatkan di masa-masa yang akan datang.

Berangkat ke Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Maulud

BERAKAS, 22 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan berangkat ke Majlis Perhimpunan Khas Wanita Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi tahun 1424 Hijrah yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) di sini.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha beserta kerabat diraja dijunjung oleh Penasihat Bersama Majlis Perhimpunan Khas Wanita, Datin Seri Laila Jassa Dayang Yukmas binti Haji Mohammad; Pengerusi Bersama Majlis Perhimpunan Khas Wanita, Pengiran Anak Datin

Hajah Masnah binti Pengiran Anak Saffuddin dan Ahli Jawatankuasa Penyelenggara Perhimpunan Khas Wanita bagi tahun ini.

Berangkat sama Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak

Oleh
Siti Aishah HS

Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor Ehsani.

Sejurus ketibaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dibacakan oleh Dayang Hajah Aminah binti Haji Abdul Manaf, johan qariah Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur, manakala tafsirannya disampaikan oleh Dayang Hajah Zuratul'aini binti Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rajid.

Ini diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Pengerusi Bersama Perhimpunan Khas Wanita, Pengiran Anak Datin Hajah Masnah.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan nadwah khas wanita bertajuk 'Peranan dan Sumbangan Wanita Terhadap Bangsa Berilmu Negara Maju Berteraskan Wahyu' yang dipengerusikan oleh Dayang Hajah Zakiah binti Haji Mohd. Taib dan ahli panelnya terdiri daripada Pemangku Pengarah Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan, Pengiran Hajah Hairani binti Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Haji Abdul Kahar dan Timbalan Dekan Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddin, Universiti Brunei Darussalam, Dr. Hajah Masnon binti Haji Ibrahim.

Acara kemuncak majlis ialah permakluman dan penganugerahan Bakti Hijrah Khas Wanita bagi

tahun 1424 Hijrah yang disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Kemudian majlis disusuli dengan persembahan Dikir Asyraqal dibawakan oleh gabungan pegawai-pegawai dan kakitangan perempuan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan ahli-ahli Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Datin Hajah Maznah binti Haji Mohammad.

Tema sambutan hari-hari kebesaran Islam bagi tahun 1424 Hijrah ialah 'Bangsa Berilmu Negara Maju Berteraskan Wahyu'.

Menjawab Sementara Jawatan Pengarah KDN

BANDAR SERI BEGAWAN, 25 Mei. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berkenan melantik Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adnan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Haji Awang Mohd. Yusof, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menjadi Pengarah Keselamatan Dalam Negeri untuk sementara waktu di samping jawatannya sebagai Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bagi menggantikan Awang Haji Jemat bin Haji Ampal mulai hari Isnin, 24 Rabiulawal 1424 bersamaan dengan 26 Mei 2003.

Menurut siaran akhbar hari ini, berikutan denganantikan tersebut, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal tidak lagi menyandang jawatan Pengarah Keselamatan Dalam Negeri akan tetapi beliau terus menyandang jawatan selaku Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri.

Lantikan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan

BANDAR SERI BEGAWAN, 25 Mei. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, inilah dimaklumkan bahawa baginda memperkenankan Awang Haji Mohd. Jumin bin Haji Marsal, Pemangku Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional), Kementerian Pembangunan ditetapkan dan seterusnya dilantik menjadi Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional), Kementerian Pembangunan.

Menurut siaran akhbar

Jabatan Perdana Menteri, lantikan tersebut bermula hari Isnin, 24 Rabiulawal 1424 bersamaan dengan 26 Mei 2003.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pembangunan (Teknikal dan Profesional), Awang Haji Mohd. Jumin.

Hadiri Mesyuarat OIC

BERAKAS, 26 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, hari ini berangkat ke Tehran, Republik Islam Iran bagi menghadiri Sesi

Ke-30 Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang akan diadakan pada 28 - 31 Mei 2003.

Persidangan tersebut akan membincangkan keadaan terkini di Timur Tengah dan Proses Damai Timur Tengah serta lain-lain perkara yang menjadi perhatian umat Islam



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menerima junjung ziarah sejurus sebelum berangkat ke Republik Islam Iran.



Berangkat ke Kejohanan Bulu Tangkis Piala Penaung

BERAKAS, 25 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan berangkat ke Kejohanan Bulu Tangkis Piala Penaung Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam Ke-7 bertempat di Kompleks Sukan Penerbangan Diraja Brunei, Berakas.

Keberangkatan tiba baginda beserta kerabat diraja dijunjung oleh Yang Di-Pertua Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd Ali beserta Ahli-ahli Jawatankuasa Kejohanan Bulu Tangkis Majlis Wanita.

Berangkat sama di kejohanan berkenaan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-

Oleh
Siti Aishah HS

Islam. Sejurus ketibaan baginda, Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dinyanyikan dan sembah ucapan penghargaan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerja Kejohanan, Dayang Hajah Marhani bin Abdul Abdul Latif.

Dalam sembah alu-aluan Yang Dipertua Majlis Wanita, kejohanan tersebut adalah sejajar dengan seruan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada NGOs dalam sama-sama mempromosikan kesihatan dan pengalaman gaya hidup yang sihat.

Tambahan pula baru-baru ini, dalam suasana ancaman penyakit merebak SARS, Kementerian Kesihatan melalui Berita Nasional yang disiarkan oleh RTB, menasihatkan orang ramai untuk mengambil langkah-langkah bagi meningkatkan ketahanan yakni imuniti badan seorang individu.

menang 15-10, 12-15 dan 17-14 dan set ketiga 17-14 dan 15-5.

Bagi set keempat sekali lagi bergu IWC berjaya menumpaskan pasukan WI dengan 15-12 dan 15-5 tapi di set penentuan, bergu WI berjaya mengutip 15-8 dan 15-0 ke atas bergu IWC.

Tempat ketiga jatuh kepada pasukan PERTIWI dan Pandu Puteri mendapat tempat keempat di kejohanan tersebut.

Upacara penyampaian hadiah-hadiah dan cenderamata disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan baginda berkenan menerima pesembah dari Pengerusi Jawatankuasa Kerja Kejohanan, Dayang Hajah Marhani.

Sebelum keberangkatan balik, baginda berkenan menerima junjung ziarah daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Kejohanan Bulu Tangkis Majlis Wanita.



KEBERANGKATAN LAWATAN KERJA KEBAWAH DYMM KE PULAU PINANG, MALAYSIA

KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, Pulau Pinang dinjunjung oleh Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Gambar-gambar oleh
Ramli Tengah dan Masri Osman



SEJURUS keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, doa selamat dibacakan oleh Sahibus Samahah Haji Hassan bin Haji Ahmad, Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang (atas). Sementara gambar atas kanan, baginda disembahkan kepada para pembesar dan ahli-ahli EXCO Negeri Pulau Pinang yang menjunjung dan mengalu-alukan keberangkatan baginda.



DI HARI pertama lawatan kerja Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Pulau Pinang, Malaysia, baginda telah menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat di Masjid Kapitan Keling bersama Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri (Dr.) Haji Abdul Rahman, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan ratusan umat Islam (atas).

RATUSAN umat Islam berbesar hati dan gembira kerana dapat bertemu dengan lebih dekat lagi bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan seterusnya berkesempatan junjung ziarah ke hadapan majlis baginda (gambar kanan dan kiri).



Keberangkatan lawatan kerja Kebawah DYMM ke Pulau Pinang



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai sebelum berangkat ke Dewan Santap bagi Majlis Santap Malam Kerajaan Negeri yang disembahkan oleh Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Majlis berlangsung di Shangri-La Rasa Sayang Resort, Batu Feringgi, Pulau Pinang.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diperkenalkan kepada para jemputan khas yang terdiri dari para pembesar Pulau Pinang sebelum Majlis Santap Malam berlangsung.

Gambar-gambar oleh
Ramli Tengah dan
Masri Osman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, TYT Tun Dato' Seri (Dr.) Haji Abdul Rahman dan lain-lain tetamu di Majlis Santap Malam Kerajaan Negeri yang disembahkan sempena lawatan kerja baginda ke Pulau Pinang (atas kiri).

GAMBAR atas kanan, baginda berkenan menerima taklimat mengenai Pembangunan Pulau Pinang yang disampaikan oleh YB Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon, Ketua Menteri Pulau Pinang.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Perdana Menteri Malaysia, YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berbual mesra di Majlis Santap Tengah Hari yang diadakan di Eastern & Oriental Hotel.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia menandatangani buku lawatan sempena keberangkatan baginda ke Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (atas). Sementara gambar kiri sekali, baginda berkenan menandatangani 'Plaque' di Restoran The 1885 Hotel Eastern & Oriental sambil disaksikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia. Manakala gambar kiri, baginda berkenan menerima junjung ziarah para pegawai Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang se-jurus tiba di bangunan itu di hari pertama lawatan kerja ke Pulau Pinang.

SUASANA kehidupan harian sering saja dikaitkan dengan kehidupan yang lebih banyak dicorakkan oleh suasana itu sendiri. Dalam erti kata yang lain, keadaan yang berligar akan terus berperanan dengan kehadiran perubahan sama ada yang disadari mahupun yang muncul secara di luar rasa sedar kita sama seperti beranjaknya umur kita dan perubahan dalam diri keluarga, jiran dan selanjutnya saudara mara dan masyarakat umumnya.

Maka demikian jugalah dengan perubahan-perubahan yang berlaku dalam suasana negara dan bangsa kita. Semua ini dikatakan sebagai tindak balas terhadap sesuatu yang baru muncul dalam persekitaran suasana itu tadi. Ini termasuklah terhadap perkara-perkara yang lebih banyak mempengaruhi tingkah laku yang sehari demi sehari ada saja dengan perubahannya sama ada berlaku secara cepat ataupun sebaliknya.

Dalam kaitan ini, suasana yang dikatakan sebagai terus membangun itu akan biasanya memperkalkan perkara baru bagi kita sama ada kita sedari atau tidak. Umpamanya mengenai kehadiran 'orang-orang baru' yang didatangkan ke negara kita ini untuk membantu pembangunan dalam pelbagai bidang, tidak sahaja sekadar melihat dan mengalami pergaulan yang baru bahkan juga kita seperti dihadapkan dengan cara hidup yang baru, tingkah laku yang baru, budaya baru, pemikiran baru, sikap baru, perangai baru dan banyak lagi yang asing dalam kehidupan orang-orang kita.

Ini turut sama berlaku dalam perubahan menuntut ilmu yang tidak lagi seperti dahulu bahkan sudah berubah malah semakin bertambah. Hal ini berlaku adalah juga kerana soal-soal penyesuaian dalam mengimbangi keperluan pembangunan yang terus beranjak ke hadapan itu seperti semakin bertambahnya jumlah penduduk negara kita itu sendiri.

Kita timbulkan pandangan ini adalah semata-mata kerana perlunya keprihatinan penelitian apabila perkembangan itu meligari bangsa dan negara kita.

Mengambil gambaran sekitar tahun pewujudan Perlembagaan Negara (1959), pembangunan negara sedikit demi sedikit mengambil tempat biarpun ianya tidak serancak sekarang ini. Maka untuk tujuan-tujuan pembangunan itu sendiri, kita setenunya memerlukan tenaga-tenaga orang lain dalam melancarkan perjalanannya, kerana orang kita boleh dikatakan belum ada yang berkemahiran dan yang pakar dalam satu-satu jurusan yang diperlukan.

Namun demikian, seiring dengan itu juga, ketidak-tidaknya orang kita ada juga peluang selain dari timbulnya kesedaran akan betapa pentingnya ilmu itu dimiliki sama oleh orang-orang kita. Ini samalah juga apabila kita melihat orang lain yang mendu-

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

SUASANA, PENCORAK PERUBAHAN

ki kerusi-kerusi tinggi yang juga berperanan dan penting dalam menentu dan mengembang serta mengerjakan segala macam rangkaian prasarana yang menjadi latar utama dan tangga-tangga mendaki pembangunan tersebut.

Kehadiran orang baru dalam masyarakat lama atau yang sedia ada, serba sedikit pasti memberi kesan dalam kehidupan kedua-dua pihak. Interaksi sudah barang tentu tidak dapat dielakkan lalu terbentuklah satu lagi sesuatu yang baru terutamanya budaya hidup, sikap dan caranya.

Interaksi budaya, misalnya, orang lain atau orang luar sama ada yang dipinjamkan untuk satu-satu perkhidmatan atau yang datang berhajat secara sendiri-sendiri termasuk mencari kerja dan penghidupan baru di negara ini, soal-soal yang berkaitan dengan penyesuaian diri mereka dengan suasana dan budaya masyarakat tempatan, mungkin sahaja dianggap remeh namun pengaruh terhadap sistem hidup dan kehidupan, masing-masing di antara kedua-dua pihak mahu tidak mahu akan terpaksa melihat kecocokannya.

Proses sistem itu tidak semudah yang dianggap oleh kebanyakan orang. Sebab orang-orang tempatan dahulu beranggapan yang 'mereka itu lambat-lau akan terbiasa juga akhirnya dengan tuntutan tempatan terutamanya dari segi cara hidup'.

Proses sistem yang ditekankan demikian itu adalah secara evolusi sambil mengharapkan bakal tidak berlakunya sesuatu yang merubah sistem dan budaya tempatan terutamanya yang bersifat halus dan murni seperti resam hidup bermasyarakat dan berketurunan.

Satu contoh yang mungkin baik diperkiran ialah dari segi 'perbuatan hormat, halus dan murni lagi berseni', menurut istilah beberapa orang lama yang kita rujuk dalam soal ini. Contoh yang disebutkan oleh mereka itu ialah mengenai 'penghimpunan bermajlis'.

Kata mereka, rata-rata orang Brunei yang berkemampuan, apabila mengadakan satu-satu penghimpunan bermajlis, selain dilengkapi dengan tika hamparan yang khusus (kadang-kadang dipinjam dari orang yang memilikinya), ia akan dilengkapi juga dengan alat-alat seperti tipa sirih, calapa sigup yang dicukupkan dengan isinya sekali.

Apabila ada orang datang (yang dijemput), masing-masing mereka yang datang itu mengambil

tempat duduk di mana mereka 'layak' tanpa diberi tahu. Ertinya, mereka sendiri sudah tahu di mana tempat mereka. Orang yang biasanya di atas akan mengambil tempatnya di atas juga. Sementara yang di bawah akan juga berbuat demikian. Ini baru setakat yang biasa berlaku di kampung-kampung dahulu. Masing-masing mereka akan menjaga diri agar 'tidak ada orang yang dilangkahi' sekali gus menjaga agar tidak juga akan terjadi perlakuan 'suruk-langkah' yang tidak teradat dalam resam masyarakat tempatan dahulu itu.

Selain dari mengelakkan 'suruk-langkah' yang tidak teradat itu, 'kuai libai' di hadapan jemputan adalah juga ditegah dan langsung akan ditegur dan diperbetulkan terutamanya jika ia dilakukan oleh kanak-kanak.

Bersuara tinggi juga dianggap kurang manis. Gurau senda hanya berlaku secara adanya sahaja. Tujuannya ialah semata-mata untuk menjaga kemandirian majlis itu, biar semuanya juga berwajah manis, tidak ada yang 'berusik hati' jauh sekali bermasam muka, berjaling-jalingan, bersindir-sindiran dan yang seumpamanya.

Apabila majlis bermula sehinggalah berakhir, perhatian mereka akan tertumpu sepenuhnya kepada majlis itu. Tujuannya ialah mengharapkan supaya 'hajat orang yang berhajat' itu (yang mengadakan majlis) akan sampai dengan sempurna dan menyukakan hati atau memuaskan hati pihak yang 'berhajat' itu.

Untuk menghargai kesudian mereka yang hadir itu, biasanya, pihak yang 'berhajat' itu tadi selain dengan ucapan terima kasih atas kedatangan mereka itu lalu akan juga diunjuki 'sebungkus campur'. Ada juga yang tidak menyediakan 'campur' yang sedia berbungkus, tetapi disediakan kertas pembungkus di sisi 'kudut' (piring) yang berisi kuih-muih hidangan untuk setiap seorang yang hadir dan masing-masing mereka sendiri akan membungkusnya sebagai 'campur' itu.

Demikianlah salah satu sistem bermajlis di masa silam yang diutarakan sebagai contoh sahaja terhadap tata-laku yang kita lihat pada waktu dahulu itu.

Keadaan yang demikian itu, hari demi hari semakin susut. Takah kesusutan itu sukar ditentukan bila ianya bermula dan apa sebabnya berlaku demikian? Cuma ada satu dua yang dapat diimbaskan kembali oleh sebilangan orang yang kita temui.

Salah satu di antaranya ialah dari rasa iski orang-orang kita 'menyambut orang baru' yang mendatang hadiri 'majlis' yang diadakan. Kebiasaan kita menyambut 'orang luar' akan menganggapnya sebagai 'tamu' yang perlu dihormati lalu menempatkan mereka di tempat 'yang baik'.

Ini juga menunjukkan satu sikap orang-orang kita yang murni iaitu selain kerana hormat ialah juga dikeranakan takut 'menjemerankan' (semerana). Wal hal, kita sering lupa mengenai asal-usulnya, kedudukannya dan sebagainya. Maka keadaan yang demikian itu, hari demi hari, apabila sudah menjadi terbiasa, akan terasa sukar untuk membetulkannya.

Maka setiap kali orang yang sama itu hadir, maka setiap kali itulah, secara automatisnya, orang itu menuju tempat di mana ianya pernah ditempatkan itu.

Sekarang, untuk majlis-majlis yang besar boleh saja diaturnya seperti yang demikian itu, tetapi tidak lagi di majlis-majlis biasa dalam masyarakat kita. Ia sudah semacam bercampur baur. Sedangkan untuk 'menculiki bedak pengantin' pun, sudah boleh dilakukan oleh sebarang orang dan sebarang peringkat umur, walhal pada asalnya, ia hanya dibuat oleh orang-orang yang terpilih sahaja seperti orang tua, orang alim, orang senang, orang beranak ramai dan hidup sejahtera. Tujuannya semata-mata adalah untuk keberkatan.

Satu sudut yang penting yang baik benar diambil kira ialah pengajaran dan hikmah 'yang tua dituaikan', 'resam galat-menggalati', penghormatan terhadap 'hajat yang berhajat' dan juga unsur-unsur halus dalam bersopan santun budaya Brunei itu sendiri.

Sekarang ini semacam berlaku kecurak-kaciran sehingga anak-anak sudah tidak tahu siapa dan siapa 'indung petuan' mereka termasuk susunan ganti panggilan terhadap 'indung petuan' mereka itu seperti tua, tengah, bungsu, acai, uda, iring, anjang dan seterusnya bahkan sudah banyak yang bertukar kepada 'uncle' dan 'auntie' dan seumpamanya. Sudah banyak istilah-istilah asing.

Adalah baik benar kiranya ada pemikiran untuk menyalurkan budaya bangsa yang baik-baik itu dibekalkan melalui penyaluran yang diperkiran lebih berkesan bermula dari alam kanak-kanak lagi.

Rasanya, institusi yang lebih berperanan kepada pembentukan peribadi kanak-kanak ini termasuk asuhan dan pendidikan mereka harus dilengkapi dengan kemudahan yang secukup-cukupnya. Sebab, mereka adalah akar bangsa yang akan menjadi dahan, daun dan pokok. Mudah-mudahan kesuburannya akan menabur aroma pewangi yang menye-nangkan dan menenteramkan sepanjang waktu dan ketika.

BST akan ditadbir sepenuhnya anak tempatan 4 ke 5 tahun lagi

JERUDONG, 15 Mei. - Majlis Menandatangani Kontrak Biasiswa Latihan di antara Brunei Shell Tankers (BST) Sdn. Bhd. dan Pelatih Kadet Marin Brunei 2003 diadakan LR Asma Hotel, di Jalan Jerudong di sini.

Oleh Siti Aishah HS

Majlis menandatangani kontrak itu disaksikan oleh Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub bin Abu Bakar selaku

Pengerusi Lembaga Pengarah Brunei Shell Tankers Sdn. Bhd.

Penandatanganan kontrak tersebut antara lain bertujuan untuk membolehkan kadet tempatan menjalani latihan di

Maktab Maritim, Kolej Warsasah United Kingdom dengan mengikuti Program Asas Kelas Pertama yang akan memegang jawatan sebagai kadet kejuruteraan atau kadet setelah menjalani latihan di sana selama tiga tahun.

Pemangku Pengarah Urusan Brunei Shell Tankers Sdn. Bhd, Reidar Saugstad menyatakan dalam ucapan alu-aluannya bahawa bidang tugas di atas kapal tangki minyak dan gas tradisinya dijabat oleh warga asing kerana menganggap tiada anak tempatan yang berminat dalam bidang kerja seperti itu.

Beliau menambah kata, dengan meluluskan dan penubuhan Program Pembruneian oleh Lembaga Pengarah BST bersama Pengangkutan Gas Brunei (BCG) iaitu Kumpulan Kerja Pembruneian (BWG), yang mana mendapat sokongan yang menggalakkan daripada kerajaan dengan membekutikan 56 orang anak tempatan sedang menjalani



TIMBALAN Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub ketika hadir di Majlis Menandatangani Kontrak Biasiswa Latihan Antara BST Sdn Bhd. dan Pelatih-pelatih Kadet Marin Brunei 2003. - Gambar oleh Pg. Mohd Rafee PDPHM.

latihan sebagai Pegawai Marin dan Kadet, manakala 150 anak tempatan sebagai krew marin.

Beliau juga berpendapat sekiranya program itu berjaya diteruskan, kapal BST akan ditadbir oleh pegawai-pegawai yang terdiri daripada anak tempatan 100 peratus dalam tempoh 4 ke 5 tahun akan datang.

"Hingga ke hari ini, kami telah berjaya merekrut 56 Kadet Marin ter-

masuk pengambilan 2003, manakala seramai 14 orang kadet pada tahun ini diharap akan mencapai sasaran bagi mengisi empat buah kapal untuk menjadi Pegawai Kedua dan Jurutera Ketiga bagi 2006 nanti," jelas Reidar Saugstad.

Untuk itu, pengambilan pertama Kadet Marin Brunei bagi tahun 2000 akan menamatkan latihan dalam bulan September dan akan dianugerahkan sebagai Pegawai Jurutera

Marin Kelas Keempat atau sebagai Pegawai Dek Ketiga.

Hadir sama di majlis itu, Pemangku Pengarah Unit Petroleum, Awang Alias; Pemangku Pengarah Urusan Pengangkutan Gas Brunei, Awang Haji Ibrahim; Pengurus Besar Mitsubishi Corporation, Hirofumi Kawabata; Pengurus Perkapalan Shell Limited, Alan Chivers dan pegawai-pegawai BST berserta para ibu bapa kadet.



MAJLIS Menandatangani Kontrak Biasiswa Latihan Antara BST Sdn. Bhd. dan Pelatih-pelatih Kadet Marin Brunei 2003. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

\$4.75 juta bagi perkhidmatan konsultan

GADONG, 13 Mei.- Berikutan Majlis Penandatanganan Kontrak di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Accenture Private Limited yang dimeterai pada 23 April lepas, seminar pertama bertajuk Persediaan Bagi Pelaksanaan Projek-projek e-Government diadakan bertempat di Institut Perkhidmatan Awam, Kampong Rimba di sini.

Projek yang bernilai \$4.75 juta, adalah bagi perkhidmatan konsultan di dalam pembentukan satu perancangan IS/IT keseluruhan kerajaan dan setiap Kementerian termasuk bengkel pelaksanaan IS/IT serta penyediaan perancangan IS/IT setiap Kementerian.

Tetamu kehormat, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah selaku Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Program e-Kerajaan (EGPEC) dalam ucapannya menggariskan tujuan utama projek-projek e-Kerajaan diadakan bagi memastikan orang ramai dan perniagaan-perniagaan akan menerima perkhidmatan-perkhidmatan yang cekap dan berkesan daripada kerajaan, manakala pada masa yang sama boleh mengembangkan ekonomi negara.

Semasa seminar tersebut, Pengarah Teknologi Maklumat dan Stor Negara, Awang Haji Mahmud bin Haji Mohd. Daud selaku Pengerusi

Oleh
Siti Aishah HS

Bersama Jawatankuasa Eksekutif Program e-Kerajaan menerangkan mengenai perisian program tersebut secara lanjut.

Pakar-pakar perunding daripada Accenture Private Limited juga menerangkan mengenai latar belakang projek-projek e-Kerajaan yang diperlukan bagi setiap Kementerian dan jabatan serta pegawai-pegawai yang bertanggungjawab di dalam penyediaan pelan induk projek e-Kerajaan dan pelaksanaan projek-projek tersebut.

Objektif utama perjanjian dengan Accenture Private Limited adalah untuk menyediakan, melengkapkan dan membantu Kementerian-kementerian serta agensi-agensi utama di dalam penyediaan perancangan IS/IT Kementerian-kementerian dan keseluruhan kerajaan.

Selain itu ia juga membuat penelitian perancangan-perancangan itu dengan Sekretariat Majlis Teknologi Majlis Maklumat Brunei serta penyediaan Permohonan Perancangan (RFP) projek-projek IS/IT yang disah semasa projek itu bagi mencapai kelebihan saingan yang bertahan dan untuk membina nilai-nilai sehaluan dengan visi-visi yang telah diaspirasikan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-8, Rangka Kerja Strategik IT Kebangsaan dan Rangka Kerja Strategik Elektronik Kerajaan.

Untuk mencapai objektif-objektif tersebut, Accenture Private Limited akan menyediakan satu perancangan komprehensif bagi memindahkan dan memasukkan ciri-ciri kebolehan kritikal yang diperlukan bagi melaksanakan dan menilai perancangan IS/IT strategik di setiap Kementerian.

Ke arah itu, pelaksanaan akan melalui program sistematis dan tersusun untuk pegawai-pegawai kanan kerajaan yang berkenaan bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan kanan dengan metodologi latihan, teknik serta model-model 'conceptual' untuk memberikan satu pendekatan yang berdisiplin bagi pemikiran kritikal dan penyediaan strategi.

Selain itu ia juga melibatkan tempat-tempat penting, set-set peralatan dan bantuan-bantuan kerja bagi meningkatkan pelaksanaan.

Antara lain, bengkel-bengkel merupakan pemudah cara untuk memberikan langkah-langkah terbaik kepada pengurusan pertengahan dan atasan di dalam proses perancangan serta bantuan nasihat kepada Kementerian-kementerian dan Sekretariat BIT semasa perancangan dan proses RFP akan dilaksanakan oleh Accenture Private Limited.

Seminar setengah hari itu dihadiri oleh Setiausaha-setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan yang bertanggungjawab bagi pelaksanaan projek-projek e-Kerajaan dan IS/IT di Kementerian dan jabatan masing-masing.

Kerjaya kemuziuman meliputi pelbagai disiplin

Oleh
Siti Aishah HS

BANDAR SERI BEGAWAN, 19 Mei.- Kerjaya kemuziuman merupakan satu bidang tugas yang luas meliputi pelbagai disiplin, baik berupa sains tulen mahupun bersifat sains kemasyarakatan dengan melengkapkan institusi kemuziuman dengan kakitangan berkemahiran dalam membantu mereka menjalankan kajian dan penyelidikan.

Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim berucap demikian di Majlis Perasmian Sambutan Hari Muzium Antarabangsa di ruang legar Bangunan Muzium Brunei, Jalan Kota Batu.

Menurut Dato Paduka, terdapat beberapa cabaran yang sering menggugat institusi kemuziuman pada ketika ini iaitu kekurangan kakitangan berbanding kajian yang kian berkembang dan meluas, selain peruntukan yang terhad dalam menampung kos penyelidikan peralatan mahal dan mutakhir. Akibat kekurangan



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah, Pengerusi EGPEC ketika berucap di Seminar Persediaan Bagi Pelaksanaan Projek-projek e-Kerajaan selaku tetamu kehormat.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Dani menyampaikan Anugerah Pekerja Cemerlang kepada Awang Haji Fadil bin Haji Ahmad. - Gambar oleh Hamadi HM.

ini banyak penyelidikan tergendala dan memakan masa lama untuk disiapkan dan diterjemahkan.

Walau bagaimanapun, timbul rahmat di sebaliknya iaitu kemunculan Rakan Muzium di kebanyakan institusi kemuziuman di dunia ini dalam sama-sama menangani isu-isu berbangkit melalui pelbagai program yang diatur dan atas bimbingan pakar-pakar muzium, kerja-kerja yang terbengkalai dapat diungkayahkan dengan cepat dan berkesan.

Tema sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2003 tahun ini, 'Muzium dan Rakan' merupakan satu tema yang bersesuaian dengan peranan institusi kemuziuman iaitu sebagai rakan kepada masyarakat awam, penuntut-penuntut, guru-guru, sukarelawan dan persatuan yang mana mereka inilah nadi kepada institusi kemuziuman yang zahirnya tidak nampak peranan mereka terhadap kemajuan dan perkembangan dunia kemuziuman.

Menurut beliau, Rakan Muzium merupakan acara yang berkesan dalam menangani isu-isu kekurangan tenaga kerja, selain mendapatkan bantuan kewangan dalam membantu kos penyelidikan dan mungkin dalam pembelian

peralatan terkini dan canggih.

Dalam hal ini, beliau menyeru supaya Jabatan Muzium-Muzium Brunei tidak ketinggalan dalam sama-sama merebut peluang menubuhkan Rakan Muzium mereka mengikut lunas-lunas kemuziuman yang digariskan oleh Jawatankuasa Penasihat Majlis Muzium-muzium Antarabangsa (ICOM) 'Code of Ethic' bagi sama-sama menjaga kepentingan masing-masing dalam mencapai misi memelihara dan menjaga warisan bangsa dan negara agar terus terpelihara dan selamat untuk menjadi ristan generasi hari ini dan akan datang.

Di majlis itu juga, Dato Paduka berkesudahan merasmikan pelancaran buku bertajuk 'Ragam Hias Batu Nisan dan Makam : Satu Pengenalan' yang disusun oleh Awang Haji Mohamad bin Salim dan seterusnya merasmikan 'Museum Discovery Hall' (MDH) sebagai salah satu perkhidmatan baru jabatan itu dalam memberikan perkhidmatan pembelajaran kepada penuntut-penuntut sekolah rendah dan menengah.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyertaan cenderamata kepada

Dayang Siti Norhani binti Awang Hamid dan Awang Haji Fadil bin Haji Ahmad, para penerima Anugerah Pekerja Cemerlang dari kalangan warga jabatan dan aspek-aspek lain bagi mengenang khidmat yang diberikan sepanjang perkhidmatan mereka di jabatan tersebut.

Sempena sambutan itu juga, Ahli Jawatankuasa Induk sambutan menyusun beberapa acara sampingan iaitu mengadakan seminar dan bengkel pengurusan kemuziuman, pertemuan sejarah lisan mengenai 'Pengetahuan Silam' dan mengadakan kuiz eksplo-rasi tajalan HSBC.

Aktiviti-aktiviti itu antara lain bertujuan bagi menjana minda dan mengukuhkan jati diri anak watan dengan menanamkan rasa kecintaan dengan menghargai sejarah, budaya dan warisan semula jadi negara.

Hadir sama di majlis itu ialah Pengarah Muzium-Muzium, Awang Haji Matassim bin Haji Jibah, Pengerusi Sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2003, ketua-ketua jabatan, timbalan-timbalan ketua jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan beserta para pegawai dan kakitangan jabatan berkenaan.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR) JABATAN PERKHIDMATAN BANGUNAN, JABATAN KERJA RAYA (KUALA BELAIT) UNIT AIR (Bahagian II)

Jenis Perkhidmatan	TPOR
1. Menyiasat dan memberi maklum balas mengenai pencemaran bekalan air	3 hari
2. Mengeluarkan keputusan/kebenaran permohonan meter	1 minggu
3. Memproses permohonan bagi pemasangan paip air utama ke rumah-rumah	3 bulan
4. Bil-bil tuntutan akan dikeluarkan sekurang-kurangnya	Sekali dalam 2 bulan
5. Sebarang pemotongan bekalan air yang dirancang akan dimaklumkan	Sekurang-kurangnya 1 hari sebelum pemotongan dibuat



BAGINDA berdua berserta kerabat-kerabat diraja dan Jemaah Tadbir YSHHB merakamkan gambar kenangan (atas).

BAGINDA menyaksikan pameran model bangunan Kompleks YSHHB (kanan).

BAGINDA dan anakanda-anakanda baginda menerima junjung ziarah para penerima bantuan YSHHB (kanan sekali).

KEBAWAHA Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan menyaksikan pameran (bawah).

BAGINDA Raja Isteri ketika berkenan menurunkan tanda tangan sempena keberangkatan ke majlis itu (kanan).



JUGA berangkat Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolqiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolqiah.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolqiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolqiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna juga berangkat ke majlis itu (kanan).



K
M
1

BERA
yasan
Pehin
Awang
Sultan
sempe
Mulia
Negara
dapat
bersan
nya ya
objekt
Yas
menye
Hadap
Seri B
Darul
penub
Pesda
Ini
dalika
Kebaw
sebany
Kampo
Bolqia
Per
adalah
Mulia
Mu'izz
Negara
tinggal
besar d
Kel
Sultan
Baginda
rabat-k
Sel
peruma
ka ya
Set
rumah
ma-per
sedang
Me
nuntut
yang o
bidang
telah
bermua
meneri
Dai
meng
pering
Taman

ah DYMM, Kebawah DYMM Raja Isteri berangkat ke
Junjung Kasih sempena 10 tahun penubuhan YSHHB

Yayasan terus memeduli rakyat

Liputan
t HI, Abu Bakar HAR
n Samle Haji Jait
ambar-gambar oleh
adi HB, Ramli Tengah,
sman dan Hamadi HM

Pengerusi Lembaga Pengarah Ya-
Hassanal Bolkiah, Yang Dimuliakan
Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji
berkata sejak penubuhan Yayasan
Bolkiah (YSHHB) pada tahun 1992
Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha
Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan
salam Menaiki Takhta, YSHHB telah
beberapa projek dan aktiviti yang
pemedulian terhadap rakyat khusus-
an bantuan selaras dengan tujuan dan

menyatakan perkara tersebut ketika
kata aluan di Majlis Junjung Kasih Ke-
awah Duli Yang Maha Mulia Paduka
dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei
na memperingati ulang tahun ke-10
HB yang berlangsung di Pusat
angsa di sini.

apabila projek pertama yang diken-
B secara kerjasama dengan Kerajaan
Maha Mulia telah berjaya mendirikan
rumah di Kampung Buang Sakar di
ng kini dikenali sebagai Kampung
mpong Bolkiah 'B'.

jek tersebut menurut Yang Dimuliakan
urnia titah Kebawah Duli Yang Maha
Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
aulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan
salam bagi mengatasi masalah tempat
nduduk yang terlibat dalam kebakaran
ver pada tahun 1993.

ang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Pengiran Anak Hajah Saleha serta ke-
berkenan berangkat ke majlis tersebut.

YSHHB mengadakan skim bantuan
audara-saudara baru dan kepada mere-
mampuan.

Yang Dimuliakan sebanyak 100 buah
ina dan telah pun didiami oleh peneri-
mping beberapa buah rumah lagi kini
pembinaannya.

genai bantuan kewangan kepada pe-
yat Kebawah Duli Yang Maha Mulia
kan pelajaran mereka dalam pelbagai
eri, YSHHB jelas Yang Dimuliakan,
n skim seumpamanya di mana sejak
sebut seramai 76 orang penuntut telah

pendidikan yang lain, YSHHB telah
matan pendidikan yang bermula dari
dan rendah di mana pada masa ini
ak-kanak yang beroperasi sejak 1998



kini mempunyai 276
orang murid dan 354
murid bagi sekolah ren-
dah.

Manakala pencapai-
annya dalam pepe-
riksaan penilaian seko-
lah rendah, Sekolah
Rendah YSHHB telah
mencapai seratus per-
atus lulus di mana lebih
separuh calonnya men-
dapat 5 'A', sementara

perancangan di masa
hadapan YSHHB menu-
rut Yang Dimuliakan,
sedang merancang bagi
mendirikan sebuah se-
kolah menengah yang
dihasarkan bagi me-
nampung keperluan
sebahagian orang ramai
yang ingin menyeko-
lahkan anak-anak mere-
ka di sekolah swasta
yang bermutu tinggi.

Dalam pada itu seba-
gai langkah menyatukan
amal jariah Kebawah
Duli Yang Maha Mulia
ke dalam yayasan bagin-
da, jelas Yang Dimu-
liakan, baru-baru ini
Kebawah Duli Yang
Maha Mulia telah mem-
perkenalkan supaya
Ma'had Tahfiz Al-
Quran Sultan Haji Ha-
sanah Bolkiah ditadbir
oleh YSHHB.

Sementara sumba-
ngan YSHHB kepada
golongan belia di negara
ini, Yang Dimuliakan
menerangkan bahawa
pelbagai projek telah
diungkapkan antara-
nya mengadakan latihan
dan bimbingan dalam
pekerjaan di peringkat
perkeranian khusus ba-
gi lepasan peringkat 'O'
dibawah skim yang
dinamakan Job Start.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam ketika bertitah di Majlis Junjung Kasih
Sempena Memperingati Ulang Tahun Ke-10 Penubuhan YSHHB (atas).

KELIHATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha
Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri menyaksikan persembahan sempe-
na memperingati ulang tahun ke-10 penubuhan YSHHB (kiri).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia, Kebawah DYMM Paduka Seri Raja Isteri
berserta kerabat-kerabat diraja menerima junjung ziarah sejurus
berangkat tiba di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (bawah kiri).



BAGINDA ketika berkenan menurunkan tandatangan sempena
keberangkatan di Majlis Junjung Kasih Sempena Memperingati Ulang
Tahun Ke-10 Penubuhan YSHHB (atas).

SEBAHAGIAN daripada penerima bantuan sumbangan YSHHB meng-
hadiri majlis tersebut (bawah kiri dan bawah tengah).

CUCUNDA-CUCUNDA Kebawah Duli Yang Maha, Yang Amat Mulia
Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran
Anak Harilish Widatul Bolqiah turut sama menyertai persembahan
(bawah).



Keberangkatan lawatan kerja Kebawah DYMM ke Pulau Pinang

Berangkat tiba di Pulau Pinang

PULAU PINANG, 23 Mei.- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba dengan selamatnya di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas di sini bagi lawatan kerja selama tiga hari.

Lawatan kerja ini merupakan undangan Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri (Dr.) Haji Abdul Rahman Haji Abbas, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Pesawat peribadi khas baginda mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas kira-kira jam 11.10 pagi. Baginda kemudiannya dijunjung oleh Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar; Ketua Menteri Pulau Pinang, Yang Berhormat Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon dan Ketua Protokol Wisma Putra Malaysia, Yahya Abdul Jabbar.

Baginda kemudiannya dialu-alukan oleh Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri (Dr.) Haji Abdul Rahman; Menteri Hal Ehwal Luar Malaysia, Yang Berhormat Datuk Seri Syed Hamid Albar; Yang Berhormat Tan Sri Dato' Muhyiddin Yassin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna selaku Menteri Pengiring, Yang Berhormat Dato' Haji Yahya Haji Abdul Hamid, Speaker Dewan

Undangan Negeri dan Yang Berhormat Dato' Khalid Ramli, Setiausaha Kerajaan serta beberapa Ahli EXCO Negeri dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Sebelum berangkat menaiki kenderaan khas, doa selamat telah dibacakan oleh Mufti Kerajaan Pulau Pinang, Sahibus Samahah Haji Hassan bin Haji Ahmad.

Dari lapangan terbang, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diiringi oleh Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri (Dr.) Haji Abdul Rahman, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang menuju Hotel Eastern dan Oriental di mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersemayam sepanjang lawatan kerja ini.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah para jemaah yang menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat di Masjid Kapitan Keling.

Menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat di Masjid Kapitan Keling

PULAU PINANG, 23 Mei.- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat di Masjid Kapitan Keling di hari pertama lawatan kerja di sini.

Keberangkatan tiba baginda telah dijunjung

oleh Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri (Dr.) Haji Abdul Rahman dan Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Sahibus Samahah Haji Hassan bin Haji Ahmad.

Selepas menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat baginda berkenan menerima junjung ziarah daripada umat Islam yang sama-sama menunaikan Sembahyang Fardu

Hubungan Brunei dan Malaysia berkembang dengan pesat, erat

PULAU PINANG, 23 Mei.- Sejak hubungan diplomatik diwujudkan antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia dalam tahun 1984, hubungan kedua-dua negara telah mula berkembang dengan pesat dan erat dalam pelbagai bidang yang membawa faedah untuk masa hadapan rakyat dan negara iaitu bidang politik, ekonomi, pendidikan, kebudayaan, pertahanan, pengangkutan, penyiaran dan penerangan, perdagangan, pelaburan, pertanian dan perikanan.

Di bidang politik, kedua-dua negara telah memulakan perundingan tahunan di peringkat ketua pemimpin kedua-dua negara yang bermula sejak 1997 sehingga 2002 yang dilangsungkan di Kuala Lumpur dan Negara Brunei Darussalam. Begitu juga mesyuarat di peringkat Suruhannya Bersama, kedua-dua negara bermula dalam tahun 1994 sehingga tahun 2002 dan berlanjutan setiap tahun.

Di bidang perdagangan dan pelaburan, nilai import Negara Brunei Darussalam ke Malaysia berjumlah B\$420 bilion dalam tahun 2002 dan telah menyumbang kepada 38 peratus jumlah import negara-negara ASEAN. Import penghasilan pertanian termasuk buah-buahan, sayur-sayuran, daging dan ternakan ayam berjumlah B\$28.78 bilion.

Pada masa ini 22 syarikat rakan niaga di bawah peng-

Liputan Zubaidah HS dan Haji Ahmad HS

awasan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan kebanyakannya syarikat di dalam sektor pembinaan yang turut menyumbang pelaburan berjumlah B\$1.5 bilion.

Bagi mengukuhkan hubungan bidang ekonomi antara kedua-dua buah negara satu perjanjian Memorandum Persefahaman (MOU) mengenai pengusaha kecil dan sederhana telah diadakan di antara Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bersama Institut Industri Penyelidikan dan Piawaian Malaysia Sendirian Berhad (SIRIM) awal bulan Januari 2002. Objektif MOU tersebut bertujuan ke arah memperbaiki kualiti penghasilan tempatan dari pakar SIRIM.

Ini disusuli dengan lawatan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dalam bulan Julai 2002 dengan tujuan utama ke arah memperkenalkan dan mempromosikan penghasilan tempatan pengusaha kecil dan sederhana ke dalam pasaran serantau dan antarabangsa.

Kedua-dua negara juga telah mewujudkan MOU dalam bidang pertahanan sejak tahun 1992 dengan membuka jalan hubungan kerjasama dalam latihan ketenteraan, logistik, perisikan dan penyelidikan laut. Disusuli juga dengan penubuhan kerjasama Jawatankuasa Kerja Mengenai Pertahanan (JWDC). Pertemuan JWDC merupakan alternatif setiap tahun dan sejauh ini sebanyak tujuh mesyuarat telah diadakan dan terakhir dilangsungkan di Kuala Lumpur bulan Mac 2001.

Bagi meningkatkan kemahiran anggota tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah meneruskan penghantaran para anggotanya bagi menjalani latihan bersama Angkatan Bersenjata Diraja Malaysia. Kedua-dua angkatan bersenjata juga mengadakan latihan ketenteraan bersama serta bertukar-tukar lawatan.

Kerjasama dalam pendidikan, diwujudkan adalah bertujuan memperingkatkan dan mengukuhkan hubungan dengan universiti-universiti yang terdapat di Malaysia, melalui pertukaran penuntut-penuntut di samping mengadakan aktiviti bersama dalam penyelidikan dan penerbitan.

Universiti Brunei Darussalam ditubuhkan bertujuan bagi mewujudkan hubungan dengan universiti-universiti yang terdapat di rantau sebelah sini termasuk Malaysia untuk menubuhkan satu pusat maklumat dan teknologi tempatan.

Menurut perangkaan, terdapat sebanyak tujuh orang penuntut melalui dermasiswa kerajaan dan juga 44 orang penuntut belajar melalui perbelanjaan sendiri di institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia sejak tahun 2002 sehingga 2003. Sebanyak tiga orang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana dan empat orang mengikuti pengajian Diploma Lepas Ijazah di Universiti Islam Antarabangsa dan Universiti Kebangsaan Malaysia, termasuk dua orang guru tempatan mengambil BA Pendidikan dalam bidang Kaunseling dan Bimbingan dan BA Pendidikan

Sains di Universiti Putra Malaysia serta empat orang Pensyarah Universiti Brunei Darussalam juga belajar di pelbagai institusi tinggi di Malaysia.

Manakala 10 orang guru-guru dari Malaysia telah berkhidmat di Negara Brunei Darussalam yang ditempatkan di Institut Teknologi Brunei (ITB), dua orang berkhidmat di Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, 37 orang lagi ditempatkan di sekolah-sekolah vokasional dan teknikal dan 222 orang guru mengajar di sekolah-sekolah menengah.

Bidang kerjasama pelancongan juga diambil kira dalam hubungan kedua-dua negara, di mana Negara Brunei Darussalam dan Malaysia telah bersetuju bagi mempromosikan bersama pelancongan melalui 'Borneo Package' di mana kedua-dua kerajaan telah bersetuju bagi perbelanjaan kos promosi dan Brunei akan menjadi tempat permulaan bagi pakej tersebut diikuti ke Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Kos perbelanjaan promosi tersebut berjumlah B\$151,000 dengan setiap negara memperuntukkan sumber kewangan sebanyak B\$37,750. Kewangan itu akan digunakan bagi membiayai risalah dan poster, penghasilan video serta mewujudkan laman web mengenai Borneo Package.

Kedua-dua negara juga bersetuju untuk melancarkan logo baru bagi Borneo Package iaitu Borneo Asia Greatest Adventure.

Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan juga mengadakan kerjasama dalam bidang kesihatan antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia yang menampilkan jalinan erat yang memuakan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dan sebagai rakan kongsi dalam bidang berkenaan.

Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam menghargai pertolongan dan bantuan yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia berkaitan dengan perubatan dan juga isu-isu kesihatan.

Kementerian Kesihatan juga menyatakan harapan kerjasama sekarang saling bertamabah kukuh ke arah usaha-usaha mempromosi dan memperbaiki kesedaran kesihatan sebagai visi iaitu Kesihatan ASEAN 2002.

Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam melalui MOU telah mengambil 73 pekerja warga Malaysia untuk berkhidmat di negara ini di mana dari jumlah itu 17 doktor termasuk lima pakar dalam pelbagai bidang, 30 orang jururawat, tiga pegawai kesihatan, tiga orang di bidang kimia, tiga orang pegawai kawalan dadah, tiga orang perubatan, dua orang ahli fisioterapi, dua orang teknisyen makmal, seorang ahli radiologi dan seorang stenographer.

Di samping itu melalui MOU, Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam masih menghantar pesakit negara ini ke institusi perubatan di Malaysia bagi menerima rawatan lanjut. Melalui MOU, seramai 245 orang pesakit telah mendapat pemeriksaan di sana dan menunjukkan Negara Brunei Darussalam mempunyai 175 pesakit jantung dan 69 lagi pesakit kanser.

Keberangkatan lawatan kerja Kebawah DYMM ke Pulau Pinang

Berangkat melawat Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang

Liputan Zubaidah HS
dan Haji Ahmad HS
dari Pulau Pinang

PULAU PINANG, 23 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di hari pertama lawatan kerja ke sini telah berkenan berangkat mengadakan lawatan ke Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di Bayan Baru di sini.

Keberangkatan tiba baginda ke perbadanan tersebut telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Yang Berhormat Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon, Ketua Menteri Pulau Pinang yang juga selaku Pengerusi perbadanan itu serta lain-lain Pegawai Eksekutif Kanan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang. Sejurus tiba, baginda berkenan menandatangani buku lawatan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudiannya berkenan menerima taklimat mengenai pembangunan di Pulau Pinang, sejarah perkembangan ekonomi negeri itu dari tahun 1960 hingga masa kini dan strategi masa depan negeri itu yang disampaikan oleh YB Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon.

PDC ditubuhkan pada tahun 1969 yang mengamalkan pendekatan yang pragmatik dan beraneka

dimensi untuk perancangan dan pembangunan sosioekonomi demi kepentingan rakyat dan penduduk Pulau Pinang.

Melalui program-program PDC di antaranya perindustrian, perbadanan, pembangunan semula bandar, penggalakan pelancongan, pembangunan sumber tenaga manusia dan bidang-bidang lain di mana Pulau Pinang telah mengalami perubahan ekonomi yang mengagumkan dengan kemajuan besar di mana taraf dan kualiti kehidupan warga negeri itu telah meningkat.

Sepanjang jangka masa tersebut, PDC telah membangunkan Pulau Pinang hingga ke tahap yang ada sekarang di mana negeri ini telah menjadi pusat pembangunan yang maju dan dinamik di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia.

Melalui penglibatan PDC dalam program pelbagai pembangunan iaitu perancangan dan pembangunan industri, pembangunan bandar baru, pembangunan semula bandar, pembangunan dan penebusan tanah serta pelaburan, PDC telah berjaya menghasilkan kualiti yang baik kepada warganya yang sudah setentunya menjadi contoh yang

baik kepada mana-mana negeri.

Sejak tahun 1990-an, perbadanan tersebut juga telah berjaya mengembangkan sektor-sektor pembangunan dan ekonomi yang utama seperti pendidikan, kesihatan, pelancongan dan infrastruktur seperti jalan dan lebuh raya

dan Jambatan Pulau Pinang.

Di majlis taklimat itu, sesi soal jawab dari rombongan Kebawah Duli Yang Maha Mulia iaitu Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat bersama Ketua Menteri

Pulau Pinang juga diadakan.

Sejurus taklimat berakhir, baginda juga telah berkenan menerima pesambah dari Ketua Menteri Pulau Pinang sebagai tanda kenangan keberangkatan baginda ke perbadanan itu.

Selepas berangkat me-

ninggalkan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyeberangi Jambatan Pulau Pinang yang

menghubungkan pulau itu dengan Semenanjung Malaysia. Jambatan yang dibina pada tahun 1987 itu telah menelan belanja sebanyak RM850 juta. Ianya berukuran 13.5 kilometer dan merupakan salah satu jambatan yang terpanjang di Asia.

Berangkat pulang selepas lawatan kerja ke Pulau Pinang, Malaysia

PULAU PINANG, 25 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan berangkat pulang selepas mengadakan lawatan kerja ke Pulau Pinang, Malaysia.

Lawatan kerja ini ialah atas undangan Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri (Dr.) Haji Abdul Rahman Haji Abbas, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Sebelum bertolak dari hotel, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima cenderamata yang disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Kemuncak atur cara lawatan kerja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Pulau Pinang ialah perjumpaan empat mata bersama Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana

Menteri Malaysia.

Semasa perjumpaan tersebut kedua-dua ketua negara telah membincangkan isu-isu dua hala dan serantau yang mempunyai kepentingan bersama dan bertukar-tukar pandangan mengenai usaha-usaha untuk mempertingkatkan lagi kerjasama di antara kedua-dua buah negara.

Semasa lawatan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah mengadakan lawatan ke Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang. Di perbadanan tersebut, baginda telah disembahkan taklimat mengenai pembangunan dan perancangan ekonomi Pulau Pinang dan perancangan-perancangan masa depan ke arah pembangunan lestari dalam mencapai sasaran Wawasan 2020 pada tahun 2010.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berangkat ke Majlis Santap Malam Kerajaan Negeri yang disempurnakan oleh Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang bersempena lawatan tersebut.

Sebelum berangkat pulang, doa selamat telah dibacakan oleh Sahib Samahah Haji

Hassan Haji Ahmad, Mufti Kerajaan Pulau Pinang.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas bagi mengucapkan selamat berangkat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Dr. Haji Abdul Rahman Haji Abbas, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang; Yang Berhormat Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon, Ketua Menteri Pulau Pinang; Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Muhyiddin Yassin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Penggunaan selaku Menteri Pengiring; Yang Berhormat Dato' Dr Hilmi Haji Yahaya, Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang; Yang Berhormat Dato' Haji Yahaya Haji Abdul Hamid, Speaker Dewan Undangan Negeri dan Yang Berhormat Dato' Khalid Ramli, Setiausaha Kerajaan serta beberapa Ahli EXCO Negeri dan pegawai-pegawai kanan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Juga hadir di lapangan terbang ialah Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia dan pegawai-pegawai Suruhanjaya Tinggi.

Penubuhan Seri Budaya Thailand sempena 20 tahun hubungan diplomatik

BERAKAS, 23 Mei. - Seramai 17 orang termasuk pemain-pemain muzik tradisi Thailand telah mengadakan persembahan Seni Budaya Thailand (Thailand Cultural Showcase) secara percuma di seluruh negara.

Ini adalah sebagai menandakan sambutan ulang tahun ke-20 penubuhan hubungan diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam dan Thailand yang dijalin sejak mencapai kemerdekaan pada Januari 1984.

Yang Teramat Mulia

Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri berkenan berangkat menyaksikan persembahan pertama Seni Budaya Thailand tersebut berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Majlis dihadiri juga oleh Duta Besar Thailand ke Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Sunthon Niyomyath yang juga turut berucap.

Kumpulan Seni Budaya

Thailand itu diketuai oleh Profesor Dr. Mattanee Rattanan yang sebelum ini bertugas sebagai dekan di Fakulti Kesenian, Universiti Thammasat.

Di samping menjalin hubungan di bidang diplomatik, Negara Brunei Darussalam dan Thailand juga mempunyai kerjasama yang rapat dalam banyak bidang iaitu pelaburan, perkembangan sumber manusia, pendidikan, perdagangan dan perkhidmatan udara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melawat Thailand pada November 1988 dan bulan Ogos tahun lalu.

Malah pada tahun 1998 dalam bulan Mei ketika lawatan kerja Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Negara Brunei Darussalam dan Thailand menandatangani perjanjian persefahaman (MOU) bagi penubuhan Suruhanjaya Bersama Bagi Kerjasama Bilateral.

Sebanyak 11 jenis tarian seni budaya Thailand

dipersembahkan pada malam itu yang turut dihadiri oleh lebih 200 pengunjung dan peminat-peminat seni tari di negara ini.

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menerima cenderamata dari isteri Duta Besar Thailand ke negara ini sempena majlis tersebut (kanan). - Gambar oleh Haji Masimah HMA.



SALAH satu seni budaya Thailand yang dipersembahkan di malam tersebut. - Gambar oleh Haji Masimah HMA.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna ketika berkenan menyaksikan Seni Budaya Thailand yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

141 peserta dianugerahkan lot tanah dan kunci rumah



Liputan
Dk. Hajah Saidah
PHOA, Abdullah
Asgar dan
Bolhassan HAB
Gambar-gambar
oleh
Pg. Haji Bahar PHO,
Pg. Rafee PDPHM,
Haji Masmaleh HMA
dan Hamadi HM

SUNGGAI TAL, 22 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat ke Sekolah Rendah Sungai Tali, Kampong Lumut II bagi menyempurnakan penganugerahan lot-lot tanah di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lumut/Sungai Liang dan anak-anak kunci rumah di bawah RPN Kampong Pandan serta anak-anak kunci rumah di bawah Bantuan Skim Perumahan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) bagi Daerah Belait dan Tutong.

Keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad dan Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB, Yang Dimulikan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin serta Pegawai Daerah Belait, Awang Adnan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai yang diketuai oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Belait, Awang



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengurniakan anak kunci rumah pada Awang Rafe'e bin Ya'akub, penerima Skim Rancangan Perumahan Negara Kampong Pandan (atas) dan kepada salah seorang penerima Rumah Bantuan Skim Perumahan YSHHB (atas kiri).

Haji Hassan diikuti dengan sembah ucapan alu-aluan daripada Pegawai Daerah Belait.

Baginda seterusnya dijunjung oleh Menteri Pembangunan untuk menyempurnakan penganugerahan lot-lot tanah RPN Lumut/Sungai Liang, anak-anak kunci rumah Kampong Pandan dan anak-anak kunci rumah Bantuan Skim Perumahan YSHHB kepada 141 orang penerima iaitu 117 orang penerima lot-lot tanah, anak-anak kunci rumah Kampong Pandan seramai lima orang dan anak-anak kunci rumah Bantuan Skim Perumahan YSHHB seramai 19 orang, 10 orang penerima bagi Daerah Belait dan sembilan orang bagi Daerah Tutong.

Baginda kemudian dijunjung berangkat melawat ke Sekolah Rendah Sungai Tali, Kampong Lumut II. Sepanjang lawatan baginda disembanakan penerangan mengenai sekolah tersebut oleh Guru Besar, Cikgu Haji

Mohd. Shuani bin Haji Kadir.

MELAWAT SEKOLAH AGAMA

Sekolah tersebut dibina pada 2 Oktober 1997 di atas tanah seluas enam hektar dengan perbelanjaan melebihi \$6 juta. Pembinaannya diselenggarakan dengan pembinaan Sekolah Agama Sungai Taring yang terletak bersebelahan. Kedua-dua buah sekolah tersebut termasuk dalam RKN Ke-7 yang bernilai lebih \$11 juta dengan keluasan 18 ekar.

Sekolah berkenaan telah siap sepenuhnya pada 1 Oktober 1999 dan mempunyai sebuah blok pentadbiran yang mengandungi pejabat guru besar, bilik kerja guru, perpustakaan, klinik gigi, dua bilik ICT, bilik matematik, bilik mesyuarat, bilik ibadat, bilik sains, enam buah bilik darjah dan tandas guru.

Manakala blok akademik mengandungi 12 bilik, bilik kerja murid, bilik pameran, bilik RELA,

bilik lukisan dan bilik pengajian Islam sementara blok prasekolah pula mengandungi dua buah bilik pra, dewan gerak pra, tandas, dewan serbaguna dan kantin.

Sekolah tersebut memulakan sesi persekolahan pada 1 Oktober 2000. Keramaian muridnya pada ketika ini 271 orang iaitu 126 perempuan dan 145 lelaki. Prasekolah (26), darjah satu (31), darjah dua (42), darjah tiga (46), darjah empat (42), darjah lima (46) dan darjah enam (39).

Dari sekolah tersebut baginda meneruskan lawatan ke tapak projek RPN Lumut/Sungai Liang yang mempunyai keluasan tanah 282 hektar boleh menampung 1,170 lot rumah dan tanah. Sebanyak 117 lot tanah di kawasan itu telah dianugerahkan pada hari ini. Kerja-kerja penyediaan lot tanah berkenaan telah dimulakan pada 2 Januari 2001 dan siap pada bulan Mei lepas.

Lihat muka 13



BAGINDA mendengar penerangan mengenai perkhidmatan Pejabat Pos Lumut yang disampaikan oleh Ketua Pejabat Pos Lumut (atas sekali).

PEMANGKU Pengarah Perumahan, Awang Haji Mohd. Zin bin Haji Salleh menyemah taklimat ketika baginda melawat ke tapak Projek Rancangan Perumahan Negara Lumut/Sungai Liang (atas).

BAGINDA semasa melawat ke Syarikat Noor Laila Jaya Enterprise Sendirian Berhad yang menghasilkan pili plastik bermutu tinggi (kiri).

AHLI-AHLI Majlis Perundingan Kampong Lumut 1 sempat bergambar ramai bersama baginda (kanan).



Dari muka 12

Baginda seterusnya dijunjung berangkat ke rumah Ketua Kampung Lumut II, Awang Haji Muhammad Yassin di Kampung Sungai Tali. Awang Haji Muhammad Yassin, 67 tahun mula dilantik sebagai ketua kampung pada 15 Oktober 1992. Sebelum itu beliau berkhidmat dengan Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP).

Kampung-kampung dalam pengawasan beliau ialah Kampung Sungai Kayu Ara, Sungai Tali dan Sungai Turing dengan kera-maian penduduk sekitar 3,000 orang. 90 peratus daripada mereka beragama Islam. Antara kemudahan yang disediakan di kawasan kampung beliau premis perniagaan, jalan raya, talian elektrik, paip air, telefon, taman rekreasi, masjid, sekolah dan pejabat sekolam.

Baginda juga berkenan berangkat berce-mar duli ke rumah Pemangku Ketua Kampung Lumut I, Awang Haji Mohd. Shafiee di Jalan Kecil Lumut. Beliau mula dilantik pada 1 September tahun lepas, sebelum itu beliau bertugas di BSP. Kampung-kampung dalam pengawasan beliau ialah Kampung Agis-Agis, Sungai Lalit, Sungai Kuru, Sungai Kang, Sungai Bakong Utara dan Selatan, Lumut Tersusun dan Jalan Pantai Lumut.

Keramaian penduduk 3,840 orang majoritinya beragama Islam. Kebanyakan mereka bekerja dengan kerajaan, swasta dan persendirian, manakala kawasan yang paling ramai penduduk di Kampung Sungai Bakong Utara melebihi 2,000 orang. Kampung-kampung berkenaan juga menikmati kemudahan yang diberikan oleh kerajaan antaranya jalan raya, talian elektrik, paip air, telefon, taman rekreasi, perhentian bas, sekolah dan pejabat pos.

Dari sana, baginda meneruskan keberangkatan ke rumah-rumah peserta yang menerima anak-anak kunci rumah di bawah Bantuan Skim Perumahan YSHHB. Dayang Sofia binti Abdullah @ Davie Anchanah di Jalan Sungai Bakong Selatan. Rumah tersebut siap pada 24 Oktober 2001 dan sebulan selepas itu beliau telah mendiami rumah berkenaan.

Rumah bantuan di bawah skim berkenaan dikhususkan kepada saudara-saudara baru dan mereka yang daif serta tidak berkemampuan mendirikan rumah sendiri. Projek pembinaan rumah-rumah bantuan kepada saudara-saudara baru bertujuan bagi memberi peluang kepada mereka untuk menikmati kehidupan yang aman dan sejahtera bagi sama-sama mempertingkatkan tahap kehidupan rakyat di negara ini.

Baginda seterusnya dijunjung berangkat ke Pejabat Pos Lumut. Keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh Ketua Pos Agung, Pengiran Haji Mohd. Yaakop bin Pengiran Haji Othman. Pejabat Pos berkenaan mula beroperasi pada 5 Mac 2001. Sebelum itu Pejabat Pos Sementara Sungai Liang/Lumut ditempatkan di Balai Raya Sungai Liang.

Pejabat Pos Lumut mempunyai seorang ketua pos, dua orang kakitangan kaunter, empat orang posmen dan seorang pember-sih. Perkhidmatan yang diadakan seperti penjualan setem, penjualan wang pos Brunei, penerimaan kiriman wang, surat-surat biasa dan berdaftar, pos cepat, pos laju, bungkusan dan paket kecil serta dilartkan kepada pelbagai perkhidmatan seperti membaharui cukai jalan, penyambungan lesen memandu kelas I dan 3, pembayaran bil-bil elektrik, air dan telefon.

Pejabat Pos yang baru

dan kekal telah pun dibina dan perletakan batu asas telah dirasmikan oleh Ketua Pos Agung pada 10 Disember lepas dan dijangka siap pada bulan Julai tahun ini.

Baginda kemudian berkenan berangkat berce-mar duli ke beberapa buah rumah penerima di bawah Bantuan Skim Perumahan YSHHB di Kampung Lumut Tersusun. Sejak projek pembinaan rumah-rumah bantuan di bawah skim berkenaan mula dilaksanakan pada tahun 1996 sebanyak 100 buah rumah telah dibina di seluruh negara.

Rumah bantuan kepada mereka yang tidak berkemampuan bertujuan bagi memberi peluang kepada mereka untuk menikmati kehidupan yang aman dan sejahtera bagi sama-sama mempertingkatkan tahap kehidupan rakyat di negara ini.

Baginda meneruskan lawatan ke Syarikat Noor Laila Jaya Enterprise Sendirian Berhad iaitu Polyolefins Pipe (B) Sendirian Berhad yang terletak di Estet Perindustrian Ringan, Sungai Bera. Keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh Pengarah syarikat tersebut, Pengiran Umar bin Pengiran Lela Utama Pengiran Haji Md. Said.

Syarikat tersebut merupakan syarikat tempatan yang terlibat dalam pengeluaran dan pemasaran paip air, gas dan saluran najis yang berkualiti tinggi dan diiktiraf oleh ISO 9002. Ianya telah beroperasi tujuh tahun lalu dengan menggunakan dua buah mesin berteknologi tinggi dan canggih yang didatangkan dari Jerman. Setiap mesin tersebut dikendalikan oleh dua orang pekerja yang berpengalaman dan mahir. Mereka dibantu oleh beberapa pekerja lain.

Semasa berada di sana baginda berkenan menyaksikan demonstrasi membuat paip, melihat paip-paip

yang telah siap diproses dan menyaksikan pameran mengenai penyambungan paip.

Setiap satu metrik tan bahan-bahan mentah yang diimport dari luar negara bagi membuat paip-paip berkenaan dianggarkan berharga antara AS\$600 ke \$900 yang didatangkan dari Indonesia, Korea dan Thailand. Paip-paip berkenaan mempunyai pelbagai ukuran dan syarikat tersebut oleh menyiapkan 40 batang paip sehari. Selain itu syarikat tersebut juga menawarkan perkhidmatan konsultansi kepada pelanggan-pelanggan yang berpotensi. Kesemua bahan-bahan yang dihasilkan oleh syarikat itu di bawah nama 'POLY PIPE'. Paip-paip yang dihasilkan dijual di pasaran digunakan oleh pihak kerajaan, BSP dan sektor swasta dan sebilangan juga dieksport ke luar negeri seperti Malaysia.

Dari sana baginda seterusnya berangkat berce-mar duli ke beberapa buah rumah penerima di bawah RPN Kampung Pandan. Lima buah rumah yang dianugerahkan itu merupakan rumah tambahan bagi mengisi lot-lot tanah yang kosong di kawasan berkenaan.

Pembinaan rumah-rumah tersebut ditawarkan kepada pemborong-pemborong kecil dan sederhana. Kerja-kerja pembinaan rumah kelas 'D' tersebut dilaksanakan pada bulan November 2001 dan siap pada bulan September tahun lalu dengan harga \$62 ribu sebuah. Setiap rumah mempunyai keluasan 1.67 hektar persegi.

Dari sana baginda dijunjung berangkat ke Dewan Santap Jabatan Daerah bagi menikmati santap tengah hari. Sebelum berangkat pulang baginda berkenan menerima junjung ziarah pegawai-pegawai kanan kerajaan dan tetamu yang hadir.



KEGEMBIRAAN jelas terpancar di wajah para ahli sebuah keluarga yang menerima rumah Bantuan Skim Perumahan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah apabila dapat bergambar bersama baginda.



BAGINDA ketika berkenan menerima junjung ziarah semasa berangkat melawat rumah-rumah Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan.



BAGINDA ketika berangkat melawat ke rumah Ketua Kampung Lumut II, Mukim Liang, Awang Haji Muhammad Yassin bin Haji Yusof.



MENGALU-ALUKAN KEBERANGKATAN ... Murid-murid Sekolah Rendah Sungai Tali II mengibarkan bendera sejurus keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia (atas).

PENERIMA-PENERIMA lot-lot tanah di bawah RPN Lumut/Sungai Liang dan anak-anak kunci rumah di bawah RPN Kampung Pandan dan anak-anak kunci rumah di bawah Bantuan Skim Perumahan YSHHB bagi Daerah Belait dan Tutong (kiri).

KEPRIHATINAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia terhadap pembelajaran murid-murid sekolah apabila baginda bertanyakan sesuatu ketika berangkat melawat ke Sekolah Rendah Sungai Tali II (kanan).



Majlis Penutup Dikir Maulud

KIARONG, 13 Mei. - Dikir Maulud yang berlangsung 12 malam berturut-turut sempena sambutan hari keputeraan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam berakhir dengan Majlis Penutup di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat

Oleh
Samle Haji Jait

Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain mengetuai pembacaan Surah Al-Faatihah bagi memulakan majlis.

Dikir Assalamu Alaika,

Khairuman, Badat dan Asyraqal dibawakan oleh kumpulan-kumpulan dikir, jabatan-jabatan kerajaan dan sekolah-sekolah menengah Daerah Brunei dan Muara.

Mudim Awang Haji Tamin bin Haji Puting membaca Doa Dikir. Sementara itu Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji

Awang Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz membacakan doa selamat.

Sambutan Dikir Maulud juga diadakan di masjid-masjid, surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara bagi menyemarakkan lagi sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam tahun 1424 Hijrah.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain hadir di Majlis Penutup Dikir Maulud di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah. - Gambar oleh Md. Zul-izzi HD.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar ketika merasmikan bangunan kekal Koperasi Kebajikan dan Sosial Kementerian Kesihatan Sendirian Berhad. - Gambar oleh Halim HS.



TIMBALAN Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub dan pegawai-pegawai kanan kementerian ketika menghadiri Majlis Sambutan Maulud Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Keputeraan Baginda Rasulullah utama dalam kalendar Islam

BERAKAS, 16 Mei. - Antara malam-malam yang utama dalam kalendar Islam ialah malam Maulud Rasul hari keputeraan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kemudian disenaraikan Lailatulqadar, Malam Nisfu Syaaban dan malam-malam lain.

Paling utama dalam Islam ialah malam memperingati keputeraan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam kerana berdasarkan kepada firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirannya: "Dan tidaklah Kami (Allah) utus engkau (wahai Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi seluruh alam semesta." (Surah Al-

Oleh
Haji Ahmad HS

Anbiyaa' ayat 107).

Makna alam bukan untuk manusia sahaja, tetapi kepada bintang-bintang, tumbuhan-tumbuhan seluruh alam yang menurut pengertian Arab alam bermakna satu dan alamin bermakna jamak (banyak) dan kenapa menyebut alamin kerana alam itu banyak iaitu alam Malaikat, alam jin, alam syaitan, alam manusia dan lain-lain alam.

Perkara tersebut dijelaskan oleh penceramah undangan, Pusat Da'wah Islamiyah, Dr. Haji Muhammad Hadi

Zaki di Majlis Sambutan Maulud Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya dikendalikan oleh Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara berlandaskan di Dewan Besar Pusat Da'wah Islamiyah di sini.

Di majlis itu beliau menyenut mengenai tema sambutan iaitu 'Bangsa Berilmu, Negara Maju Berteraskan Wahyu' yang katanya ilmu sangat luas, di mana dalam konteks Islam ilmu itu ada dua iaitu ilmu fardu ain dan fardu kifayah.

Menurutnya fardu ain, ilmu yang bersifat keagamaan yang wajib dipelajari oleh

umat Islam, kalau tidak dipelajari kita akan berdosa seperti antaranya belajar Al-Quran, manakala ilmu kifayah adalah ilmu yang bersifat keduniaan iaitu ilmu kejuruteraan, ilmu sains dan teknologi, ilmu perubatan dan sebagainya yang tidak wajib ke atas individu berbanding dengan ilmu fardu ain.

Tetamu kehormat di majlis itu ialah Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub.

Selain ceramah, majlis diserikan lagi dengan Majlis Dikir Marhaban yang disampaikan oleh pegawai dan kakitangan Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara.

Kejayaan koperasi bergantung kerjasama semua pihak

Oleh
Siti Aishah HS

Majlis Perasmian Bangunan Kekal Koperasi Badan Kebajikan Sukan dan Sosial (BKSS), Kementerian Kesihatan Sendirian Berhad di bangunan kekal Koperasi BKSS, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di sini.

Yang Berhormat menambah, kekukuh koperasi adalah kerana kekukuh kewangannya dan hartanya yang menjadi aset atau kapitalnya berteraskan pengurusan amanah, cekap dan bijak dalam mengurus kewangan koperasi yang bergantung kepada Lembaga Pemegang Amanah yang bertanggungjawab serta amanah.

"Kemantapan dan kejaya-

an syarikat tidak dapat dicapai kecuali dengan sokongan padu dari ahli-ahlinya serta perkhidmatan yang efisien dan layanan yang baik," tegas Yang Berhormat.

Pada tahun 2002, sempena 25 tahun perkembangan pergerakan koperasi di negara ini, pengiktirafan bagi kejayaan yang telah dicapai menjadikan koperasi tersebut dianugerahkan sebagai Koperasi Yang Berdaya Maju.

Untuk itu, Kementerian Kesihatan sentiasa menyokong pergerakan koperasi tersebut melalui kegiatan perniagaannya dalam menaikkan taraf ekonomi ahli-ahlinya yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan kementerian. Koperasi BKSS juga banyak memberikan sumbangan dalam menjayakan aktiviti berkegiatan yang mendatangkan manfaat kepada kedua-dua

belah pihak.

Koperasi BKSS antara lain, menempatkan kafeteria dan ruang kedai yang menelan belanja sebanyak \$67,000.00 dan kesemua perbelanjaan bagi pembinaan bangunan ialah melalui penjualan saham yang bernilai \$25.00 bagi satu saham.

Untuk itu, pembinaan bangunan berkenaan telah dibina dengan menggunakan wang saham yang terkumpul, tanpa meminjam daripada mana-mana bank.

Di majlis tersebut, Yang Berhormat berkesempatan melawat dua buah ruang kedai, kafeteria dan menandatangani buku lawatan sempena kunjungan ke koperasi berkenaan yang memulakan operasi perniagaannya mulai jam 7.00 pagi hingga 10.30 malam setiap hari.

Koperasi BKSS capai kejayaan membanggakan

Oleh
Siti Aishah HS

Koperasi BKSS, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) di sini.

Beliau menambah, Koperasi BKSS telah berjaya mendirikan sebuah bangunannya sendiri yang menempatkan sebuah kafeteria, dua ruang kedai, pejabat dan bilik mesyuarat dengan kemudahan dua mesin ATM yang mana kesemua kemudahan tersebut dihasilkan untuk menyediakan perkhidmatan dan keperluan para pesakit, pelawat dan kakitangan Hospital RIPAS, manakala kemudahan khas juga disediakan bagi pelawat dan pesakit berkerusi roda di mana ramp dan bilik air khas disediakan sebagai kemudahan asas.

Manakala wawasan koperasi berkenaan adalah untuk menjadi koperasi yang progresif yang berdaya maju, sentiasa memperkembangkan perniagaan dalam bidang-bidang lain yang bersesuaian melalui peluang-peluang yang diberikan serta pelan strategik yang 'viable' sebagai tunjuk

arah atau 'road map' untuk mencapai wawasan tersebut.

Sehubungan dengan itu, hingga ke hari ini perniagaan koperasi berkenaan berkembang maju dengan cawangan baru di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Haji Al-Muhtadee Billah Tutong, Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait, Poliklinik Setia dan juga perkhidmatan trolis makanan hampir di kesemua pusat-pusat kesihatan. Dengan bertambahnya perniagaan tersebut, ia bukan saja memberikan perkhidmatan kepada orang ramai tetapi juga membuka peluang pekerjaan terutama sekali anak-anak kepada ahli-ahli koperasi itu sendiri.

Hadir sama di majlis berkenaan, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Haji Zainal; Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Intan; Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Dr. Haji Affendi; Pengarah BINA, Awang Haji Mohd. Zain; Pengerusi Koperasi BKSS, Pengiran Hashim berserta Pengarah-pengarah, Timbalan Pengarah dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Kesihatan.

ARENA SUKAN

Seruji unggul Kejohanan Golf Amal Baiduri Bank

MENTIRI, 11 Mei. - Seruji Haji Setia berjaya memamerkan permainan yang menyerlah apabila menjadi juara keseluruhan gross, Kejohanan Golf Amal Kumpulan Bank Baiduri, di Kelab Golf Pantai Mentiri.

Pada kejohanan itu beliau mencatatkan 68 gross sekali gus memenangi kejohanan itu sebanyak empat kali selepas memenanginya tiga tahun berturut-turut pada tahun 1999 - 2001.

Juara keseluruhan nett pula disandang oleh Moxsin Junaidi yang mencatatkan 63 nett.

Berangkat menyampaikan hadiah-hadiah kepada

para pemenang di kejohanan itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.

Juara bahagian lelaki 'A' gross dimenangi oleh Haji Arfian Haji Abd. Kadir; tempat kedua, Zaini Haji Abdul Rahman, manakala juara keseluruhan nett lelaki 'A' ialah Haji Supahan dan di tempat kedua Christopher Tay.

Pemenang bahagian lelaki 'B' gross dirangkul oleh Mohd. Khairul Haji Paun dan kedua, Pg. Haji Zamani Pg. Haji Ahmad dan juara keseluruhan lelaki 'B' nett ialah Pg. Haji Zulkifli dan kedua, Mohd. Lufti Abdullah.

Dalam bahagian lelaki 'C', juara nett diraih oleh Ho Lay Hoon dan kedua, Ak. Kifli Pg. Bakar.

Sin Siew Khuen pula muncul sebagai juara bahagian wanita nett dengan catatan 64 nett; kedua, Joan Chin 69 nett dan ketiga, Hajah Azizah Ahmad dengan 70 nett.

Kejohanan ini juga berjaya menampilkan seorang pemain yang berbakat, Mohd. Khairul Kamis. Pemain muda yang baru berusia 12 tahun ini berjaya mengatasi beberapa orang pemain dewasa dan muncul menjuarai bahagian lelaki 'D' dengan catatan 71 nett OCB.

Beliau yang baru setahun mendekati sukan golf ini mendapat bimbingan melalui Skim Golf Remaja Jabatan Belia dan Sukan dan telah beberapa kali menyertai kejohanan tempatan.



JUARA... Seruji Haji Setia menjulang piela kejuaraan Kejohanan Golf Amal Kumpulan Bank Baiduri sejourus dikurniakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi. - Gambar oleh Hamadi HM.

Kejohanan Boling JPM

Pasukan dari 10 jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) berentap di gelanggang Bowling Utama Seri Kompleks dalam Kejohanan Ten Pin Bowling 2003 yang diselenggarakan oleh Jabatan Audit dan Unit Petroleum.

Kejohanan itu dirasmikan oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji Abd. Hamid.

Antara jabatan-jabatan yang menyertai kejohanan tersebut termasuklah JPM, Unit Petroleum, Jabatan Audit, Jabatan Perkhidmatan

Awam (JPA), Pasukan Polis Diraja Brunei, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Biro Pencegah Rasuah (BMR), Radio Televisyen Brunei (RTB), Biro Kawalan Narkotik (BKN) dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN).

Ini merupakan kejohanan yang pertama kali diadakan sebagai meningkatkan mutu sukan boling di negara ini dan bagi mengeratkan silaturahim di kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan di JPM dan jabatan-jabatan di bawah JPM.



NAH... Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pg. Haji Abdul Hamid merasmikan Kejohanan Boling Antara Jabatan-jabatan Di Bawah JPM. - Gambar oleh Pg. Rafae PDPHM.

AH United benam IBM Bokok 4 - 0

AH United mencatatkan kemenangan kedua berturut-turut dalam saingan Kumpulan 'A' Liga Bola Sepak Kebangsaan 2003 (Liga B) dengan mengalahkan pasukan dari Daerah Temburong, IBM Bokok 4 - 0 di Kompleks Sukan Sungai Kebun.

IBM Bokok yang sebelum ini tewas kepada Bandaran KB 1 - 2, pada awal permainan cukup mengagalkan dengan memberikan saingan sengit dan hanya pada minit akhir separuh masa pertama pertahanan mereka berjaya ditembusi 1 jaringan melalui penyerang AH United, Mohammad Shah Razen Said.

Selepas jaringan pendahuluan itu cabaran IBM Bokok semakin longgar sehingga bola kawalan Abdul Rahman Haji Md. Yazid dekat pintu gol berjaya dirampas oleh Ak. Asrul Asdynee dan terus menjambak masuk untuk menjadikan kedudukan 2 - 0.

Dua jaringan itu terus menyuntik keghairahan AH United mengasak terus pertahanan IBM Bokok. Bagaimanapun, penjaga gol Zulamri Haji Emran berjaya menggagalkannya.

Melihat banyak peluang terlepas begitu saja AH United kemudian memajukan pemain gantian Idris



Lupat menggantikan ketua pasukan yang cedera, Fazri Jumat dan Mazran Haji Md. Jamin digantikan oleh Kassleywandi Tamit untuk memperkukuhkan bahagian serangan.

Ternyata strategi itu membuahkan hasil apabila Mohammad Shah Razen Said yang bergerak secara solo berjaya menewaskan dua pertahanan IBM Bokok dan merembat masuk untuk jaringan ketiga.

Selepas jaringan ketiga itu Pg. Kamshulzaman Pg. Haji Kula pula menambatkan lagi jaringan keempat AH United, apabila hantaran dari tengah Lim Hok Lung berjaya disudahinya dengan rembatan kencang di tepi tiang gol.

Selepas itu beberapa percubaan lagi menyusul namun kesemuanya gagal menepati sasaran sehingga kedudukan kekal 4 - 0.

ABDB DIRUNDUNG MALANG

Oleh
Haji Ahat HI

SELEPAS tewas tipis 1 - 2 kepada WIJAYA F.C., Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) terus dirundung malang dalam saingan Kumpulan 'B', Liga Bola Sepak Kebangsaan 2003 (Liga B) dengan mengalami kekalahan kedua kepada QAF F.C. di Belapan dan Padang.

Bagaimanapun, dua kekalahan berturut-turut itu belum lagi menjejaskan peluang naib juara liga dan naib juara Piala F.A. tahun lalu itu untuk terus menyertai memandangkan masih banyak perlawanan akan mereka harungi.

Begitupun, melihat dari dua aksi perlawanan yang lalu itu nampak barisan penyerang ABDB banyak mempersia-siakan peluang terbuka meskipun hanya berdepan dengan penjaga gol lawan.

Antaranya, ketika perlawanan dengan WIJAYA

pintu gol.

QAF F.C. yang muncul menyertai Liga-B ini melalui proses perlawanan saringan menerima serangan bertali arus dari penyerang ABDB, namun kesempatan tersebut gagal dimanfaatkan mereka.

Sebagaimana dengan

WIJAYA F.C., penyerang Samdani Judin juga melepaskan dua peluang terbuka ketika bertemu QAF F.C., manakala Dahari Md. Yusof pula melepaskan tiga peluang.

Kegagalan dari beberapa kesempatan terhidang itu akhirnya membawa

padah kepada ABDB apabila tewas dalam kedua-dua pertemuan.

Namun, dari kekalahan ini jurulatih ABDB, Daud Tudin sudah dapat mengenal beberapa kelemahan yang seharusnya diperbaiki bagi mengarungi tujuh lagi perlawanan akan datang.



PEMAIN ABDB (jersey gelap) cuba mendapatkan bola tinggi ketika bertemu WIJAYA F.C. Dalam pertemuan ini ABDB tumpas 1 - 2 di Belapan dan Padang. - Gambar oleh Pg. Rafae PDPHM.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan mengurniakan watikah perantikan sebagai Yang Dipertua Mahkamah Rayuan kepada Yang Amat Arif Sir Derek Cons. - Gambar oleh Pg. Haji Bahar PHO.

Berkenan melantik Yang Dipertua Mahkamah Rayuan

BANDAR SERI BEGAWAN, 27 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertua Negara Brunei Darussalam berkenan melantik Yang Amat Arif Sir Derek Cons sebagai Yang Dipertua Mahkamah Rayuan.

Majlis Mengangkat Sumpah berlangsung hari ini di hadapan majlis baginda di Istana Nurul Iman.

Oleh
Abd. Karim HAB

Lantikan Yang Amat Arif Sir Derek Cons adalah bagi tempoh dua tahun mulai 27 Mei 2003 hingga 26 Mei 2004.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran

Muda Haji Sufri juga berangkat ke majlis berkenaan.

Antara yang hadir ialah Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa dan Peguam Negara, Dato Paduka Haji Kifrawi bin Dato Paduka Haji Kifli.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan menerima mengadap Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Sheikh Haji Adnan bin Sheikh Mohamad dan Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional) Kementerian Pembangunan, Awang Haji Mohd. Jumin bin Haji Marsal. - Gambar oleh Harun HR.

Berkenan menerima mengadap SUT baru

BANDAR SERI BEGAWAN, 27 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan menerima mengadap dua orang Setiausaha Tetap yang baru dilantik dan ditetapkan jawatan di majlis yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Para Setiausaha Tetap berkenan ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Sheikh Haji Adnan bin Sheikh Mohamad dan Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional) Kementerian Pembangunan, Awang Haji Mohd. Jumin bin Haji Marsal.

Sheikh Haji Adnan sebelum ini menjawat jawatan Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan manakala Awang Haji

Mohd. Jumin sebelum ini adalah Pemangku Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional) Kementerian Pembangunan.

Oleh
Abd. Karim HAB



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan mengurniakan Anugerah Bakti Hijrah Khas Wanita Bagi Tahun 1424 Hijrah di Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa. - (Berita lanjut di muka 3).

Menerima mengadap Duta Arab Saudi



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima mengadap Duta Besar Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam yang baru, Tuan Yang Terutama Esam bin Ahmed bin Jamal Abid Al Thagafi di Istana Nurul Iman.

Oleh Samle HJ

BANDAR SERI BEGAWAN, 26 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima mengadap Duta Besar Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam yang baru, Tuan Yang Terutama Esam bin Ahmed bin Jamal Abid Al Thagafi, di Istana Nurul Iman hari ini.

Juga hadir di majlis itu ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya.

TYT sebelum ini pernah berkhidmat di Kementerian Luar Arab Saudi pada tahun 1981 dan pernah bertugas di Kedutaan Arab Saudi di Washington pada tahun 2000 - 2003 dan Mexico sejak 1986 sehingga 1990.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ketika disembahkan kepada pengurus sebuah pasukan yang menyertai Kejohanan Bulu Tangkis Piala Penaung Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam Ke-7 yang berlangsung di Kompleks Sukan Penerbangan Diraja Brunei (RBA), Berakas. - (Berita lanjut di muka 3).

ككلكن كبرسيهن دكاوسن قروماهن كيتاني

KEKALKAN KEBERSIHAN DI KAWASAN PERUMAHAN KITANI

دترپيتكن اوله جباتن قنراغن، جباتن فردان منتری دان دچیتق اوله جباتن فرچیتقن كراجان، نكارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

MKPK beri pengiktirafan kelulusan kepada 10 ribu institusi pendidikan

MPKP dibentuk bertujuan untuk menilai dan memantapkan taraf kelulusan serta memastikan supaya proses dan kriteria penilaian adalah selaras dengan keutamaan-keutamaan negara.

PENGIKTIRAFAN bukanlah perkara baru di Negara Brunei Darussalam, malah keperluan terhadap pengiktirafan sudah termaktub dalam Peraturan Am (General Order) 1961 yang mempunyai peruntukan dan rujukan tertentu.

Sebagai susulan kepada perkara itu dan bagi memastikan kesinambungan terhadap kegiatan penilaian dan pengiktirafan, sebuah badan pengiktirafan tunggal iaitu Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) telah dibentuk.

MKPK

MKPK ditubuhkan pada bulan Januari 1990 atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai badan tunggal kebangsaan (sole national accrediting agency) yang bertanggungjawab dalam hal-hal yang berkaitan dengan penilaian dan pengiktirafan kelulusan.

Majlis itu dihasratkan bagi menjadi agensi pengiktirafan yang berwibawa dan berfungsi sebagai pusat maklumat eksklusif bagi pengiktirafan kelulusan dengan reputasi yang mantap di peringkat negara mahupun antarabangsa.

Majlis berkenaan juga bertanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan profesional yang cemerlang bagi memastikan kualiti dan taraf pendidikan dari segi sijil kelulusan/kelayakan, perkhidmatan dan penyediaan seperti mana yang ditetapkan oleh kerajaan bagi tujuan untuk mendapatkan tenaga kerja dan perkhidmatan yang berkualiti yang melibatkan keperluan perkhidmatan awam dan profesional termasuklah syarat-syarat perlesenan.

Majlis berkenaan dibentuk bertujuan untuk menilai dan memantapkan

taraf kelulusan serta memastikan supaya proses dan kriteria penilaian adalah selaras dengan keutamaan-keutamaan negara.

Ini juga bagi menggubal garis panduan pengiktirafan termasuk senarai kelulusan-kelulusan dan institusi-institusi yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Bagi mencapai tujuan itu, MKPK telah menggariskan tanggungjawab bagi mencadangkan dasar-dasar yang berkaitan dengan pengiktirafan dari segi kriteria, keutamaan prosedur dan proses, di samping mengadakan perhubungan dan perundingan dengan institusi-institusi atau badan-badan luar negeri yang mempunyai bidang tugas yang sama dari masa ke semasa.

MKPK juga akan mempertimbangkan dan menilai status dan kualiti kelulusan-kelulusan yang dianugerahkan oleh institusi-institusi luar negeri dan tempatan.

MKPK juga bertanggungjawab membentuk, jika perlu, jawatankuasa-jawatankuasa tertentu sama ada jawatankuasa khusus mahupun sementara bagi memantau MKPK dalam hal yang berkaitan dengan pengiktirafan kelulusan dalam satu-satu bidang atau disiplin.

Ini juga bertindak terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan tanggungjawab MKPK sama ada atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia ataupun apabila MKPK memikirkan perlu untuk berbuat demikian.

Pada umumnya, MKPK berfungsi sebagai sebuah badan rujukan, dengan memberikan pertolongan dan nasihat khususnya dalam hal yang berkaitan dengan pengiktirafan ke-

Rencana oleh Samle Haji Jait dengan kerjasama Urusetia MKPK



PEMANGKU Penolong Pengarah Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan, Awang Othman bin Haji Simbran menunjukkan statistik peranan dan sumbangan kepada orang ramai. - Gambar oleh Hamadi HM.

lulusan-kelulusan dan institusi-institusi yang kebanyakannya adalah untuk tujuan pekerjaan atau memasuki ke dalam perkhidmatan awam.

Perkhidmatan-perkhidmatan itu bagaimanapun diperlukan sama ada oleh jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian kerajaan, mahupun pihak-pihak individu dan sektor swasta.

STRUKTUR ORGANISASI MKPK

MKPK telah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Ahli-ahlinya Timbalan Menteri Pendidikan selaku Timbalan Pengerusi; Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kesihatan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Kementerian Pembangunan, Naib Canselor Universiti

Brunei Darussalam, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan Pegawai Tugas-Tugas Khas MKPK yang bertindak sebagai Setiausaha.

Selaras dengan bidang tugas MKPK dan bagi membantunya dalam penilaian dan pengiktirafan khususnya dari segi profesional, beberapa Jawatankuasa Kerja Kecil (JKK) telah dibentuk mengikut bidang-bidang tertentu.

Ahli-Ahli JKK dipilih dan ditentukan oleh MKPK berasaskan kepada kelayakan dan pengalaman masing-masing dalam bidang-bidang berkenaan.

Setakat ini, JKK telah membentuk JKK Bidang Perakaunan dan Pengurusan, JKK Bidang Kejuruteraan dan Seni Bina, JKK Bidang Perubatan, JKK Bidang Pendidikan, JKK Bidang Sains dan Alam


Sekitar, JKK Bidang Perhubungan, JKK Bidang Pengajian Ugama Islam dan JKK Bidang Undang-Undang.

Dalam urusan yang berkaitan dengan pentadbiran, MKPK telah dibantu oleh Urusetia yang diketuai oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas (Setiausaha MKPK).

Di samping memberikan perkhidmatan tadbir dan sokongan, Urusetia juga bertanggungjawab menyediakan kertas-kertas kerja, menjalankan kerja penyelidikan, memberikan maklumat-maklumat terkini, mengurus dan mengadakan permesyuaratan dan mengendalikan segala urusan persuratan, di samping memainkan peranan penting dalam pelaksanaan dasar yang ditetapkan oleh MKPK.

Lihat muka 15

JUMLAH ORANG RAMAI YANG BERJUMPA URUSETIA MKPK BERHUBUNG PENGIKTIRAFAN KELULUSAN 1 JANUARI - 31 DISEMBER 2002



Jumlah keseluruhan orang ramai berjumpa Urusetia MKPK dari bulan Januari hingga Disember ialah 369

Sastera dan Budaya

سستردان بودايا

PENDAHULUAN

SILSILAH Raja-Raja Brunei (selepas ini ditulis sebagai SRB) yang disusun oleh Amin Sweeney (1968) terdiri daripada Manuskrip A dan Manuskrip B. Manuskrip A diceritakan oleh Datu Imam Yaakub yang memperolehi sumber daripada Sultan Muhiuddin dan Sultan Kamaluddin. Manuskrip ini kemudiannya ditulis oleh Haji Abdul Latif atas titah Sultan Muhammad Tajuddin.

Dilihat sebagai suatu keseluruhan, Manuskrip A bukanlah merupakan suatu silsilah yang lengkap tentang Raja-Raja Brunei. Dalam Manuskrip A ini hanya mencatatkan Sultan Brunei yang pertama (Sultan Muhammad atau Awang Alak Betatar) sehinggalah Sultan Brunei yang ke-16 (Sultan Kamaluddin). Manuskrip A ini lebih banyak menghuraikan tentang adat istiadat, pentadbiran negeri, gelaran-gelaran dan corak kehidupan masyarakat Melayu Brunei tradisional.

Manuskrip B pula diceritakan oleh Dato Imam Aminuddin yang juga memperolehi sumber daripada Sultan Muhiuddin dan Sultan Kamaluddin. Manuskrip ini juga ditulis oleh Haji Abdul Latif atas titah Sultan Muhammad Tajuddin.

Dilihat secara keseluruhan, Manuskrip B dianggap sebagai suatu silsilah yang lengkap tentang Raja-Raja Brunei. Dalam Manuskrip B ini ada tercatat nama-nama Sultan Brunei yang pertama sehinggalah nama sultan Brunei yang ke-27. Di samping itu, Manuskrip A juga mencatatkan rentetan peristiwa perang saudara di Brunei, gelaran-gelaran di Brunei, istiadat perpuspaan dan sebagainya.

PENYATAAN MASALAH

Sebagai bahan dokumentasi yang berunsurkan sejarah silam Negara Brunei Darussalam, SRB juga mengandungi elemen-elemen berbentuk linguistik yang boleh dimanfaatkan bagi menjelaskan kehidupan sosial masyarakat Melayu Brunei tradisional. Artikel ini akan mencuba memanfaatkan elemen-elemen linguistik yang terdapat dalam SRB untuk menjelaskan dan menguraikan secara ringkas tentang kelainan status atau darjat golongan-golongan tertentu di kalangan masyarakat Melayu Brunei tradisional.

Untuk tujuan ini suatu pernyataan masalah telah dikenal pasti iaitu: Apakah elemen-elemen berbentuk linguistik yang terdapat dalam SRB yang dapat mencerminkan kelainan status atau darjat di kalangan masyarakat Melayu Brunei tradisional?

STRATA SOSIAL MASYARAKAT MELAYU BRUNEI TRADISIONAL

Sebelum dinyatakan dan diuraikan elemen-elemen berbentuk linguistik berkenaan, dijelaskan terlebih dahulu secara ringkas strata yang wujud di kalangan masyarakat Melayu Brunei tradisional. Berdasarkan beberapa elemen berbentuk linguistik yang terdapat dalam SRB, masyarakat Melayu Brunei tradisional dapat dipecahkan kepada dua strata besar, iaitu golongan pemerintah dan golongan yang diperintah. Golongan pemerintah terdiri daripada

da sultan, kaum kerabat sultan, pembesar-pembesar, pegawai-pegawai dan tentera. Golongan yang diperintah pula terdiri daripada rakyat jelata dan hamba.

Masyarakat Melayu Brunei yang berada pada strata-strata berkenaan tidak sama dari segi status atau darjat. Mereka berbeza dari segi kuasa, keturunan, kekayaan dan sebagainya. Dari segi keturunan misalnya, ada masyarakat Melayu Brunei tradisional yang berketurunan Pengiran, Awang-awang (Awang-awang Damit dan Awang-awang Langgar) dan sebagainya.

ELEMEN-ELEMEN BERBENTUK LINGUISTIK YANG MENCERMINKAN KELAINAN STATUS MASYARAKAT MELAYU BRUNEI TRADISIONAL

Dalam SRB terdapat beberapa elemen berbentuk linguistik yang dapat mencerminkan kelainan status atau darjat di kalangan masyarakat Melayu Brunei tradisional, khususnya golongan pemerintah.

a) Pegangan

Dalam SRB, elemen berbentuk linguistik ini bermaksud kuasa atau bidang kuasa seseorang individu. Dalam konteks status atau darjat di kalangan masyarakat Melayu Brunei tradisional, elemen linguistik ini bermaksud orang bawahan seseorang pembesar Brunei dan dapat mencerminkan status atau darjat pembesar berkenaan. Teliti petikan ini: 'Pertama Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura, pegangannya dua lapan (lapan) orang cheteria besar-besar yang pancar keluarga hampir dengan Duli Yang Dipertuan; dua lapan (lapan) juga menteri yang berbangsa Awang-awang Damit.'

Petikan di atas jelas menunjukkan status atau darjat Pengiran Bendahara yang begitu tinggi sehingga orang-orang bawahan pun berstatus atau berdarjat tinggi, iaitu pembesar (cheteria) yang ter-

SILSILAH RAJA-RAJA BRUNEI : SUATU TINJAUAN DARI SUDUT SOSIOLINGUISTIK

OLEH HAJI KULA BIN HAJI MD. NOOR

diri daripada kaum kerabat sultan dan kalangan menteri yang berketurunan Awang-awang Damit.

Situasi ketinggian status Pengiran Bendahara berbanding dengan pembesar-pembesar lain dapat dilihat berdasarkan petikan berikut: 'Kedua Pengiran Temenggong Sahibul Bahar, pegangannya dua lapan juga cheteria pengalasan raja-raja meloran dan dua lapan juga menteri yang meloran lagi kurang bangsanya, iaitu Awang-awang Langgar.'

Petikan ini menunjukkan status Pengiran Temenggong lebih rendah berbanding dengan Pengiran Bendahara. Situasi ini dapat dikenal pasti berdasarkan status atau darjat orang bawahan yang lebih rendah berbanding dengan status atau darjat orang bawahan Pengiran Bendahara.

b) Santap

Dalam SRB, terdapat dua situasi santap yang dapat mencerminkan kelainan status di kalangan pembesar-pembesar, iaitu santap ketika istiadat menobatan sultan dan santap ketika istiadat perkahwinan. Dalam istiadat menobatan sultan, para pembesar santap secara berpasangan (pasangan yang setaraf) kecuali Pengiran Bendahara yang santap seorang diri. Situasi ini memperlihatkan bahawa status atau darjat Pengiran Bendahara yang terlalu tinggi sehingga tiada para pembesar yang dapat menjadi pasangannya ketika santap.

Situasi santap yang digambarkan oleh SRB yang berdasarkan taraf atau status adalah seperti berikut:

- Pengiran Bendahara santap seorang diri.
- Pengiran Digadong + Pengiran Pemanha.
- Pengiran Temenggong + Pengiran Sahbandar.
- Pengiran Paduka Tuan + Pengiran Indera Mahkota.
- Pengiran Pekerna Dewa + Pengiran Derma Wangsa.
- Orang Kaya Digadong + Orang Kaya Digadong.
- Pekayuh Istana + Pekayuh Istana.
- Menteri Kedayan + Menteri Kedayan.
- Menteri Tutong + Menteri Tutong.

Susunan dan pasangan santap sebagaimana yang

dipaparkan memperlihatkan situasi yang jelas tentang pemeringkatan atau kewujudan strata sosial dalam kehidupan masyarakat Brunei tradisional yang berdasarkan kelainan status atau darjat.

Dalam sesuatu istiadat perkahwinan, selain santap mengikut susunan dan pasangan sebagaimana di atas, situasi kelainan status di kalangan masyarakat Melayu Brunei tradisional juga dapat dilihat berdasarkan hidangan (makanan) yang disajikan.

(i) Hidangan atau sajian untuk para pembesar yang terdiri daripada wazir-wazir ialah sembilan jenis masakan.

(ii) Hidangan atau sajian untuk para cheteria, menteri, hulubalang dan pegawai istana ialah tujuh jenis masakan.

c) Gelaran

Teliti petikan ini: 'Maka hendaklah pertama orang yang berbangsa, kedua orang bijaksana lagi berakal, ketiga orang berani lagi perkas pada barang pekerjaannya dan keempat adalah orang itu takut akan rajanya dan hormatnya.' Petikan ini mengandungi kriteria-kriteria yang mesti ada kepada seseorang yang hendak dikurniakan sesuatu gelaran. Kekurangan salah satu daripada kriteria-kriteria berkenaan berkonotasi kepada status atau darjat gelaran yang akan dikurniakan kepada seseorang individu.

Situasi yang telah dinyatakan dapat dilihat daripada petikan berikut: 'Maka apabila orang itu bangsawan, maka digelar akan dia Seri Ratna Diraja dan Seri Nara Indera, jika ada ia orang itu kurang bangsanya, maka ada padanya berani, bangsawan dan perkas, maka digelar dia Johan Pahlawan dan Hamzah Pahlawan'

Petikan ini memperlihatkan tingkat-tingkat gelaran yang dikonotasikan oleh syarat-syarat pengurniaan gelaran. Tingkat-tingkat gelaran berkenaan berkonotasi pula kepada tinggi atau rendahnya status atau darjat penyandang-penyandang. Misalnya, gelaran dan penyandang gelaran Seri Ratna Diraja dan Seri Nara Indera lebih tinggi statusnya berbanding dengan gelaran dan

penyandang gelaran Johan Pahlawan dan Hamzah Pahlawan.

Istilah-istilah yang digunakan dalam sesuatu istiadat pengurniaan gelaran juga memperlihatkan keperihalan yang sama. Misalnya, istilah mengarak berkonotasi kepada individu yang menyandang gelaran wazir dan mengangkat berkonotasi kepada individu yang menyandang gelaran cheteria.

d) Menutup Nobat

Menutup nobat dalam istilah biasa disebut berkabung kerana menghormati kematian seseorang individu. Dalam konteks ini, sebarang majlis, misalnya majlis berbentuk hiburan ditiadakan atau dibatalkan.

Dalam konteks SRB, menutup nobat secara langsung dapat mencerminkan kelainan status di kalangan masyarakat Melayu Brunei tradisional. Situasi ini dapat dilihat berdasarkan tempoh atau jangka waktu sesuatu nobat ditutup.

- Pengiran Bendahara 20 hari
- Kerabat Diraja, Pengiran Digadong dan Pengiran Temenggong 10 hari
- Pengiran-Pengiran Cheteria 4 kayu kain.
- Orang Kaya Digadong dan Menteri-Menteri 2 kayu kain.
- Pekayuh Istana sekayu kain.
- Awang-awang Damit setengah kayu (sepenggal).
- Awang-awang Damit secarik kain.

Pengubatan di atas jelas memperlihatkan bahawa jumlah persembah yang ditetapkan adalah berdasarkan kepada status atau darjat pembesar-pembesar berkenaan.

(i) Pengiran Bendahara, Pengiran Digadong dan Pengiran Temenggong, masing-masing mempersembahkan satu hulu keris emas, sepuluh kayu kain kasa dan sepuluh kayu kain putih.

(ii) Orang Kaya Digadong mempersembahkan satu hulu keris emas, sekodi kain kasa dan sekodi kain halus.

Contoh-contoh persembah yang dikemukakan dapat memperlihatkan kekaayaan Orang Kaya Digadong berbanding dengan pembesar-pembesar yang lain. Situasi ini dikenal pasti berdasarkan jumlah persembah Orang Kaya Digadong yang lebih banyak (jumlah sekodi kain kasa dan sekodi kain

halus adalah lebih banyak berbanding dengan sekayu kain kasa dan sekayu kain halus).

Situasi tentang kekaayaan Orang Kaya Digadong berdasarkan persembahnya kepada sultan dapat dilihat melalui petikan berikut: 'Setelah dilihat oleh Pengiran Shahbandar Maharaja Lela, maka terfikirilah ia dalam hatinya: Orang Kaya Digadong ini mengatasi segala raja-raja yang besar. Benar pun ia kaya, masakan ia lebih daripada raja-raja yang besar.'

Situasi ini telah mendorong Pengiran Shahbandar Maharaja Lela memberikan persembah kepada sultan; satu hulu keris emas buatan Pahang (pemberian Sultan Johor), sekodi kain kasa, sekodi kain halus, sepikul kemenyan, sepikul kesumba, sepikul cindai natar dan sepucuk cemuk berbunga benang emas.

Peristiwa berkenaan telah menyebabkan persembah kepada sultan telah digubal seperti berikut:

- Pengiran Bendahara 10 kayu kain.
- Pengiran Digadong dan Pengiran Temenggong 8 kayu kain.
- Pengiran-Pengiran Cheteria 4 kayu kain.
- Orang Kaya Digadong dan Menteri-Menteri 2 kayu kain.
- Pekayuh Istana sekayu kain.
- Awang-awang Damit setengah kayu (sepenggal).
- Awang-awang Damit secarik kain.

Pengubatan di atas jelas memperlihatkan bahawa jumlah persembah yang ditetapkan adalah berdasarkan kepada status atau darjat pembesar-pembesar berkenaan.

f) Adat Dagang

Dalam konteks SRB, Adat Dagang boleh ditakrifkan sebagai suatu peraturan yang dikenakan kepada orang-orang asing yang datang berniaga di Brunei. Setiap pedagang yang berniaga di Brunei dikehendaki memberikan beberapa barangan sebagai hantaran (hantaran) kepada pembesar-pembesar tertentu. Jumlah dan jenis barangan yang diberikan sebagai hantaran kepada pembesar-pembesar berkenaan adalah tertakluk kepada status atau darjatnya. Pemberian beberapa barangan sebagai hantaran kepada pembesar-pembesar tertentu adalah bertu-

juan untuk memohon dihapuskan daripada dikenakan adat cukai. Jika tidak, seseorang pedagang akan terpaksa membayar cukai yang lebih besar jumlahnya berbanding dengan hantaran.

Jumlah dan jenis barangan yang dijadikan hantaran tertakluk juga kepada jenis dagangan yang dibawa oleh seseorang peniaga atau nakhoda kapal. Seorang nakhoda cina yang berniaga besi akan dikenakan Adat Campur, misalnya:

- (i) Pengiran Bendahara; ch-m-k dua pucuk, pucung tiga kayu, loh yang panjangnya enam depa dua kayu, lingkar tiga kayu, k-ng-g-n besar tiga kayu, namat tiga helai, kabok s-l-y-w dua biji, kabok gadong dua biji, upa dua biji, kesumba dua kati, kemenyan dua kati, paying satu, paying damit dua, mangkuk dua tapas, kudut dua puluh, cawan dua tapas, cermin dua puluh, sisir jarang dua puluh, sisir rapat dua puluh, cermin panca warna dua kati, jarum lima kodi, kanak-kanakan dua puluh biji, kendi tanah lima biji, pasu lima rangkai, the lima bungkus, gula batu lima kati, kesamak lima bungkus, limau b-p-t lima bungkus, anggur lima bungkus, barangan cina lima bungkus dan meritam cina lima bungkus.

- (ii) Pengiran Digadong, Pengiran Temenggong, Pengiran Pemanha dan Pengiran Shahbandar masing-masing menerima: ch-m-k sepucuk menerima: ch-m-k sepucuk seorang, loh dua kayu seorang, pucung dua kayu seorang, lingkar sekayu seorang, p-n-ch sekayu seorang, sihabun sekayu seorang, namat sehelai seorang, k-ng-k-n panjang empat sekayu seorang, kanak-kanakan lima biji seorang, kabok sebiji seorang, pasu serangkai seorang, mangkuk setapas seorang, kudut sepuluh biji seorang, chermai lima biji seorang, kesumba sekati seorang, kemenyan setengah kati seorang, paying satu seorang, kiap lima buah seorang, sisir lima seorang, sisir rapat lima seorang, jarum dua kodi seorang, kendi tanah dua biji seorang, limau sebungkus seorang, kesamak sebungkus seorang, anggur sebungkus seorang dan meritam cina sebungkus seorang.

Sifat malu perisai dari perbuatan mungkar

MARILAH kita bersungguh-sungguh bertakwa kepada Allah Subhanahu Wataala dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala apa-apa jua larangan-Nya. Mudah-mudahan kita selamat di dunia dan di akhirat.

Kejadian kemungkaran seperti keganasan, kekacauan, kejahatan, rusuhan dan penyelewengan, hampir berlaku di mana-mana. Kes-kes jenayah seperti kes-kes curi, rompak, pecah amanah, rasuah, judi, penipuan, rogol, dera dan bunuh semakin kerap kita dengar dan dapat kita baca dan tentunya melalui media-media masa. Kenapa kejadian mungkar sedemikian semakin berleluasa? Jawapannya adalah kerana hilang sifat malu dari jiwa diri seseorang. Sifat malu kalau sudah tidak ada lagi pada diri seseorang itu, tidak ada pada sesebuah masyarakat, tidak ada pada sesuatu umat dan bangsa, nescaya akan berlakulah segala macam kejahatan di segenap lapisan masyarakat dan menjadilah kehidupan manusia

huru-hara, tiada lagi keamanan dan kesejahteraan. Ini menunjukkan betapa sifat malu mempunyai pengaruh dan implikasi yang amat besar terhadap pembentukan akhlak dan tingkah laku seseorang serta pergaulan hidup sosial mereka.

Manusia adalah makhluk paling mulia dan sempurna yang dijadikan oleh Allah Subhanahu Wataala. Kenapakah dikatakan sedemikian? Ini adalah disebabkan kerana manusia itu diberi anugerah oleh Allah Subhanahu Wataala akal fikiran yang sempurna. Dengan akal fikiran inilah kita manusia dapat mencapai kemajuan duniawi yang begitu menakjubkan. Tetapi apakah yang menyebabkan manusia itu jatuh pula martabatnya? Di antara sebabnya ialah tidak mempunyai sifat malu. Tidak malu terhadap sesama manusia dan lebih-lebih lagi tidak malu terhadap Allah Subhanahu Wataala. Kerana tidak mempunyai perasaan malulah, seseorang itu sanggup membelakangkan dan melanggar hukum-hukum Allah Subhanahu Wataala, tidak

lagi mengendahkan norma-norma susila dan kesopanan hidup dan tidak mengenal lagi perikemanusiaan. Tingkah laku berubah menjadi kasar dan angkuh sehingga tidak dapat membezakan mana yang hak dan mana yang batil untuk dilaksanakan, baik dalam perkataan mahupun perbuatan.


Sifat malu umpama perisai yang boleh mencegah seseorang dari melakukan perkara-perkara mungkar dan maksiat. Malahan sifat malu juga menjadi kayu pengukur tahap keimanan seseorang dalam menentukan tinggi rendah akhlaknya, kerana sifat malu dan iman adalah komponen yang tidak boleh dipisahkan. Ini jelas sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Iman mempunyai lebih dari tujuh puluh cabang dan sifat malu adalah salah satu cabang daripada iman." (Riwayat Al-Imam Muslim).

Sesungguhnya orang yang mempunyai sifat malu itu akan sentiasa dapat menahan diri dari melakukan perbuatan yang mungkar yang

boleh mendatangkan keaiban pada dirinya atau orang lain dan menyebabkan nama atau marabatnya tercemar dan sebagainya.

Oleh yang demikian secara tidak langsung sifat malu dapat membentuk seseorang itu ke arah kesempurnaan akhlak, sentiasa menjaga adab, tutur kata, perangai dan kelakuan yang sopan serta mendidiknya untuk suka melakukan perkara yang baik lagi berkebaikan. Jika kita malu dikatakan sebagai orang yang tidak amanah kita pasti akan berusaha dengan bersungguh-sungguh supaya dapat menunaikan janji dan menunaikan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada kita dengan baik dan sempurna. Jika kita malu dikatakan penjenayah, pasti kita akan menjauhkan diri kita dari terjerumus ke dalam perbuatan tersebut, seperti mencuri, menagih dadah, meminum minuman keras, membunuh, judi dan bermacam-macam lagi kemungkaran. Begitu pula jika kita malu untuk dikatakan sebagai seorang yang tidak beradab maka kita pasti akan menjaga akhlak kita dan tingkah laku



serta penampilan diri sama ada dari sudut pakaian, akhlak dan lain-lain.

Hakikatnya, apabila telah hilang atau tiada lagi sifat malu, maka ketika itu tidak lagi ada segan-silu untuk melakukan kemungkaran dan kemaksiatan, bahkan sentiasa tunduk mengikut tuntutan hawa nafsu. Tidak takut Hari Perhitungan dan pembalasan di Hari Akhirat serta tidak lagi akan merasa khuatir terhadap orang lain. Ini kerana hati dan jiwanya telah buta dan rosak tiada lagi ada rasa belas kasihan dan kasih sayang.

Sifat malu adalah satu sifat yang terpuji

selama mana ia menjadi pakaian kita, yang boleh menghindarkan diri kita dari melakukan kejahatan dan pendorong jiwa kepada perbuatan kebaikan. Akan tetapi perlu diingat bahawa sifat malu, boleh sahaja bertukar menjadi sifat yang tercela apabila kita merasa malu bukan pada tempat sepatutnya, seperti malu untuk melakukan sesuatu perkara yang benar, malu untuk melakukan amal ibadat, antaranya malu untuk melakukan sembahyang tetapi tidak malu meninggalkan sembahyang, malu untuk bersedekah, malu menutup aurat sebaliknya tidak malu untuk mendedahkan aurat. Begitu juga jika kita malu untuk bertanya dalam sesuatu perkara yang tidak kita ketahui tetapi rela berterusan berada di dalam

kejahilan. Sifat malu seumpama inilah dicela dan tidak dituntut oleh agama Islam.

Dari itu tanamkanlah ke dalam hati kita sifat malu yang hakiki sebagaimana yang dituntut oleh syarak dan diajarkan di dalam Al-Quran dan As-Sunnah, kerana sifat malu merupakan sebahagian daripada iman dan juga merupakan benteng kita dari terjebak ke dalam kemaksiatan dan kemungkaran.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Muhammad ayat 7 yang tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman, kalau kamu membela agama Allah nescaya Allah membela kamu untuk mencapai kemenangan dan meneguhkan tapak pendirian kamu."

وقت سبہیخ، امساك، شوروق دان ضحی

وقت ۲ سبہیخ، امساك، شوروق دان ضحی باگی دائره بروني دان موارا مولای دري هاري رايو، 26 ربيع الأول، 1424 برسان دشن 28 مي، 2003 هيفگ كهاري ثلاث، 3 ربيع الأخير، 1424 برسان دشن 7 جون، 2003 اداله سرفت دباوه اين.

هجري	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروق	ضحی	مسیحي
ربيع الأول									
26	12.19	3.43	6.29	7.44	4.33	4.43	6.05	6.30	28
27	12.19	3.43	6.29	7.44	4.33	4.43	6.05	6.30	29
28	12.19	3.43	6.29	7.44	4.33	4.43	6.05	6.30	30
29	12.19	3.43	6.29	7.44	4.33	4.43	6.05	6.30	31
ربيع الآخر									
1	12.19	3.44	6.30	7.45	4.33	4.43	6.06	6.30	1
2	12.19	3.44	6.30	7.45	4.33	4.43	6.06	6.31	2
3	12.19	3.44	6.30	7.45	4.33	4.43	6.06	6.31	3

وقت ۲ سبہیخ باگی دائره تونوغ ديمبه سانو مينيت دان دائره بلايت ديمبه تيگ مينيت، سبہیخ فرض جعة دسلورو نكارا بروني دارالسلام مولای دري فوكل 12.45 تهايري.

HAKIKATNYA, apabila telah hilang atau tiada lagi sifat malu, maka ketika itu tidak lagi ada segan-silu untuk melakukan kemungkaran dan kemaksiatan, bahkan sentiasa tunduk mengikut tuntutan hawa nafsu. Tidak takut Hari Perhitungan dan pembalasan di Hari Akhirat serta tidak lagi akan merasa khuatir terhadap orang lain. Ini kerana hati dan jiwanya telah buta dan rosak tiada lagi ada rasa belas kasihan dan kasih sayang.

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa'ala Aalihie Wasahbihi Waman Walah.

DALAM jalur hubungan secara mendatar di antara sesama manusia, dari segi tertib dan prioriti, hubungan dengan ibu bapa mempunyai martabat yang khusus dan tinggi. Bagi anak, dia hendaklah meletakkan pada kedudukan yang tinggi dan istimewa martabat kemuliaan ibu bapa dan wajib mendahulukan mereka sebelum orang lain dalam berbuat bakti selepas Allah Taala dan Rasul-Nya. Kemuliaan dan ketinggian martabat ibu bapa itu bukan diangkat oleh siapa-siapa tetapi diangkat dan dimuliakan oleh Allah Subhanahu Wataala, sehinggalah Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Keredaan Allah terletak pada keredaan ibu bapa dan kemurkaan Allah terletak pada kemurkaan ibu bapa." (Hadis riwayat At-Tirmidzi).

Sebab apa Allah mengangkat martabat ibu bapa? Kerana ibu dan bapa sangat besar jasanya kepada kita. Tidak ada manusia di muka bumi ini yang lebih besar jasanya kepada kita selain ibu dan bapa. Dengan susah payah ibu kita mengandungkan dan melahirkan. Kemudian ibu bapa kita mengasuh, membesarkan, mendidik dan mencukupkan segala keperluan. Semua itu dilakukan dengan tulus ikhlas dan

dengan rasa penuh kasih sayang.

Oleh itu, dalam membina hubungan sesama manusia, ibu bapa mestilah mendapat keutamaan lebih daripada orang lain. Sangat ganjil rasanya jika seseorang mempunyai hubungan yang baik dengan orang lain seperti kawan-kawan di pejabat, di sekolah dan sebagainya, akan tetapi hubungan dengan ibu bapa sendiri diabaikan, apatah lagi jika diderhakai.

Tuntutan berbuat baik kepada ibu bapa bukanlah berdasarkan adat atau kebiasaan yang diwarisi turun-temurun, akan tetapi merupakan tuntutan syarak. Islam menuntut supaya setiap orang berbuat baik kepada ibu bapa dan hukumnya adalah fardu ain. Maknanya, apabila diwajibkan fardu ain maka setiap orang wajib berbuat baik kepada ibu bapanya sendiri, dan perkara berbuat baik kepada keduanya itu bukanlah suatu yang boleh diwakilkan kepada orang lain untuk melakukannya. Tuntutan ini banyak dijelaskan melalui dalil-dalil syarak, di antaranya sebagaimana terkandung di dalam firman Allah Taala yang tafsirnya:

DERHAKA KEPADA IBU BAPA MENEMPA KEMURKAAN ALLAH

"Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang daripada keduanya, atau keduanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan 'ah!', dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun). Dan hendaklah engkau merendah menghinakan diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): Wahai Tuhanku! Cucurkanlah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya kepadaku dan mendidiku semasa kecil." (Surah Al-Israa', ayat 23-24).

Di dalam ayat yang lain Allah Subhanahu Wataala berfirman yang tafsirnya:

"Dan Kami wajibkan manusia berbuat kebaikan kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah men-

gandungnya dengan menanggung susah payah dan telah melahirkannya dengan menanggung susah payah." (Surah Al-Ahqaf, ayat 15).

Sementara dalil-dalil yang terdiri daripada hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang menegaskan tentang perkara ini, di antaranya hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin 'Amr bin 'Al-'Ash, beliau berkata yang maksudnya:

"Seorang lelaki datang berjumpa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, beliau meminta izin untuk berjihad, lalu Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bertanya: "Adakah kedua ibu bapamu masih hidup?" Beliau menjawab: "Ya", Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Maka kepada keduanya akan engkau berjihad (berbuat baik kepada keduanya dengan jiwa dan harta)." (Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim).

Hadis di atas memberi petunjuk hukum bahawa berbuat baik kepada kedua ibu bapa itu adalah lebih diutamakan berbanding tuntutan berjihad pada jalan Allah, kerana berjihad pada jalan Allah itu merupakan tuntutan fardu kifayah (apabila sebahagian orang melakukannya maka gugurlah tuntutan

Bilangan 159
Bahagian
Pertama

kepada sebahagian yang lain), sedangkan berbuat baik dengan kedua ibu bapa itu merupakan tuntutan fardu ain, di mana setiap orang mesti melakukannya. Fardu ain lebih kuat atau lebih tegas tuntutan berbanding fardu kifayah. Oleh itu wajib bagi setiap orang berbuat ihsan kepada kedua ibu bapanya.

BAGAIMANA CARANYA BERBUAT BAIK ITU?

Berbuat baik yang terkandung di dalam tuntutan ayat di atas mengandungi erti yang luas, meliputi apa saja perbuatan yang disebut baik, sama ada berupa perkataan, amal perbuatan, pandangan dan sebagainya. Melalui ayat di atas (Surah Al-Israa', ayat 23-24) dicontohkan berbuat baik kepada kedua ibu bapa itu misalnya berkata dengan sopan santun dan hormat, tidak menengking, merendahkan diri dengan kasih sayang dan menaati kedua-duanya mudah-mudahan keduanya sentiasa dirahmati, dikasihi sebagaimana mereka mengasihi kita semasa kita masih kecil.

الْإِسْرَاءُ حُلُومٌ

IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti

E-mail: mufti@brunet.bn

Fatwa@brunet.bn

Dugaan yang berat yang sering dialami oleh anak ialah apabila ibu bapanya sudah terlalu tua dan tidak pandai menguruskan dirinya sendiri lagi. Dalam keadaan begini si anak perlu bersabar melayani kerenah mereka, jangan mudah melenting dan memarahi mereka, kerana yang demikian itu akan menyakitkan hati mereka. Apabila hati mereka terganggu bermakna si anak sudah derhaka kepada mereka.

Salah satu di antara tanda-tanda di mana anak tergolong sebagai orang yang derhaka kepada ibu bapanya ialah mengikibatkan kedua mereka menangis, umpamanya melukai hati mereka sehingga menyebabkan mereka menangis. Ini

jelas sebagaimana yang diriwayatkan daripada Ibnu Umar Radiallahuanhuma, beliau berkata yang maksudnya:

"Menyebabkan kedua ibu bapa menangis termasuk di antara perkara derhaka dan dosa-dosa besar." (Hadis riwayat Al-Bukhari dalam Kitab Al-Adab Al-Mufrad).

Ibnu Abbas Radiallahuanhuma berkata: "Yang dikehendaki dengan berbuat baik kepada keduanya hendaklah bersikap ramah dan lemah lembut, jangan menjawab dengan kasar, jangan memandang keduanya dengan pandangan yang tajam dan jangan meninggikan suara ke atas mereka."

Bersambung

منوجو كرىضان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

ULAMA tasawuf membahagikan sifat sabar itu kepada tiga bahagian. Pertama, sabar menghadapi sesuatu bala atau ujian dengan menjadikan Allah Subhanahu Wataala sebagai satu-satunya tempat mengadu dan berharap. Kedua, sabar dalam melaksanakan segala suruhan Allah dan ketiga, sabar dalam menanggalkan segala perkara yang ditegah dan dilarang oleh Allah.

Allah menjanjikan ganjaran yang besar kepada orang-orang yang sabar itu dengan balasan pahala yang tiada terkira seperti mana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Az-Zumar ayat 10 yang tafsirnya: "Sesungguhnya akan dibalasi mereka yang sabar itu dengan balasan pahala tanpa hisab."

Selepas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam diangkat menjadi Rasul, dua peristiwa yang menyayat hati berlaku ke atas Baginda. Peristiwa pertama ialah kewafatan Abu Talib bin Abdul Muttalib dan peristiwa kedua ialah kewafatan isterinya Siti Khadijah binti Khuwailid.

Abu Talib merupakan bapa saudara Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah seorang pemimpin Quraisy yang disegani dan dihormati. Sejak kecil lagi Nabi Muhammad berada dalam pemeliharaan ayahnya. Walaupun tidak menganut agama Islam, beliau banyak memberi pertolongan dan perlindungan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Beliau mengorbankan jiwa dan tenaganya demi untuk menyokong perjuangan dan membantu penyebaran agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sayidina Khadijah adalah wanita pertama yang menganut agama Islam. Sebelum memeluk agama Islam, beliau terkenal sebagai saudagar yang kaya di Kota Mekah. Beliau juga terkenal sebagai seorang yang mempunyai budi pekerti yang baik dan

Mencontohi sifat sabar Rasulullah

luas pandangan. Sebagai seorang isteri yang setia, Khadijah banyak menolong Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam banyak hal, terutama dalam waktu menghadapi cabaran hidupnya sebagai seorang Rasul. Pendek kata, Khadijah adalah penyokong utama kepada perjuangan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Berikutan kewafatan dua orang yang menjadi pembela setia kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, boleh dikatakan kedudukan Baginda terdedah kepada ancaman orang-orang kafir Quraisy. Baginda berdukacita lebih-lebih lagi apabila kamu Quraisy semakin ganas melakukan penentangan terhadap Baginda. Sebelum Abu Talib meninggal dunia, orang kafir Quraisy berasa malu dan tidak begitu ghairah melakukan penentangan ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Tetapi selepas Abu Talib wafat, mereka berani menentang dan menghinakan Baginda dengan melemparkan pasir, batu, najis dan sebagainya tidak mengira sama ada di tengah jalan mahupun di khalayak ramai.

Akibat gangguan, rintangan, kekejaman dan penghinaan yang dilakukan oleh orang Musyirikin Mekah menyebabkan Baginda berikhtiar dan mencari tempat lain untuk menjalankan tugasnya bagi mengembangkan seruannya agar tidak terbantut. Sebagai jalan keluar, Rasulullah bersama anak angkatnya Zaid bin Harithah secara diam-diam berkunjung ke Taif untuk meninjau keadaan di sana.

Sebaik tiba di Taif, Baginda mengunjungi tiga pemuda Quraisy secara berasingan. Baginda menyampaikan syiar Islam kepada mereka. Di sebaliknya bukan saja mereka tidak mahu menerima ajaran Allah, bahkan enggan mendengar apa yang dikemukakan oleh Nabi

Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam kepada mereka. Baginda mendapat layanan kasar dan biadab daripada pemuda Taif tadi. Dengan terus terang mereka mengatakan yang mereka tidak suka Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tinggal di tempat mereka. Sesungguhnya adalah menjadi harapan Baginda agar kedatangannya akan disambut dengan sopan santun dan diiringi dengan kata-kata yang lemah lembut. Ada di antara orang-orang Taif yang memperli dan mempermain-mainkan kebenaran Baginda sebagai Pesuruh Allah. Ada pula yang mengharap agar orang lain dilantik sebagai Rasulullah dan tidak kurang di antara mereka yang menganggap Nabi Muhammad sebagai pendusta.

Rasulullah menghadapi penentangan yang sebegini hebat dengan hati yang tabah dan cekal. Inilah satu-satunya sifat semula jadi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Bahkan Baginda tidak merasa hampa dan tidak kecewa dalam menghadapi perjuangan dan menyampaikan perintah dan suruhan Allah yang diamanahkan kepada-Nya. Keadaan tersebut memberi kesedaran kepada Baginda bahawa jelas Baginda tidak dapat tempat di Taif. Dari sebab itu Baginda mengambil keputusan untuk meninggalkan kota itu. Tetapi pemuda-pemuda Taif itu tidak membiarkan Baginda keluar secara aman. Mereka melepaskan kacang hantu untuk mengusik, mengejek dan melemparkan dengan batu. Akibat lemparan itu badan Baginda luka.

Setelah perjalanan Baginda agak jauh dari Kota Taif, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berdoa kepada Allah Subhanahu Wataala. Antara lain doa Baginda berbunyi: "Wahai Tuhan! Kepada Engkau aku mengadu kelemahan tenagaku dan kekurangan upaya

pada pandangan manusia... Kepada Engkau aku adukan haiku sehingga Engkau reda. Tidak ada daya dan upaya melainkan dengan Engkau." Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang memperkenankan doa Rasulullah dan berikutnya mengutuskan Jibril. Jibril lantas memberi salam kepada Nabi dan berkata: "Allah mengetahui apa yang berlaku di antara kamu dengan orang ini. Dia menyediakan Malaikat - di gunung-ganang di sini khas untuk menjalankan sebarang perintah kamu."

Jibril menghadapkan Malaikat yang dimaksudkan itu di hadapan Nabi. Malaikat ini pun bersedia untuk menjalankan perintah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Malaikat ini sanggup membuat gunung-ganang di sebelah kota Taif berlaggar dan penduduk di sekelilingnya mati tertindih. Malaikat ini juga bersedia untuk melakukan apa saja cadangan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam untuk memberi hukuman yang setimpal dengan perbuatan penduduk Taif.

Nabi Muhammad berasa berbesar hati dengan janji Malaikat tadi. Baginda tidak mahu melakukan apa-apa balasan kepada penduduk Taif. Sebaliknya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan sifat rahim dan belas kasihan berdoa kepada Allah Subhanahu Wataala bermaksud: "Walaupun orang ini tidak menerima Islam, saya harap dengan kehendak Allah, pada suatu masa nanti anak mereka akan menyembah Allah dan berbakti kepada-Nya."

Begitulah mulia dan sucinya hati Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, walaupun Baginda dihina, dimaki hamun dan disakiti oleh penduduk Taif. Namun begitu Baginda tidak memarahi mereka dan tidak mengambil sebarang tindakan walaupun Baginda mempunyai kesempatan untuk berbuat demikian.

Peristiwa yang terjadi terhadap diri Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dijadikan sebagai pedoman dalam urusan hidup seharian iaitu apabila cadangan kita ditolak atau tidak dipersetujui, janganlah kita lekas meradang, melempar maki hamun dan bercita-cita untuk membalas dendam terhadap mereka yang tidak bersetuju dengan kita. Moga-moga dengan berbuat demikian kita akan hidup senang di dunia dan berbahagia pula di akhirat.

KEMPEN KEBERSIHAN TANGANI SARS

KUALA BELAIT, 7 Mei. - Wabak Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) telah merebak ke seluruh dunia. Meskipun Negara Brunei Darussalam tidak dijangkiti wabak tersebut namun negara telah mengambil langkah berjaga-jaga menanganinya.

Sehubungan itu Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan telah menganjurkan Kempen Kebersihan di institusi pengajian tinggi, maktab-maktab dan sekolah-sekolah seluruh negara.

Sempena kempen tersebut, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi telah mengadakan lawatan ke beberapa buah sekolah di daerah ini iaitu Sekolah Rendah Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin, Sekolah

Berita dan gambar-gambar oleh
Dk. Hjh. Saidah PHOA

Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Sekolah Rendah Panaga, Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah, Sekolah Saint Angela dan Sekolah Chung Lian, Sungai Liang.

Dalam lawatan tersebut Timbalan Menteri telah meninjau keadaan kebersihan kantin sekolah, asrama, dapur, dewan makan dan sekitar bangunan sekolah yang dikunjungi serta menyaksikan kegiatan kebersihan yang dilakukan secara gotong-royong oleh warga sekolah termasuk guru-guru dan pelajar-pelajar sekolah.

Kempen tersebut diharapkan dapat meningkatkan

kesedaran mengenai kepentingan menjaga kebersihan diri dan alam sekitar serta memastikan kesihatan untuk semua bagi menangani wabak SARS dan penyakit-penyakit yang lain.

Setiap individu seharusnya sentiasa menjaga kebersihan diri dan alam sekitar setiap masa, bukan sahaja dilakukan secara berkala atau menangani wabak penyakit tetapi hendaklah dijadikan sebagai amalan hidup yang sihat.

Sempena kempen tersebut Kementerian Pendidikan telah mengedarkan Buku Panduan Kesihatan dan Penjualan Makanan dan Minuman bagi peng-

usaha dan pengendali kantin sekolah, maktab dan institusi pengajian tinggi di seluruh negara.

Kempen serupa telah dilancarkan kelmarin oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz di Sekolah Menengah Berakas dan telah dilartakan ke Daerah Temburong pada 8 Mei dan Daerah Tutong pada 12 Mei lepas.



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi semasa mengadakan lawatan ke Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Mumong.

7 warga asing ditahan dalam Operasi Banteras 25

KUALA BELAIT, 6 Mei. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang telah menahan tujuh orang pekerja asing setelah mereka gagal menunjukkan dokumen perjalanan yang sah ketika pemeriksaan dilakukan dalam operasi mengejut ke beberapa buah tapak pembinaan di sini.

Pekerja terbabit terdiri daripada empat orang warga India, dua orang warga Indonesia dan seorang warga Thailand adalah antara 20 orang pekerja asing yang pada ketika itu sedang bekerja di kawasan projek pembinaan bangunan rumah kedai di Jalan

Gates di sini.

Operasi Banteras 25 melibatkan sembilan orang pegawai Imigresen yang diketuai oleh Ketua Pegawai Imigresen, Awang Sulaiman bin Haji Hidup turut mengeluarkan pas khas ke atas seorang pekerja warga Thailand setelah gagal menunjukkan dokumen mengenai jaminan sah bekerja dengan majikannya.

Lelaki berkenaan ditahan ketika pemeriksaan dilakukan di kawasan projek pembinaan rumah baru di Simpang 136, Jalan Maulana. Turut diperiksa sama di kawasan berkenaan 14 orang pekerja asing yang lain.

Lebih 60 orang pekerja asing terdiri daripada warga Indonesia, Thailand, India dan Malaysia telah diperiksa pada hari itu dalam operasi berterusan yang dilakukan oleh jabatan berkenaan di seluruh tapak binaan daerah ini. Operasi tersebut bagi membanteras kegiatan masuk dan bekerja secara haram ke negara ini.

Operasi berkenaan merupakan susulan daripada operasi sebelumnya yang sering dilakukan pada waktu bekerja ataupun pada waktu malam di kawasan-kawasan kediaman pekerja asing di daerah ini.



MURID-MURID Sekolah Rendah Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin menyaksikan ahli bomba membersihkan longkang semasa Kempen Kebersihan di sekolah mereka.

Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin terima sumbangan

KUALA BELAIT, 12 Mei. - Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin terus menerima sumbangan daripada pihak kerajaan, swasta, persatuan dan orang perseorangan yang begitu prihatin mengenai nasib yang menimpa rakyat negara itu.

Sehubungan itu pekerja dan kakitangan gabungan Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP), Syarikat Pemasaran Brunei Shell (BSM), Syarikat Gas Cecair Asli Brunei (BLNG) dan Syarikat Brunei Shell Tankers (BST) telah mendermakan sejumlah \$14,207.00 kepada tabung berkenaan.

Sumbangan derma tersebut telah disampaikan oleh Pemangku Penasihat Hal Ehwal Luar Brunei

Shell, Dayang Masni binti Haji Munir selaku wakil Timbalan Pengarah Urusan BSP kepada Pegawai Da-

erah Belait, Awang Adnan bin Haji Hanafiah yang diadakan di pejabat Pegawai Daerah di sini.



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Adnan bin Haji Hanafiah menerima sumbangan berupa cek untuk Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin yang disampaikan oleh Pemangku Penasihat Hal Ehwal Luar Brunei Shell, Dayang Masni binti Haji Munir.



PEGAWAI-PEGAWAI Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang Kuala Belait mengarahkan semua pekerja asing terkumpul dan berbaris ketika mengadakan pemeriksaan mengejut ke sebuah tapak pembinaan.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Manfaatkan dengan aktiviti, kegiatan berfaedah

RASULULLAH Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sabda Baginda mengingatkan umatnya supaya mempergunakan masa lapang sebelum datang masa sibuk. Pepatah Melayu mengibaratkan masa itu emas dan masa ibarat pedang, jika kita tidak menggunakannya untuk memotong, maka pedang itu akan mendatangkan kemudaratan kepada tuannya. Semua kata-kata hikmat ini menunjukkan betapa masa amat berharga dan haruslah digunakan untuk perkara-perkara yang berfaedah dan bermanfaat.

Cuti persekolahan penggal kedua di Negara Brunei Darussalam akan bermula tidak lama lagi yang tentunya amat dinantikan oleh para pelajar dan juga ibu bapa. Pelbagai rancangan diatur bagi mengisi masa cuti itu seperti melawat ibu bapa dan sanak-saudara di kampung, melancong ke luar negeri, berkelah, melakukan aktiviti yang menjadi hobi seperti memancing, jogging, berbasikal dan sebagainya. Apa yang penting masa cuti tersebut hendaklah diisi dengan kegiatan atau kerja yang memberi kebaikan kepada para pelajar.

Bagi kanak-kanak dalam lingkungan pra-sekolah dan di peringkat sekolah rendah, Dewan Bahasa dan Pustaka (DPB) menyediakan aktiviti seperti sesi Mari Bercerita, Membaca Jawi, Mewarna Lukisan di samping memperkenalkan permainan tradisi seperti congkak, simban, pasang dan lain-lain. Melalui aktiviti-aktiviti ini mereka berpeluang memperkaya pengetahuan dan dapat dijadikan 'tips' dalam pembelajaran mereka di sekolah. Ketika berada di Perpustakaan DPB pula, mereka boleh mengulang kaji pelajaran dan menyiapkan kerja rumah yang diberi oleh para guru yang mesti disiapkan apabila sekolah di-

buka semula.

Bagi pelajar lelaki di peringkat sekolah menengah pula, mereka boleh menyertai kegiatan Takmir Masjid seperti Perkampungan Belia Masjid dan Basikalton 'Ial Masjid Minal Masjid' yang dipenuhi dengan aktiviti sembahyang berjemaah, Kuliah Subuh, gotong-royong membersihkan kawasan masjid dan sebagainya. Secara tidak langsung, para belia dapat berkenalan-kenalan dan merapatkan silaturahim, di samping menerima asuhan rohani seperti yang dianjurkan oleh syarak agar para belia menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta taat melakukan perintah Allah khususnya sembahyang fardu lima waktu.

Bagi pelajar perempuan pula, mereka boleh mempelajari cara membuat kek dan biskut, menjahit dan menyulam atau seni bina landskap bagi mencantikkan persekitaran rumah, mengikut kegemaran masing-masing. Dengan itu, masa mereka diisi dengan sesuatu yang berfaedah bagi mengelakkan rasa bosan di samping menambah kemahiran yang menjurus kepada hobi masing-masing.

Para pelajar boleh menyertai pelbagai aktiviti yang dirancang dan disusun oleh

pihak-pihak berkenaan seperti Persatuan Pendidikan Sains Brunei (BASE) melalui Perkhemahan Sains di Hutan Simpan Berakas yang mendedahkan mereka kepada aktiviti berkaitan alam sekitar dan sains. Para pelajar dapat berkenalan dengan rakan-rakan dari sekolah-sekolah berlainan, menimba pengalaman di samping dapat meningkatkan pengetahuan mengenai alam semula jadi.

Apa pun, pelajaran tidak seharusnya diabaikan semasa cuti persekolahan yang akan menjelang tidak lama lagi. Mengulang kaji pelajaran amat penting terutama bagi para pelajar yang akan menghadapi peperiksaan awam seperti Penilaian Sekolah Rendah, Penilaian Menengah Bawah, G.C.E. Peringkat Biasa dan Lanjutan. Kerja-kerja rumah yang diarahkan oleh para guru mestilah dibuat dan disiapkan dengan penumpuan yang lebih kerana para pelajar mempunyai banyak masa untuk membuat rujukan mengenainya.

Norhidayati binti Haji Sulong,
No. 9, Simpang 40-175,
Kampung Sungai Akar, BC 4115.
No. k/p: 00-305971

Cuti persekolahan bukan sekadar masa untuk berehat

CUTI persekolahan memang sentiasa ditunggu-tunggu oleh semua pelajar. Bagi mereka, cuti persekolahan adalah masa yang sesuai untuk berehat iaitu merehatkan badan yang selama ini terpaksa bangun awal untuk ke sekolah, memerah otak untuk menghadapi ujian atau peperiksaan dan menyiapkan banyak kerja sekolah/kerja rumah/projek. Bagaimanapun, cuti sekolah bukanlah hanya masa untuk berehat semata-mata bahkan perlulah memberikan masa untuk menyiapkan pelbagai tugasan.

Meskipun cuti persekolahan merupakan masa para pelajar tidak pergi ke sekolah, tidak menghadap guru-guru, tidak perlu belajar dari pagi hingga ke petang dan bermacam-macam lagi aktiviti sekolah, tetapi sebaiknya lebih elok jika sekiranya para pelajar mengimbas masa cuti mereka. Mengimbas di sini bermaksud pandai membahagikan masa di antara berehat dan mengulang kaji pelajaran.

Adalah sudah dimaklumi bahawa kebanyakan pelajar apabila tiba cuti persekolahan, banyak masa yang diberikan untuk bermain dan kurangnya masa ditumpukan untuk mengulang kaji pelajaran. Hal ini berlaku disebabkan oleh tahap motivasi yang rendah di kalangan para pelajar. Mereka menganggap bahawa cuti sekolah bermakna semua buku-buku teks, buku-buku kerja sekolah dan kerja rumah turut bercuti. Bagaimanakah halnya apabila peperiksaan akan dilaksanakan selepas cuti sekolah? Sudah tentu pelajar tidak akan dapat mengulang kaji pelajaran secara bersepatutannya dan akhirnya akan menempuh kegagalan.

Meskipun tidak salah para pelajar mengisikan masa cuti untuk berehat, akan tetapi mereka perlu ingat bahawa pembahagian masa adalah amat penting untuk mencapai kejayaan selagi mereka masih bergelar pelajar. Oleh yang demikian, isilah masa lapang (hari cuti sekolah) dengan perkara-perkara yang berfaedah dan bukan setakat berehat.

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Manfaatkan Cuti Persekolahan'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

Di negara kita, khasnya semasa cuti persekolahan pihak-pihak yang berkenaan sudah banyak menyusun aktiviti-aktiviti untuk para pelajar. Ini termasuklah aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, syarikat-syarikat swasta dan orang perseorangan. Aktiviti-aktiviti yang dianjurkan sudah tentunya dapat mengisi masa lapang yang sememangnya banyak terluang. Langkah-langkah sebegini bukan sahaja boleh menghindarkan para pelajar daripada perkara-perkara yang tidak mendatangkan kebaikan, bahkan juga boleh menambahkan ilmu pengetahuan, pengalaman, maklumat terbaru dan mengeratkan hubungan silaturahim di kalangan para pelajar.

Ibu bapah yang perlu memainkan peranan yang penting untuk mendorong anak-anak mereka melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti semasa cuti persekolahan. Apa yang paling penting, ibu bapa haruslah sekurang-kurangnya pergi bersama anak-anak mereka semasa aktiviti-aktiviti dijalankan. Perkara sebegini bukan sahaja akan menghindarkan para pelajar daripada membuang masa, bahkan juga inilah masanya sebuah ikatan kekeluargaan kembali terjalin setelah banyak masa terbuang semasa hari-hari persekolahan.

Pendek kata, kasih sayang yang terbantut buat seketika ini akan kembali bersinar jika keprihatinan ibu bapa disalurkan apabila pelajar ditemani oleh mereka. Dengan itu, para pelajar akan berasa disayangi dan dihargai oleh ibu bapa mereka. Meskipun demikian, ibu bapa bukan hanya menemani mereka, bahkan juga ibu bapa perlulah memberikan sokongan dalam apa jua bentuk agar anak-anak mereka lebih bersemangat untuk melibatkan diri secara aktif.

Bagaimanapun, ibu bapa dan pelajar itu sendiri perlulah memberikan perhatian agar cuti persekolahan dapat memberikan manfaat kepada semua pihak selain menghindarkan kegiatan-kegiatan yang kurang sihat seperti penyalahgunaan dadah dan budaya lekap di gedung-gedung perniagaan demi menuju ke arah kesejahteraan negara baik dari segi pembangunan bangsa, agama dan ekonomi.

Ana Suhana Haji Jabidi,
No. 1, Simpang 88, Jalan Dadap, Kilanas,
BF 2520.
No. k/p: 00-292174

Isikan cuti persekolahan dengan aktiviti berkebajikan

CUTI persekolahan adalah masa percutian bagi pelajar. Masa percutian ini seharusnya dimanfaatkan secukupnya. Semasa pembelajaran di sekolah, para pelajar hanya menumpukan perhatian mereka tentang tunjuk ajar daripada guru mereka. Namun semasa cuti persekolahan pula tanggungjawab adalah seratus peratus tertumpu kepada ibu bapa dan penjaga. Jadi dengan adanya percutian yang diberikan kepada para pelajar ini dapat memberikan ruang bagi mereka untuk berehat dan juga melakukan perkara yang berkebajikan. Suatu jangka masa yang diberikan sepanjang percutian seharusnya dirancang dan dirancang oleh ibu bapa atau penjaga mereka agar segala aktiviti dan kegiatan anak-anak mereka dapat mendatangkan kebaikan dan juga manfaat.

Sama ada cuti persekolahan ini ada di kalangan pelajar melakukan perkara yang boleh dikatakan bermanfaat seperti membantu ibu bapa atau penjaga dan juga menjalankan aktiviti-aktiviti yang mendatangkan kebaikan. Dalam suasana berkeluarga, para pelajar selalu bersama ibu bapa atau penjaga mereka iaitu membantu mereka dalam membuat kerja-kerja rumah. Apabila lagi ada di antara ibu bapa atau penjaga yang membawa anak-anak mereka melancong ke negeri jiran. Lebih lagi mengunjungi tempat-tempat riadah demi untuk meningkatkan lagi suasana berkeluarga, para pelajar selalu bersama ibu bapa atau

penjaga mereka iaitu membantu mereka dalam membuat kerja-kerja rumah. Apabila lagi ada di antara ibu bapa atau penjaga yang membawa anak-anak mereka melancong ke negeri jiran. Lebih lagi mengunjungi tempat-tempat riadah demi untuk meningkatkan lagi ikatan berkeluarga yang bahagia.

Malah ada juga yang menghantar anak-anak mereka ke pusat pembacaan seperti perpustakaan dan juga aktiviti-aktiviti berkebajikan dan kegiatan kemasyarakatan. Jadi, perkara sebegini adalah amat dititikberatkan kepada generasi muda seperti mereka ini iaitu para pelajar agar tahu betapa pentingnya memanfaatkan masa terutama sekali semasa cuti persekolahan ini.

Selain daripada kegiatan itu tadi, ada juga di kalangan pelajar yang menelaah buku pelajaran. Ini kerana sudah pasti guru mereka memberikan kerja rumah untuk diselesaikan semasa cuti persekolahan. Selain membuat kerja rumah yang disuruh oleh guru, membaca buku pelajaran juga adalah sama pentingnya dalam meningkatkan lagi kefahaman pelajar terhadap subjek-subjek pelajaran mereka.

Dalam pada itu keprihatinan ibu bapa atau penjaga tentang kebaikan membaca ini seharusnya dipupuk pada anak-anak mereka. Ini kerana dari banyak membaca inilah yang akan mendatangkan kemantapan penyaluran ilmu dan penjinakan mereka tentang kemahiran berbahasa

sama ada bahasa Melayu mahupun Inggeris. Dari itu, tanggungjawab penjaga terutama sekali ibu bapa agar menasihati dan membantu anak-anak mereka dalam menyelesaikan kerja rumah yang diberikan oleh guru mereka.

Penjadualan masa juga semestinya diatur dan dirancang agar suasana percutian persekolahan ini tidak mendatangkan kerugian. Ada di kalangan pelajar mungkin inginkan keseronokan dalam bersosial. Jadi penjaga terutama sekali ibu bapa menjadi tanggungjawab mereka untuk mengawal dan menasihati had pergaulan sosial mereka. Walaupun bersosial tidak dapat disekat sama sekali, namun ada juga kegiatan sosial mendatangkan kebaikan dan manfaat untuk mereka sendiri. Jadi nasihat dan tunjuk ajar ibu bapa dan penjaga adalah kunci untuk mereka sentiasa mengawal diri dan berwaspada selalu dengan perkara yang tidak diingini.

Penanaman nilai murni dan moral malahan tanggungjawab sendiri yang dimiliki para pelajar adalah sebagai batu penghalang dan rintangan jikalau berlaku perkara yang boleh mempengaruhi mereka seperti gejala sosial dan jenayah.

Hajah Ostinah binti Haji Othman,
No. 9, Simpang 14, Jalan Padunuk, Kampong Lamunin, Tutong,
TG 2343.
No. k/p: 00-271949

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Masyarakat Perlu Menguasai Teknologi Maklumat dan Komunikasi'. Tarikh tutup 12 Jun 2003.
2. 'Belia Jangan Terlalu Memilih Kerja'. Tarikh tutup 19 Jun 2003.
3. 'Kita Perlu Menjaga Kemudahan Awam Yang Disediakan'. Tarikh tutup 26 Jun 2003.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelital.htm>
email: pelita@brunet.bn

REMAJA

BUDAYA MENGELUH ...

MENJELANG peperiksaan ramai pelajar akan mengeluh dan merasa tertekan, kerana perasaan sedemikian akan selalu menghantui kejayaan mereka. Banyak perkara yang menjadi penyebab kenapa mereka akan mengeluh dan merungut tidak tentu pasal. Tidak cukup persiapan ulang kaji, ketidakcukupan buku-buku rujukan dan pelbagai ragam yang menyumbang kepada rungut-an dan keluhan.

Ia memang satu budaya yang sudah lama bertapak cuma bilangannya semakin berkurangan, lantaran semakin ramai yang dapat menggunakan kemudahan masa kini, sebagai punca rujukan mendapatkan bahan-bahan bantuan ulang kaji peperiksaan. Budaya mengeluh bertambah parah lagi jika ini berlaku di kalangan remaja lepasan sekolah yang belum memiliki pekerjaan. Ketiadaan pekerjaan bererti langkah kehidupan agak tersekat-sekat untuk bergerak kerana tanpa sebarang pekerjaan ia memberikan kesan keluhan dan rungutan yang agak serius. Pekerjaan amat penting untuk menyara kehidupan bagi mereka yang sudah tidak lagi di bangku sekolah atau di pusat-pusat pengajian tinggi.

Semakin usia bertam-

bah akan semakin tertekan rasanya kehidupan tanpa sebarang pekerjaan. Dalam erti kata yang lain, belia remaja terpaksa menghadapi kesusahan atau kesulitan yang tidak mudah untuk diselesaikan. Namun hakikatnya, kehidupan mesti kita tempuhi tanpa ada pilihan sama ada kita suka atau tidak dengan kesusahan dan kerumitan. Cuma tahap penerimaan kesusahan dan kesulitan sedemikian banyak bergantung kepada sekuat mana kita memiliki daya tahan dalam menghadapi ragam kesulitan dan kesusahan.

Kendatipun demikian tidak bererti segalanya adalah noktah kehidupan. Kita tidak perlu mengeluh apabila diri dilanda sebarang kesusahan atau kesulitan hidup. Kita perlu ingat dan menghayatinya bahawa kehidupan ini tidak akan ada kemanisannya tanpa dihiasi dengan kesusahan dan penderitaan. Bukan sedikit orang-orang yang berjaya

OLEH H. A. MANAP

merupakan golongan mereka yang menghadapi pahit maung dan keperitan hidup yang tidak tertanggung rasanya untuk dibentangkan.

Contohnya sahaja Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menghadapi kesulitan dan kesengsaraan hidup akibat dari penganiayaan kaum Musyrikin Mekah semasa Baginda berusaha menyebarkan dakwah Islamiah di kalangan bangsa Arab ketika itu. Ternyata Baginda tidak pernah merasa gentar dan mengeluh. Dengan kesulitan dan kepayahan yang Baginda lalui, akhirnya membawa kejayaan gemilang yang dapat dinikmati oleh umat manusia yang hidup di muka bumi ini khususnya umat Islam. Maknanya kesusahan dan penderitaan merupakan asam garam kehidupan.

Tiada siapa pun yang terlepas dari kerumitan dan kesusahan yang mengun-

dang keluhan yang mendalam. Kita mesti pandai menjadikan kesusahan itu sebagai kemanisan dan cabaran yang mesti dilalui dengan penuh tabah.

Belia remaja perlu tahan uji dan kental menghadapi segalanya. Kita mesti yakin ia bukan suatu yang kekal melanda malah sifatnya hanyalah sementara. Kesementaraan-nya inilah perlu dimanfaatkan sebagai ujian yang mesti dihadapi dengan kelulusan yang cemerlang.

Kita mesti yakin bahawa tidak ada masalah yang tidak boleh diselesaikan dengan sebaiknya. Cuma kita mesti yakin dengan diri kita untuk menghadapi sebarang cabaran. Bila keyakinan mampu kita wujudkan barulah kita akan dapat berfikir dengan lebih positif hingga akhirnya kita akan mampu menemui jalan penyelesaiannya.

Sebaliknya jika kita asyik mengeluh dan merungut ini tidak akan membawa kesan yang baik, malahan kita akan hanya mampu berfikir dan meng-

anggap kesusahan yang kita lalui akan menyekat batas kejayaan. Inilah juga yang makan menghasilkan kegagalan yang secara tidak langsung kita mere-lakan diri kita untuk ditek-waskan oleh kesusahan dan kerumitan.

Perkara ini akan menjadi lebih teruk lagi bila ia menguasai diri. Kita menjadi lemah dan tidak mahu bangkit dari masalah yang rumit ini. Kelemahan ini memungkinkan kita terpaksa berdepan dengan kegagalan demi kegagalan. Justeru kita perlu membina kekuatan diri iaitu bagaimana seharusnya kita berdepan dengan kesusahan dan kerumitan.

Salah satu darinya kita mesti pandai membuat analisis diri dan masalah berkaitan, kita perlu mengetahui punca ianya berlaku dan sejauh mana nilai dan impak masalah dan sebagainya yang berkaitan. Kita mesti melihat dari kesemua sudut dan faktor yang menyumbang kepada kesulitan tersebut.

Porses sedemikian ini-

lah yang akan membantu mewujudkan senario baru dan untuk kita keluar dari kemelut kesusahan dan kerumitan diri. Inilah juga

yang akan kita jadikan sebagai asas untuk menuju ke arah kecemerlangan diri dan pembinaan yang lebih mantap dan bermakna.

INAYAH

SENTIASA DAMPINGI AHLI IBADAT

"DAN jadikanlah dirimu sentiasa berdamping rapat dengan orang-orang yang beribadat kepada Tuhan mereka pada waktu pagi dan petang, yang mengharap keredaan Allah semata-mata, dan janganlah engkau memalingkan pandanganmu daripada mereka hanya kerana engkau mahukan kesenangan hidup di dunia dan janganlah engkau mematuhi orang yang Kami ketahui hatinya lalai daripada mengingat dan mematuhi pengajaran Kami di dalam Al-Quran, serta ia menurut hawa nafsunya, dan tingkah lakunya pula adalah melampaui kebenaran."

(Surah Al-Kahfi, ayat 28).

Dengan Kerjasama Jawatankuasa Kecil Media Menangani Isu Sosial

Kempen Kebersihan Menangani Wabak SARS

TUTONG, 12 Mei. - Majlis Pelancaran Kempen Kebersihan Menangani Wabak Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) bagi institusi pengajian tinggi/maktab dan sekolah-sekolah Daerah Tutong telah berlangsung di Sekolah Pertama.

Oleh
Bolhassan HAB

Kempen anjuran bersama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan dihasratkan untuk meningkatkan keber-

sihan diri dan alam sekitar dalam memastikan kesihatan untuk semua.

Pelancaran kempen menangani wabak penyakit radang paru-paru yang luar biasa (atypical pneumonia) yang masih belum diketahui puncanya dan belum ditemui ubat atau vaksin itu telah disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Datin Paduka Dayang Hajah Jahrah binti Haji Mohammad.

Objektif kempen adalah memberi kesedaran kepada semua warga sekolah mengenai kepentingan menjaga kebersihan diri dan alam sekitar dalam menangani wabak SARS dan penyakit-penyakit berjangkit yang lain, di samping bagi menanamkan dan meningkatkan budaya menjaga kebersihan diri dan alam sekitar serta mengembangkan lagi budaya bergotong-royong di kalangan masyarakat terutama

warga sekolah.

Bagi Daerah Tutong, kempen secara serentak itu dilangsungkan di lapangan sekolah, Tutong Public School, Sekolah Menengah Muda Hashim, Sekolah Menengah Sufri Bolkih, Sekolah Rendah Muda Hashim, Sekolah Rendah Pengiran Dipa Negara Pengiran Jaya, Sekolah Rendah Pengiran Muda Mahkota dan Sekolah Rendah Tutong Kem.



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Datin Paduka Dayang Hajah Jahrah binti Haji Mohammad serta pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan semasa menyertai Pelancaran Kempen Kebersihan Menangani Wabak SARS dan penyakit-penyakit berjangkit yang lain. - Gambar ihsan Kementerian Pendidikan.

Perkhidmatan Berkhatan cuti persekolahan

KEMENTERIAN Kesihatan memaklumkan bahawa sesi berkhatan bagi kanak-kanak di Daerah Brunei dan Muara pada cuti persekolahan penggal kedua bermula pada 15 hingga 27 Jun 2003 di Blok 2G, Level 4, Kondominium Ong Sum Ping, Pusat Kesihatan Bandar Seri Begawan.

Ibu bapa atau penjaga yang beragama Islam, warga Negara Brunei Darussalam dan penduduk tetap yang berhajat untuk mendapatkan Perkhidmatan Berkhatan hendaklah membawa anak-anak mereka semasa membuat pendaftaran dengan membawa salinan surat beranak dan seterusnya menjalani pemeriksaan doktor. Tarikh pendaftaran mulai 1 Mei 2003 pada setiap hari bekerja jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan dari jam 2.00 petang hingga 4.00 petang.

Untuk keterangan lanjut, orang ramai boleh berhubung terus kepada Pegawai Jururawat di Pusat Kesihatan Bandar Seri Begawan melalui telefon 2230045.

PERADUAN PERARAKAN KENDERAAN BERTHIAS

BANDAR SERI BEGAWAN, 17 Mei. - Penyer-taan Peraduan Perarakan Kenderaan Berhias kini dibukakan kepada kementerian-kementerian, jabatan-jabatan, firma-firma swasta dan persatuan-persatuan bagi menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-57.

Menurut siaran akhbar yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan, jabatan itu telah melantik Ahli-ahli Jawatankuasa Perarakan Kenderaan Berhias bagi tahun 2003 melalui mesyuarat yang diadakan pada 15 Mei lepas.

Mesyuarat itu dipengerusikan oleh Pengarah Pengangkutan Darat selaku Pengerusi Bersama bagi jawatankuasa berkenaan.

Oleh
Siti Aishah HS

Sehubungan dengan itu, kementerian-kementerian, jabatan-jabatan dan firma-firma swasta dan persatuan-persatuan yang bernaung untuk ikut serta dalam Peraduan Kenderaan Berhias bolehlah mendapatkan borang dan keterangan lanjut di Bilik Urusetia Peraduan Perarakan Kenderaan Berhias, Tingkat Satu, Jabatan Pengangkutan Darat, Jalan Gadong atau melalui talian 2455050/2451979 sambungan 111/112 atau melalui nombor faks 2454362.

Tarikh tutup bagi penghantaran borang penyer-taan ialah pada hari Sabtu, 21 Jun 2003 jam 4.30 petang.

Perarakan dijangka akan diadakan pada bulan Julai 2003 dan penetapan tarikhnya akan dimaklumkan kemudian.



Kebawa DYMM berang ke Bru Gariso

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan titah bagi kenaikan pangkat empat orang pegawai Queen Gurkha Rifles (atas kiri).

PENUH MINAT ... Baginda dengan penuh minat memerhatikan sesuatu melalui alat perhubungan canggih pada masa ini iaitu komputer (atas kanan).



BAGINDA ketika berkenan mengurniakan cenderamata kenang-kenangan yang diterima oleh Pemerintah Garison, Leftenan Kolonel Craig Lawrence sebelum mengakhiri lawatan (atas).

BAGINDA ketika menyuarungkan pedang kepada salah seorang pegawai yang dinaikkan pangkat (kanan).



TANDA KENANGAN ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menurunkan tandatangan di dalam buku lawatan sebagai tanda kenangan sempena keberangkatan ke Tuker Lines (atas).

PERALATAN TENTERA ... Baginda ketika berkenan menyaksikan salah satu demonstrasi penggunaan peralatan tentera yang ditunjukkan oleh salah seorang anggota Kompeni C Askar Gurkha di 25 Meter Range sempena keberangkatan itu (kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Brunei Darussalam Berakas Garison, Seria bagi Majlis Perpisahan Batalion Pertama, The Royal Gurkha Rifles pada 19 Mei lepas.

Brunei Garison mempunyai enam komponen iaitu ibu pejabat, tentara, bantu, penerbangan helikopter dan komponen peperangan hutan. Ia mempunyai jumlah lebih 2,400 orang pegawai dan kakitangan termasuk anak-anak dan keluarga mereka iaitu 1,076 kakitangan tentera, 105 keluarga British, 349 keluarga Gurkha, 18 orang awam British dan dibantu oleh 309 kakitangan awam tempatan. Brunei Garison ditubuhkan pada tahun 1962.

Sepanjang berada di sana baginda juga berkenan menyaksikan pertunjukan bergerak. Pertunjukan tersebut memamerkan kejadian berlaku di Kosovo dan Sierra Leone bagaimana Batalion Pertama membuat operasi memburu dan menangkap musuh dengan menggunakan jalan darat dan udara serta menangani rusuhan awam yang bertindasan dengan memusnahkan apa sahaja hadapan mereka dan menentang askar dengan melemparkan objek.

h at ei Seria

Liputan

Dk. Hj. Saidah PHOA
dan Abu Bakar HAR
Gambar-gambar oleh
Harun HR dan
Haji Masmaleh HMA

n letupan ke arah askar-askar ter-

batalion Pertama ketika ini berpe-
n melatih secara terperinci peperan
dalam hutan dan juga melakukan
i-operasi bantuan. Batalion terse-
uga melakukan latihan mengenda-
operasi pemindahan bukan komban.

belum berangkat balik baginda
berkenan bergambar ramai bersama
wai-pegawai batalion berkenaan
menganugerahkan cenderamata
la batalion tersebut.

batalion Pertama The Royal Gurkha
s akan ditempatkan di Folkestone,
ed Kingdom dalam bulan Julai nanti
ah selesai tiga tahun perkhidmatan
egara Brunei Darussalam. Setibanya
ion berkenaan di United Kingdom
ka akan membuat persiapan terakhir
ditempatkan pada bulan Oktober
gai sebahagian dari komitmen Bri-
erhadap Operasi Bantuan Kedamai-
Bosnia. Ini termasuk memberi per-
ngan bagi mereka yang kembali se-
ke Bosnia khususnya ke kawasan
san penduduk Islam.



MENGABADIKAN GAMBAR KENANGAN ... Keberangkatan baginda ke Brunel Garison, Seria, diakhiri de-
ngan bergambar ramai yang berlangsung di Mes Pegawai British (atas).

BAGINDA ketika berkenan menerima tabik kehormatan (kiri).



BAGINDA ketika berkenan menyaksikan secara dekat sebuah kereta perisai sejurus tiba di 25 Meter Range.



MEMERIKSA PERBARISAN ... Baginda berkenan memeriksa barisan kawalan kehormatan terdiri dari-
pada 60 orang anggota Kompeni B (kiri).

BAGINDA ketika berkenan menyaksikan antara kemudahan peralatan tentera yang digunakan oleh Kompeni
C Askar Gurkha (atas).

Majlis Perjumpaan Penerangan bagi Mukim Lumapas



MAJLIS Perjumpaan Penerangan bagi Mukim Lumapas anjuran Jabatan Penerangan yang dihadiri oleh Setiausaha-setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair selaku tetamu kehormat dan Haji Jemat bin Haji Ampal; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin; Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Haji Zainal bin Haji Momin dan Pemangku Pengarah Penerangan, Haji Bujang bin Haji Masu'ut.

Jambatan hubungkan Mukim Lumapas - BSB diteliti

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Mei.- Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Awang Haji Jumin menjelaskan permohonan untuk membina sebuah jambatan penghubung dari Mukim Lumapas dan Mukim Sungai Kebun serta kampung-kampung sekitarnya menuju ke Bandar Seri Begawan untuk memendekkan masa perjalanan dan kemudahan para penduduk berurusan ke bandar yang juga pernah dikemukakan oleh mukim berkenaan telah diteliti dan dikaji dengan terperinci dan didapati ketika itu belum sesuai untuk dibina dan sebagai pengganti

atau pilihannya. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkatakan dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-7 melalui Jabatan Kerja Raya dengan membina sebuah jambatan di Kampung Junjongan seperti yang kita maklumi dan nikmati ketika ini.

Beliau berkata demikian semasa sesi dialog bersama wakil-wakil dari Mukim Lumapas di Majlis Perjumpaan Penerangan bagi mukim berkenaan yang berlangsung di Dewan Kompleks Perdagangan, Sukan dan Rekreasi

Menjalin, Sungai Kebun di sini.

Walau bagaimanapun Kementerian Pembangunan tambahnya, akan meneliti semula permohonan yang dihadapkan itu dan ini tertakluk dari segi keselamatan, ekonomi dan kemampuan pihak kerajaan untuk membina.

Menyentuh mengenai jalan-jalan raya di Mukim Lumapas ketika ini sedang dalam kerja-kerja pembaikan pulih dan projek ini terkandung dalam RKN Ke-8, begitu juga dengan jalan-jalan kecil di Kampung Pawas dan Kasat juga dalam senarai menaikkan tarafnya.

Pemasangan lampu jalan giat dilaksanakan

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Mei.- Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan Jabatan Kerja Raya di tahun-tahun kebelakangan ini telah banyak mempergiat dan melaksanakan pemasangan lampu-lampu jalan terutama sekali di jalan-jalan utama dan di mana-mana jalan yang diperbesarkan atau dilebarkan.

"Adalah menjadi hasrat Jabatan Perkhidmatan Elektrik apabila saja jalan-jalan ini diubah suai atau dilebarkan akan disela-

jurkan dengan pemasangan lampu-lampu jalan," kata Awang Haji Ismail bin Haji Putih wakil dari Jabatan Perkhidmatan Elektrik ketika menjelaskan perkara tersebut semasa sesi dialog di Majlis Perjumpaan Penerangan bagi Mukim Lumapas yang berlangsung di Dewan Kompleks Perdagangan, Sukan dan Rekreasi Menjalin, Sungai Kebun di sini.

Menurutnya pemasangan lampu-lampu jalan ini sedang giat dilaksanakan tetapi ada kalanya oleh

sebab-sebab tertentu yang tidak dapat dielakkan, pemasangan lampu-lampu jalan ini tertangguh.

Masalah ini katanya akan dapat diatasi dengan adanya penyelaras yang lebih rapi daripada pihak-pihak yang terlibat dan masalah lampu-lampu jalan dari Jalan Junjongan hingga ke Sungai Kebun telah ada perancangan awalnya dan perlaksanaannya tidak sekali gus tetapi secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan.



WAKIL-WAKIL daripada Mukim Lumapas yang dipilih bagi mengutarakan isu-isu dan permasalahan bagi mukim berkenaan (atas dan kanan).

Kemajuan, pembangunan terus dinikmati

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Mei.- Segala kemajuan, pembangunan dan kemudahan yang telah, sedang dan akan kita nikmati itu tidak akan dapat dirasakan dan terlaksana tanpa adanya keamanan dan ketenteraman yang didukung oleh perpaduan, keharmonian, kerjasama yang erat dan perasaan saling mempercayai di kalangan rakyat dan penduduk dan di antara rakyat dan kerajaan.

"Pergolakan yang sedang berlaku baik di rantau ini, mahupun yang sedang terjadi di rantau antarabangsa sedikit sebanyak telah memberikan kita beberapa gambaran dan senario umum betapa pentingnya keamanan dan ketenteraman perlu dan mesti kita kekalkan sebaik-baiknya di sepanjang masa," tegas Setiausaha Tetap Jabatan Perdana

Liputan Aliddin HM
dan Abu Bakar HAR
Gambar-gambar oleh Hj. Masmaleh HMA

Menteri, Dato Paduka Haji Hazair di Majlis Perjumpaan Penerangan bagi Mukim Lumapas, Daerah Brunei dan Muara yang berlangsung di Dewan Kompleks Perdagangan, Sukan dan Rekreasi Menjalin, Sungai Kebun di sini.

Dato Paduka berkata, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam titahnya sempena Hari Kebangsaan baru-baru ini (23 Februari, 2003) telah menekankan bahawa, "Keamanan dan kestabilan adalah mempunyai harga yang tersendiri dalam kehidupan berbangsa dan bernegara."

Baginda menambah, "Kita akan lebih memaha-

mi harga keamanan itu apabila kita berhadapan dengan pergolakan dunia yang sedang mengancam umat manusia pada hari ini."

Kita di Negara Brunei Darussalam jelasnya, adalah beruntung kerana di bawah naungan pemerintahan bijaksana dan panji-panji kerajaan baginda dapat menikmati dan merasakan kehidupan yang aman dan tenteram.

Dato Paduka menjelaskan pendirian Negara Brunei Darussalam dalam menghadapi ancaman keganasan antarabangsa adalah tegas tidak memberikan sokongan atau restu kepada setiap perbu-

atan ganas yang boleh menjejaskan keamanan dalam apa jua bentuknya.

"Kita selamanya berpegang kuat kepada prinsip keadilan dan keamanan yang dipertahankan oleh semua masyarakat antarabangsa," tegasnya.

Kita sebagai rakyat dan penduduk di negara ini katanya, hendaknya tidak mengabaikan usaha-usaha untuk mengekalkan keamanan dan ketenteraman yang menjadi paksi atau teras utama kepada kemakmuran dan pembangunan negara yang berkesan.

Dato Paduka menjelaskan banyak faktor yang boleh menentukan wujudnya keamanan dan ketenteraman dalam sesebuah negara, antaranya ialah wujudnya persefahaman dan perpaduan di kalangan segenap lapisan rakyat dan penduduk di negara atau wilayah tersebut.

Tingkatkan kesedaran, pengisian bernegara

SUNGAI KEBUN, 18 Mei.- Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang berkata adalah penting bagi semua rakyat dan penduduk di negara ini supaya terus mempertingkatkan kesedaran dan pengisian bernegara, berbangsa dan beragama khususnya kepada generasi atau golongan belia yang bakal mewarisi kepimpinan negara bagi menghadapi apa jua cabaran tanpa melupakan atau membelakangi falsafah Melayu Islam Beraja.

Tambahnya, semoga jambatan atau titian tersebut akan menghasilkan perkembangan dan kemajuan negara serta keutuhan hidup bermasyarakat, bersopan santun dan beradab resam yang telah diamalkan turun-temurun sejak zaman-berzaman.

Awang Haji Bujang membuat seruan tersebut di Majlis Perjumpaan Penerangan bagi Mukim Lumapas di Dewan Kompleks Perdagangan, Sukan dan Rekreasi Menjalin, Kampung Sungai Kebun di sini.

Jabatan Penerangan dalam usaha dan programnya yang berterusan akan terus memainkan peranan yang aktif dan rasa tanggungjawab

umpama sebagai sebuah jambatan atau titian bagi menghubungkan antara kerajaan dan rakyat.

Senergi sedemikian menurutnya, akan terus menjadi asas dan ikatan yang kukuh dalam mendengar dan menangani masalah serta apa jua kemusykilan rakyat dan penduduk di negara ini.

Atas landasan dan titian ini jelasnya saluran-saluran komunikasi dua hala atau pelbagai hala akan dapat mewujudkan dan seterusnya menjalin nilai-nilai keharmonian, kesepakatan, rasa muhibah dan gotong-royong.

Hadir merasmikan majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair dan dihadiri oleh beberapa orang Setiausaha-setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan kementerian yang berlainan.

Antara isu-isu yang dikedukukan oleh penduduk-penduduk kampung dari Mukim Lumapas di perjumpaan itu termasuklah cadangan bagi pembaikan dan meningkatkan taraf jalan di mukim berkenaan, di samping mencadangkan bagi

pembinaan sekolah agama bagi penduduk Kampung Lupak Luas dan Sungai Kebun.

Juga disuarakan ialah bagi pembesaran masjid di Kampung Putat di samping beberapa isu yang bersangkut-paut dengan keperluan penduduk di sekitar mukim tersebut.

Majlis Perjumpaan yang sering dikendalikan oleh Jabatan Penerangan antara lain bertujuan untuk memberi penerangan seberapa luas dan mendalam mengenai interpersonal ke atas rancangan-rancangan kerajaan, di samping mendorong minat dan pendapat orang ramai untuk bergerak ke arah perubahan sosial sejajar dengan matlamat pembangunan kerajaan.

Selain itu perjumpaan ini juga bertujuan menjadikan hubungan dua hala antara kerajaan dengan orang ramai melalui gerakan program dan aktiviti yang berencana bagi membantu untuk mengukuhkan perpaduan kebangsaan serta memupuk kesedaran berbangsa dan bernegara, mencemerlangkan imej negara seperti ketua negara, para pemimpin, kerajaan dan rakyat.



Majlis Perjumpaan Penerangan bagi Mukim Lumapas



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Awang Haji Jumin dan para wakil kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan yang hadir untuk menjawab masalah-masalah yang dihadapi di majlis itu.

MPMK disaran melaksanakan program lebih besar

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Mei.- Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) disarankan supaya melibatkan kegiatan dan program yang lebih besar dan mencabar seperti membangun kegiatan ekonomi dan pertanian di kawasan mereka.

Ini termasuklah perusahaan bagi meningkatkan pelancongan ke mukim-mukim dan kampung dengan mengemukakan tarikan-tarikan pelancongan yang terdapat di mukim dan kampung berkenaan.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair menyarankan perkara itu di Majlis Perjumpaan Penerangan bagi Mukim Lumapas yang berlangsung di Dewan Kompleks Perdagangan, Sukan dan Rekreasi Menjalim.

Sungai Kebun di sini.

Dato Paduka berkata, kaedah pengendalian yang lebih mantap ini akan mewujudkan semangat kesepahaman dan bekerjasama, paduan dan nilai-nilai luhur dalam masyarakat.

Di samping itu tambahnya, ia akan dapat meningkatkan kesedaran dan semangat patriotik rakyat dan penduduk terhadap tanggungjawab sosial mereka kepada masyarakat dan tanah air.

Menerusi perkembangan ini katanya, akan mengubah sikap masyarakat supaya lebih berdaya saing dan bersikap berani dan yakin diri dalam mengemukakan pergantungan kepada bantuan kerajaan serta melahirkan budaya muafakat dan menyumbang kepada kemajuan diri, keluarga dan ma-

syarakat.

Institusi Majlis Perundingan Mukim dan Kampung katanya, juga dapat berperanan dalam menanamkan nilai-nilai murni, tatasusila, menghormati adat budaya dan semangat kerohanian di kalangan golongan belia setempat melalui kegiatan dan projek kebajikan bercorak keagamaan, berkebiasaan dan sosial secara berterusan.

Dato Paduka menjelaskan bahawa pihak kerajaan juga sentiasa menitikberatkan pembangunan yang seimbang dan terarah bagi membangun kawasan bandar dan luar bandar.

Pihak kerajaan tambahnya, melalui agensi-agensi tertentu tidak kendur-kendur melaksanakan program-program pembangunan dan memberikan bantuan asas di

kawasan-kawasan pendalaman atau luar bandar dalam rangka program-program pertanian, perikanan, infrastruktur, kemajuan perumahan dan pelbagai kemudahan awam yang lain.

Dato Paduka menekankan bagi mengekalkan usaha-usaha ini, rakyat dan penduduk perlu sentiasa memberikan kerjasama dan tampil ke hadapan menyahut baik usaha kerajaan untuk membangun mukim-mukim dan kampung-kampung.

Dato Paduka berharap rakyat dan penduduk dalam memberikan keyakinan kepada usaha-usaha kerajaan juga perlu berdoa dan mendoakan supaya segala usaha kerajaan untuk memajukan dan mempelbagai ekonomi negara akan berjaya dan berhasil.

Bantu kerajaan tangani isu di mukim, kampung

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Mei.- Anggota masyarakat dan para pemimpin di peringkat akar umbi adalah digalakkan untuk bergiat aktif bagi membantu kerajaan dalam menangani isu-isu dan permasalahan di peringkat mukim dan kampung.

"Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat menghargai sikap orang ramai yang memberikan kerjasama dan maklumat mengenai kegiatan kegiatan subversif, jenayah, kelakuan antisosial dan gejala-gejala buruk yang berlaku di kampung dan mukim masing-masing kepada pihak berwajib dalam kerajaan, kata Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair di Majlis Perjumpaan Penerangan bagi Mukim Lumapas yang berlangsung di Dewan Kompleks Perdagangan, Sukan dan Rekreasi Menjalim, Sungai Kebun di sini.

Liputan Aliddin HM dan Abu Bakar HAR Gambar-gambar oleh Hj. Masmaleh HMA

Dato Paduka menambah, pihak kerajaan tanpa kendur-kendur sentiasa berusaha melalui agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan untuk mengatasi bagi menangani masalah-masalah sosial yang melanda masyarakat kita dewasa ini.

Kesungguhan kerajaan katanya, bagi menangani permasalahan yang dihadapi dilihat melalui penubuhan satu jawatankuasa masalah sosial yang merangkakan strategi dan tindakan-tindakan bagi menangani masalah tersebut di negara ini.

Dato Paduka menjelaskan dalam menangani masalah-masalah sosial dan gejala-gejala tidak sihat di kalangan remaja, institusi

keluarga masih merupakan asas penting kepada pembinaan masyarakat.

Katanya, individu-individu yang lahir daripada masyarakat yang sempurna adalah berpotensi menjadi tulang belakang kepada pembangunan negara dan bangsa.

Setiap keluarga tambahan, hendaklah mempunyai tanggungjawab moral bagi mewujudkan generasi berakhlak dan sempurna akidahnya di mana anggota-anggota keluarga dan masyarakat perlu memberi perhatian ke atas kemajuan pelajaran, disiplin dan tingkah laku serta pergaulan dan kegiatan anak-anak dan golongan remaja.

Dato Paduka menjelaskan, institusi keluarga dan anggota masyarakat adalah berperanan untuk menanamkan sifat hormat-menghormati dan berawar-galat di kalangan remaja, semangat gotong-royong dan prihatin ke atas kebersihan alam sekitar.

MIPR alu-alukan pembinaan kawasan pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Mei.- Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama memang mengalu-alukan sektor pelancongan di negara ini seperti yang terdapat di kawasan Taman Rekreasi Hutan Bukit Shahbandar dan Taman Rekreasi Hutan Berakas serta lain-lainnya.

Semua taman-taman yang dimajukan itu adalah dibawah Gazette Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Sementara kawasan Bukit Saeh pula bukannya di bawah Gazette Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, jelas wakil Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Pengiran Dato Paduka Haji Sarifuddin semasa sesi dialog di Majlis Perjumpaan Penerangan bagi Mukim Lumapas yang berlangsung di Dewan Kompleks Perdagangan, Sukan dan Rekreasi Menjalim, Sungai Kebun di sini.

Menurutnya, kawasan Bukit Saeh itu memang sesuai untuk dimajukan menjadi Taman Rekreasi yang indah dan cantik bagi kunjungan para pelancong sekali gus mendukung ke arah meningkatkan industri pelancongan di negara ini.

Untuk tujuan itu beliau menjelaskan, ianya perlu penyelidikan dan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain yang terlibat seperti Kementerian Pembangunan dan Jabatan Tanah untuk melaksanakannya.

Perincian kedudukan tanah dipohonkan

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Mei.- Pesuruhjaya Tanah, Awang Haji Saifon berkata, permohonan kawasan tanah untuk dimajukan oleh penduduk di Mukim Lumapas telah diambil maklum kerana setakat ini belum lagi dapat mengumpulkan permohonan itu secara formal yang banyak melibatkan agensi-agensi kerajaan yang lain dan perlu dirundingkan terlebih dahulu.

Nampaknya perkara ini

dibuat secara umum saja dan apa yang kita mahu nanti diminta abis kita menghantar wakil seperti Penghulu atau Ketua-ketua Kampung supaya datang ke Jabatan Tanah untuk dijelaskan secara terperinci mengenai kedudukan perkara yang sebenarnya.

Menyentuh mengenai perkara geran tanah sementara ditukar kepada geran kekal itu jelasnya belum ada dasar atau garis panduan yang membolehkan geran

tanah pajakan (hidup) diubah kepada kekal.

Beliau menambah, lazimnya yang dibuat oleh Jabatan Tanah ketika ini ialah geran tanah 50 tahun yang akan tamat tempohnya 5 atau 6 tahun, maka apabila dipohonkan akan diproses bagi satu tempoh yang sama iaitu 50 tahun sahaja menurut dasar dan garis pandu, peraturan yang ada pada masa ini yang diarahkan kepada Jabatan Tanah.

Sementara permohonan untuk menyambung selalunya menerima jawapan dukacita daripada pihak berkenaan, beliau menjelaskan bahawa permohonan untuk menyambung bagi satu tempoh yang sama selalunya berjaya, tidak ditolak tetapi jikalau permohonan itu untuk permohonan menjadikan geran hidup itu menjadi geran kekal (mati) itu betul dan akan mendapat jawapan dukacita.

Perkhidmatan 24 jam perlu penelitian rapi

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Mei.- Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Zainal menjelaskan permohonan supaya Klinik Sungai Asam dipanjangkan waktu perkhidmatannya selama 24 jam memerlukan penelitian yang rapi yang melibatkan penambahan tenaga pekerja dan kepakaran di sesebuah klinik berkenaan.

Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato

Paduka Awang Haji Zainal bin Haji Momin berkata demikian semasa sesi dialog di Majlis Perjumpaan Penerangan bagi Mukim Lumapas, yang berlangsung di Dewan Kompleks Perdagangan, Sukan dan Rekreasi Menjalim, Sungai Kebun di sini.

Walau bagaimanapun katanya, Kementerian Kesihatan sedang meneliti dan mengambil maklum akan perkara itu bukan sahaja Klinik Sungai Asam tetapi

juga seluruh klinik yang ada di negara ini akan dilaksanakan bagi mempertingkatkan lagi hak asasi kesihatan.

Dato Paduka menjelaskan, pada waktu ini klinik-klinik yang hanya memberi perkhidmatannya selama 24 jam hanya di Klinik Ong Sum Ping dan Klinik Sungai Liang yang lainnya masih lagi beroperasi secara waktu pejabat sahaja.



KELIHATAN penduduk yang tinggal di Mukim Lumapas hadir bagi mendengar permasalahan dan jawapan yang diberikan oleh wakil-wakil kementerian dan jabatan-jabatan berkenaan di Majlis Perjumpaan Penerangan bagi Mukim Lumapas.

KIAH tahu apa yang baru dilakukannya adalah satu dosa besar. Satu perbuatan yang melampau. Hina! Jijik! Mencabut satu nyawa yang lemah dengan sebilah parang tajam di tangannya. Membunuh dengan sengaja! Atau membunuh dengan niat. Semua orang kampung mengutuk perbuatan Kiah. Mereka mengatakan Kiah tidak berperikemanusiaan. Ada yang menggeleng-geleng kepala. Ada yang meludah ke tanah. Ada yang terang-terang menuding jari ke muka Kiah sambil berkata Kiah kejam! Itu semua Kiah tidak kisah. Cakaplah apa saja. Maki-hamunlah sepuas hati. Apa saja tohmahan yang dilemparkan ke atas dirinya, Kiah terima.

Kiah tersenyum puas sambil mengesat bekas-bekas darah yang melekat di tubuh. Semua penghinaan orang kampung diterimanya dengan reda. Tapi bila Tok Lebai mengatakan Kiah lebih hina daripada binatang, darahnya menyirap semula. Parang tajam diangkat tinggi. Kiah macam orang meroyan! Marah. Bertempik dan meracau yang bukan-bukan. Apa yang Tok Lebai tahu? Tok Lebai cuma duduk dalam masjid pagi, petang, siang malam. Tok Lebai tak pernah jenguk sekalipun keadaan Kiah. Pertengkaran meletus lagi. Orang kampung semakin ramai berkerumun. Busu tersengih-sengih sambil menyusup di kalangan orang ramai yang berpusu-pusu. Tok Lebai berundur. Tok Lebai mengucap panjang. Kiah semakin berang. Kiah ditenangkan oleh beberapa orang wanita. Parang tajam ditancap ke tanah.

Bukan sekali dua Kiah menahan sabar. Bahkan sudah bertahun-tahun lamanya. Kesabaran yang sering tercabar itu akhirnya menjadi akar dendam di jiwa Kiah. Bukannya tidak pernah Kiah bertolak ansur. Bukannya Kiah tidak pernah bertimbang rasa. Bukan juga Kiah tidak pernah mahu beralah. Tapi semakin Kiah berlembut, semakin menjadi-jadi pula halnya. Mula-mula Kiah kenal Hitam, waktu ia masih kecil lagi. Waktu itu Hitam suka bermain-main dengan kawan-kawannya dekat tepi jalan kecil di depan pondok Kiah. Hitam pijak hingga rosak anak keledak Kiah. Hitam ragut pohon mempelam yang baru berdaun. Hitam runduk bayam dan kangkung. Kiah sabar. Hitam kencing dan berak dekat bawah tangga, pun Kiah tak kisah.

Sehingga Hitam meningkat dewasa dan beranak-pinak Kiah masih menganggapnya sebagai kawan. Sebagai sesama makhluk Tuhan yang hidup di muka bumi. Waktu Hitam tersungkur dekat paya belakang bukit, Kiahlah yang bersusah payah menyelamatkan Hitam. Kiah rawat Hitam sampai sembuh dan dapat bangun berjalan semula. Kiah sanggup berhujan dan berpanas berjalan kaki sejauh lebih tiga batu semata-mata menghantar Hitam balik ke tempatnya.

Kiah tidak pernah mengharapkan apa-apa balasan atau ucapan terima kasih daripada Hitam. Apa yang Kiah lakukan adalah semata-mata kerana perasaan belas simpati yang ada dalam hatinya. Kemudian Hitam datang lagi, main-main atas batas-batas yang baru dicangkul. Batas-batas habis rosak semua. Kiah tetap sabar. Kiah hantar Hitam balik dan Kiah perbaiki semula batas-batas yang rosak. Kadang-kadang kalau terlihat Hitam kehausan di tepi jalan, Kiah berhenti. Kiah cedok air dan beri Hitam minum. Kalau Hitam dikacau oleh budak-budak kampung, Kiah akan halang mereka. Tapi Hitam memang tak pandai serik. Hitam datang lagi. Masuk kebun kecil belakang pondok Kiah dan ragut benih-benih bayam dan kangkung yang baru berdaun. Kiah sabar. Kiah bawa mengucap panjang. Kiah tahu dia mesti membuat pagar kalau mahu tanam-tanamannya selamat.

Bakul rotan yang berisi umbut nibung, rebung dan buah nangka diletakkan atas lantai. Kiah mengesat peluh di wajahnya. Panas. Kopi dituang ke dalam gelas. Pinggan berisi ubi kayu rebus ditarik. Semut-semut kecil yang berkumpul di atas ubi kayu rebus ditepis lembut. Ubi kayu disuap ke dalam mulut. Kopi sejuk diteguk. Kiah meraba-raba betisnya. Tumit kaki keras kasar. Banyak calar-calar luka. Selipar getah yang nipis senang ditusuk duri-duri dalam hutan. Tangan dan pipinya digaru-garu. Kesan-kesan gigitan nyamuk meninggalkan rasa gatal. Sisa kopi dihabiskan. Ubi kayu rebus dimasukkan ke dalam dulang.

Kiah memandang atap. Warna perang kekuningan dengan karat jelas kelihatan. Cahaya matahari senang melolos masuk melalui lubang-lubang zink. Dinding-dinding sekeliling pun sudah banyak yang reput dimakan anai. Kiah tahu, seharusnya atap dan dinding sudah lama perlu diganti. Ketika ada angin kencang, Kiah tidak pernah lelap tidur. Ketika hujan lebat,

Kiah basah kuyup. Ketika mendengar suara-suara gerun binatang di malam hari, Kiah sentiasa cemas dan gelisah. Pintu depan dan belakang hanya menggunakan kayu palang, sedangkan, jika ditolak dengan sedikit kekuatan, kayu palang boleh terlepas dengan mudah.

Kiah ada menyimpan sedikit wang hasil dari tanaman ubi kayu belakang pondoknya. Tapi belum cukup. Kalau semuanya mahu diganti, memang Kiah tidak mampu. Tapi Kiah berniat juga mahu membeli zink dan papan sedikit-sedikit nanti. Kiah tidak mahu pondok tempat bernaung dari hujan dan panas itu akan ranap begitu saja. Selagi hayat dikandung badan, selagi tulang empat kerat masih berupaya, selagi itulah Kiah akan terus berusaha.

Kiah tidak hirau pasal Bakar meninggalkannya dan kahwin dengan wanita lain. Kiah sedar, dirinya tidak secantik mana. Waktu mula-mula mereka kahwin dan Bakar mengajaknya tinggal di kampung itu pun Kiah tahu muslihat sebenar. Bakar mahu Kiah menjaga ibunya yang sudah uzur. Setelah ibu Bakar meninggal, Kiah tinggal sendiri. Kiah tahu dirinya tidak berpelajaran tinggi. Kerja apa yang Kiah boleh buat? Yang ada padanya hanya sebuah pondok usang dan tanah sekengkang kera, itu pun atas nama Bakar. Bila-bila masa Bakar boleh datang semula dan ambil. Kadang-kadang Kiah makan, kadang-kadang tidak, pun Kiah masih dapat tersenyum. Makan nasi berlauk garam atau sayur-sayur hutan, Kiah tetap bersyukur.

Setiap pagi selesai salat Subuh dan menanam nasi, Kiah akan segera turun ke kebun belakang. Baru beberapa bulan kebelakangan itu, Kiah mengusahakan kebun secara bersungguh-sungguh. Kiah sudah dapat baja dan benih sayuran. Kiah sudah lihat bagaimana Hajah Mastura mengusahakan kebun sayur-sayuran. Kiah sudah lihat bagaimana Hajah Mastura mengusahakan kebun sayur-sayuran. Kiah sudah lihat bagaimana Hajah Mastura mengusahakan kebun sayur-sayuran. Kiah sudah lihat bagaimana Hajah Mastura mengusahakan kebun sayur-sayuran. Kiah sudah lihat bagaimana Hajah Mastura mengusahakan kebun sayur-sayuran.

Kalau hari terlalu panas, Kiah akan menyiram dua kali sehari. Rumput dan



HITAM

OLEH SOSONJAN A. KHAN

lalang ditebas bersih. Batas-batas kebun kelihatan rimbun dengan sayur-sayuran yang ditanam. Kacang panjang, mentimun, terung, peria, papaya, lada besar dan beberapa jenis sayur daun yang lain mulai berputik. Beberapa minggu saja lagi hasil-hasil di kebun akan dapat dipetik. Kalau usahanya berhasil, Kiah mahu menanam lebih banyak jenis sayur-sayuran.

Liau Sahab sudah berjanji akan memborong semua hasil kebun Kiah. Segala hutang-piutang barang-barang dapur dapat dikurangkan. Pak Murad tidak mahu



menyindir-nyindir kiah lagi setiap kali lalu di hadapan kedai runcitnya. Isteri Pak Murad tentu tidak akan melemparkan kata-kata cacian lagi padanya. Kalau hasil kebun dapat berlanjutan dengan baik, papan dan zink juga akan dibeli. Cincin dan buah rantai akan dapat ditebus semula dari tangan Cik Bedah. Hari Raya pada tahun hadapan, Kiah mahu menempah sepasang baju baru. Sudah lama Kiah tidak mengenakan pakaian baru ketika menunaikan salat sunat Hari Raya.

Sebuah lori kecil masuk ke perkarangan laman hadapan. Kiah segera datang. Busu memunggah turun beberapa gulung pagar berduri. Dua orang pembantu Busu menurunkan batang-batang kayu. Beberapa ekor kambing mengembik di atas lori.

"Pagar akan dibuat dua minggu lagi. Batang-batang kayu belum cukup," kata Busu.

"Tidak apa," jawab Kiah.

"Kebun awak agak luas. Ambil pembantu, boleh mengurangkan beban," tambah Busu sambil mencucuh api rokok.

"Aku belum mampu," jawab Kiah. Keningnya berkedut. Raut wajahnya gelisah.

"Awak tidak perlu membayar sekali gus. Jika ada wang lebih awak boleh bayar. Jika tidak aku boleh membantu mengusahakan kebun awak," suara Busu sambil berjalan meninjau-ninjau kebun. Beberapa ekor ayam bejalan pantas, terburit-burit masuk ke bawah kolong.

Kiah tidak menjawab apa-apa. Wajahnya lesu. Peluh mengalir dari celahan lehernya. Busu berdiri agak lama. Bau tahi-tahi lembu dan kerbau singgah ke hidungnya. Rokok dihisap lagi. Disedut dalam-dalam. Asap berkepul-kepul keluar dari hidung dan mulutnya, pontong rokok dilepaskan ke tanah. Dia memandang wajah Kiah.

"Awak jangan susah hati. Bila-bila masa aku boleh membantu apa-apa yang awak perlukan." Bau tahi-tahi lembu dan kerbau semakin bingit menusuk-nusuk ke dalam lubang hidungnya. Busu meludah ke tanah.

"Terima kasih. Wak sudah banyak membantu aku selama ini."

"Tidak apa. Aku kasihan pada awak... Sanggup Bakar membiarkan awak macam ni."

Kiah melemparkan pandangan jauh ke seberang hutan belantara. Suara kera-kera di hutan terdengar selang-seli dengan siulan burung-burung. Bunyi buah-buah getah yang gugur bercerampak menyentak unggas-unggas hutan. Asap dari unggun kayu-kayu dan rumput kering melintuk-lintuk naik ke udara. Kiah menarik tunggul kering dan meletakkan di atas unggun api. Asap semakin banyak. Cuaca bertambah panas. Busu melangkah pergi.

Sebelum matahari terbenam, Kiah sudah naik ke pondok. Malam itu setelah mandi, salat dan makan, Kiah berbaring. Penat dan lelah. Suara katak bersahut-sahutan. Semakin lama semakin tinggi. Suara katak semakin banyak. Hujan, Kiah bangun dan menadah beberapa buah bekas tin menakung air. Bersuluhkan lampu minyak tanah dalam tin bekas susu yang bertagar. Kiah meraba-raba lantai. Lembap. Kiah menyasar punggung mencari tempat yang kering. Kiah menarik tikar getah lusuh yang berjuntai tepiannya ke hujung sudut yang dirasakan selamat dari titisan hujan.

PUISI

TEGUH DALAM MENGABADI

Dikeramatkan segala tahniah kepada engkau satria perwira pengorbanan leluhur pendekar zaman sejati jasa bakti yang dihulur sumbangsih tekad hadiah kasih ikhlas yang tak terpadam dalam menjunjung kesetiaan kedaulatan agama raja watan nilai sejagat bumi Darussalam.

Langkah setiap detik menyeru segala hati telah hidup bertunas menginjak dedaun hasrat menyemai batas-batas bakti laungan keramat dengan definisi Azab Sengsa Kerana Agama Raja Rakyat ASKAR... ASKAR... ASKAR...! Akan Berjuang Dengan Berani Bertakwa ABDB... ABDB... ABDB...! sumpah keramat perwira sepenuh hayat.

Empat puluh dua tahun berlalu 31 Mei enam puluh satu terasa baru semalam dalam ingatan lanting suara enam puluh perwira putera tiga satria menyahut seruan raja tercinta Darussalam persada anugerah.

Hati siapa takkan pilu jiwa mana tak akan sayu tika terkenang hari-hari berlalu taman permainan kita hutan belantara unggas terbang melata jadi kawan kita kalajengking, limatak, lintah berpesta menjelajah di seluruh anggota penuh dengan keringat hapak baunya namun kita reda demi agama raja dan bangsa.

Nilai sebuah perjuangan keberanian mengalir waja kursani rela hangus dimamah api rela mati dimamah bumi rela hancur dimamah air rela apa sahaja darah gugur menjadi benih buah setia setia rela menjadi benteng pertivi tercinta dengan darah membasahi bumi.

Memacu hidup menadahi harap menyusun langkah menabur bakti wangi setia haruman kasturi bersama iman dan doa memintal hasrat peluang sejati unukmu darussalam.

Danau kehidupan perwira satria tetanah hijau hutan belantara memburu air samudera memutih angkasa cerah awan kelungsuran peluru di sekeliling jasad biar kalbu berelatu seribu hakiki perwira sejati terbuhi di kalbu.

Untukmu perwira usah dikelar jantung fikiran usah mengaju soal apa dan mengapa? menitik bicara mengutus madah di pundak kamu sumpah keramat terpahat terletak wasiat agama terletak wasiat agama terletak wasiat agama persada darussalam.

Bersama iman doa dan takwa tanamkan semangat jihad nawaitu kerana Allah Syurga menanti pejuang sejati.

Dirgahayu perwira bangsaku kamulah bunga bangsa di tengah persada.

Sabda Putera Brunei

**YANG KUTAHU
YANG KAU TAHU**

Yang kutahu kau adalah milikku kau seorang suami bertanggungjawab menghargai aku seadanya yang menyintiku yang mengasihiku yang menyayangiku sampai ke hari ini lantas aku bersyukur pada-Mu lantaran dia adalah jodohku.

Yang kau tahu aku adalah milikmu seorang isteri yang masih setia yang teguh janjinya yang menyintai yang mengasih yang menyayang yang mengalahkan

cinta, kasih dan sayang pada diri sendiri.

Bila kutahu kau pun tahu bersamalah kita menjaga keharmonian rumah tangga menjadikan cinta, kasih dan sayang kebahagiaan buat anak-anak biar mereka membesar di depan mata kita.

Enny Eng. S.

BICARA UNTUK KAWAN

Akhir-akhir ini aku tak mengerti erti sebuah persahabatan di mana letak seorang teman di mana tempat seorang kawan sejati pada keegoan diri atau pada patahan kata.

Siapa ingin bicara siapa ingin bersuara siapa jadi pendengar setia siapa ingin jadi pengacara dusta aku atau dia.

Dalam satu masa kekeliruan sering tersentuh menelusur suasana sepi bisu dan tuli namun di hati ad kata sendiri ad kata sendiri berpujukan pada akal naluri.

Aku yakin haluanmu ini ada tempatnya berjalan menyusur waktu berkayu menyusur sungai tugas harian dilaksanakan akur pada arahan itu adalah amanah membetulkan setiap kesilapan menghargai sebuah persahabatan yang hitam diceraikan yang putih disinarkan yang merah itu saga yang kuning itu emas yang cantik itu hanya lukisan tapi yang indah itu bahasa.

Shanty Kasih

SELAMAT ULANG TAHUN KE-42

Perajurit perkasa sekalung tahniah bagimu Angkatan Bersenjata Diraja Brunei 31 Mei bertambah usia ke-42 semoga segala gerak laku dipertingkatkan biar padu berwibawa bersemangat waja.

Perajurit harapan negara pertingkatkan usaha gandakan tenaga demi negara, ketua dan agama biar jasamu menjadi ingatan biar baktimu termaktub dalam kenangan.

Perajurit yang telah bersara negara tidak pernah lupa khidmat dan jasa menjadi sebutan sepanjang masa kalau yang muda bertambah usia anak-anak menjadi remaja tanamkan sikap perkasa menjaga keselamatan bumi tercinta menanti kedaulatan negara kita Selamat Ulang Tahun Ke-42.

Ayumastika

TERIMA KASIH

Terima kasih matahari kerana mencerahkan pagiku mengeringkan kelembapanku menceriakan alamku.

Terima kasih bulan dan bintang kerana menerangkan suasana malamku melenakan tidurku.

Terima kasih hujan kerana menyburkan kehijauanku menyejukkan hawa alamku.

Terima kasih bayu kerana mendamikan kalbuku menceriakan hidupku.

Terima kasih pada-Mu Yang Maha Esa di atas segalanya yang telah Kau ciptakan pada duniku.

Maryatee

Dari muka 12

Bunyi hujan semakin deras. Dingin. Kiah menarik selimut kusam menutup sekujur tubuh. Bunyi hujan yang gugur di atas atap semakin kuat. Sekali-sekala terdengar bunyi guruh dan petir. Kiah menekup telinga dengan kedua-dua belah tangan. Hujan semakin lebat. Kiah tidak dapat memejamkan mata. Fikirannya kusut. Kiah risau memikirkan batas-batas tanaman. Kiah bangun dan berdoa. Bunyi hujan agak reda. Kiah berbaring semula. Kiah tidak sedar bila matanya terlelap.

Selepas subuh Kiah bergegas turun ke kebun belakang. Kiah meninjau satu demi satu batas-batas tanaman. Kiah tersenyum. Cuma sedikit yang terjejas. Kiah menyodok lopak-lopak dan lumpur hitam di tepian kebun untuk mencari cangkul. Cangkul yang sumbing-sumbing, penuh karat dan bertanah dicapai. Batang cangkul yang pecah-pecah dan rekah digenggam kuat. Cangkul dihayun tinggi dan dilepaskan ke tanah. Cacing-cacing tanah yang gemuk dan panjang-panjang menggeliat-geliat dekat kakinya. Kiah terus menghayun cangkul sehingga semua yang susur kukuh semula. Ranting-ranting kayu yang kendur terungki, berserakan diikat kuat.

Ketika matahari betul-betul tegak di atas kepalanya, Kiah sudah hampir siap di kebun. Petang nanti Kiah akan menyambung semula mana-mana yang perlu. Kiah mahu ke tebing sungai dulu melihat bubu dan mengambil air. Ketika mahu melangkah, Tambi tiba-tiba muncul di hadapannya. Kiah tersentak. Bukan sekali dua Tambi muncul mendadak seperti itu.

"Aku tahu Tambi, hutang aku pada awak masih banyak. Tapi awak sabarlah dulu. Lagipun bukannya aku tak pernah bayar langsung. Kalau ada nanti, aku akan hantar sendiri ke rumah awak," ujar Kiah tanpa dipinta.

"Kalau awak tak dapat bayar tak apa. Tapi awak mesti cari Bakar sampai dapat. Hutang itu pun bukannya awak yang buat. Tapi Bakar. Kalau Bakar terus buat macam ni, susahlah aku," Tambi bersuara sambil duduk bertengger macam ayam kelaparan.

"Di mana aku nak cari dia? Awak tahukan, aku sendiri tidak tahu di mana Bakar berada sekarang."

"Awak tak akan mampu melunasi semua hutang-hutang Bakar dulu."

"Aku tahu. Tapi aku janji. Sedikit-sedikit hasil kebun yang ada aku akan bayar awak juga."

"Kalau awak susah sangat nak cari Bakar, bukannya payah. Awak bagi saja aku sedikit tanah yang ada di belakang tu. Habis cerita."

"Tanah ini, Bakar yang punya. Bukan aku."

"Lalah. Yang berhutang pun bukannya awak. Tapi Bakar."

"Aku minta tolong kau sekali lagi Tambi. Aku harap kau dapat bersabar. Hutang-hutang Bakar aku akan bayar."

"Aku dah jelak mendengar janji-janji kau Kiah. Aku pun bukannya orang senang. Aku ada anak bini nak bagi makan. Kau kena fikirkan juga Kiah."

"Tak lama Tambi. Dalam tahun ini juga semua hutang-hutang itu akan selesai."

Tambi berlalu sambil menggeleng-geleng kepala. Kiah segera ke tebing sungai. Burung-burung pipit dan layang-layang terjengket-jengket di atas bangkai-bangkai reput. Sampah sarap bergayutan di atas batang-batang kayu yang berlumut. Air sungai berwarna perang coklat. Lintah-lintah berbelitan di dalam selut. Bubu-bubu yang terpasang di anak sungai diperiksa satu persatu. Uras-uras kayu, bangkai, tin-tin buruk, plastik, kertas dan segala macam sampah bersangkutan di

BUNYI hujan semakin deras. Dingin. Kiah menarik selimut kusam menutup sekujur tubuh. Bunyi hujan yang gugur di atas atap semakin kuat. Sekali-sekala terdengar bunyi guruh dan petir. Kiah menekup telinga dengan kedua-dua belah tangan. Hujan semakin lebat. Kiah tidak dapat memejamkan mata. Fikirannya kusut. Kiah risau memikirkan batas-batas tanaman. Kiah bangun dan berdoa. Bunyi hujan agak reda. Kiah berbaring semula. Kiah tidak sedar bila matanya terlelap.

hujung kepala pintu bubu.

Kiah mengangkat raga bubu. Beberapa ekor ikan talipia dan keli mengeling kuat. Kiah menghentak kepala bubu ke tebing sungai. Talipia dan keli melompat-lompat di atas tanah. Kiah segera menangkap dengan kedua-dua belah tangan, ikan-ikan dimasukkan ke dalam bakul rotan. Bubu-bubu diletakkan semula ke tepi anak sungai. Bunyi ranting-ranting kayu dalam hutan sebelah sungai berkiak. Suara kera nyaring bersahut-sahutan memecah keheningan alam. Kiah mempercepatkan langkah. Bakul berisi ikan dikepit kuat. Sementara sebelah tangannya lagi menggenggam tangkai baldi buruk yang berisi air. Tercungap-cungap Kiah ketika sampai di kaki tangga.

Kiah menggeliat kesejukan. Rasa mengantuk masih melekat di bibir matanya. Seluruh tubuhnya terasa kebas. Bias matahari mencuri masuk ke dinding-dinding yang banyak bersarang lebah dan rekah. Kiah bingkas bangun. Tingkap-tingkap kayu yang sentiasa longgar dibuka. Tahi-tahi cicak berguguran ke lantai. Sinar matahari berebutan masuk. Kiah tersentak. Pandangannya silau. Kedua-dua belah matanya segera digosok-gosok. Kiah seolah-olah tidak percaya dengan apa yang sedang disaksikannya. Kebun tanaman penuh! Batas-batas tanaman ranap! Rosak! Sayur-sayuran yang bakal dipetik beberapa minggu lagi bersepehan di atas batas kebun. Kiah mengerit lantang. Kiah melompat ke bawah tanah, masuk di kolong pondok dan menarik parang tajam. Kiah berlari kencang. Kiah berteriak nyaring. Suara Kiah bergema di pagi itu. Burung-burung bertempiaran terbang. Hitam terkejut! Perut Hitam besar bulat memboyot. Daun-daun sayur yang masih terlekat di mulutnya lurut. Kiah mengejar Hitam. Hitam berlari lintang-pukang. Semakin banyak batas-batas yang rosak dirunduk Hitam. Kiah semakin hampir. Hitam cuba mengelak. Hitam cuba berlari panas. Hitam terpuruk ke dalam longkang. Kiah menghayun parang tajam berulang-ulang. Hitam menggelepar. Darah merah menyembur keluar!





سنتیاس برسام بیسکیت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تیلبیشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

R A B U 28 MEI	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.12	SUSUNAN RANCANGAN	6.45	SIRAH NABAWIYAH	8.50	DRAMA - 'Amanah'
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT	4.15	ANIMATION HOUR : MARSUPIAMI		9.25	HALUAN
	6.02	MUTIARA FIRMAN			5.00	JUARA - Siaran Langsung	MALAM	10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	PETANG		5.45	BERITA	7.00	10.30	COSBY SHOW - SR. 2 'Mud'
	9.00	BERITA	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.00	CAFE DIGITAL	7.20	11.00	BEYOND CHANCES II
			4.02	MUTIARA FIRMAN	6.29	AZAN MAGHRIB	7.44	11.50	DOA DAN SIARAN TAMAT
							8.00		

K H A M I S 29 MEI	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	5.45	BERITA	7.44	AZAN ISYAK
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT	4.15	ANIMATION HOUR: THE MAGICIAN/FRACASSE	6.29	8.00	BERITA NASIONAL
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG		5.00	ON THE BALL	6.45	8.50	AN-NUUR - Siaran Langsung
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung			5.30	AIDS : ANSWERS AND BREAKTHROUGH - 'Ending The Epidemic'	MALAM	10.00	NEWS AT 10
	9.00	BERITA	4.00	LAGU KEBANGSAAN			7.00	10.30	DRAMA - 'Melarik Kasih'
			4.02	MUTIARA FIRMAN			7.25	11.00	WAYANG PILIHAN - 'Blind Obsession'
								12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

J U M A A T 30 MEI	PAGI	11.15	INDUSTRI BRUNEI		BRUNEI - 'B' LEAGUE		OF THE UNIVERSE/USOP	7.44	AZAN ISYAK
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.30	BERITA	2.30	DINAMIK - Siaran Langsung	5.15	8.00	BERITA NASIONAL
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.40	JEJAK RASUL SR. 7 - Ulangan	3.00	TAYANGAN GAMBAR - 'Story In Temple Red Lily'	5.45	9.00	MENDULANG
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	12.15	BRUM			6.00	9.30	ANUGERAH - 'Hijrah'
	9.00	BERITA	12.30	SEMBAHYANG FARUJ JUMAAT - Siaran Langsung	3.43	AZAN ASAR	6.29	10.00	BUSH BEAT
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	PETANG		3.49	TAYANGAN GAMBAR - Sambungan	6.45	10.40	NEWS AT 10
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	1.30	VISI SUCI	4.30	ANIMATION HOUR : VOLTRON - DEFENDER	MALAM	10.50	KHUTBAH JUMAAT
	10.15	SESAME STREET	2.00	LIGA KEBANGSAAN			7.00	11.20	LIGA KEBANGSAAN
							7.20	12.05	BRUNEI 2003 - 'B' LEAGUE
									TELEDRAMA - 'Ibu'
									DOA DAN SIARAN TAMAT

S A B T U 31 MEI	PAGI	10.00	SUSUNAN RANCANGAN		Tasek Merimbun'	4.45	ANIMATION : ENGMA	MALAM	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.10	ANIMATION HOUR: CLAMITY JANE/STREET SHARKS	12.19	AZAN ZUHUR	5.15	7.00	DUNIA ASIA
	6.02	MUTIARA FIRMAN			PETANG			7.25	KLINIK KITA SR. 3
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.00	BIOLOGIC	1.00	AKIRA TALENTIME 2003	5.45	7.44	AZAN ISYAK
	9.00	BERITA	11.30	BERITA	2.30	PANGGUNG PETANG	5.55	8.00	BERITA NASIONAL
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	11.40	DRAMA - (Ulangan)		SABTU - 'All You Need'		8.50	HIBURAN HUJUNG MINGGU
			12.15	DOKUMENTARI : DESTINASI - 'Lagenda'	3.44	AZAN ASAR	6.29	10.00	NEWS AT 10
					4.15	GRB SPECIALS	6.45	10.30	TAYANGAN GAMBAR - 'Congo'
								12.05	DOA DAN SIARAN TAMAT

A H A D 1 JUN	PAGI	10.10	SESAME STREET		LEAGUE 2002/2003 - PREVIEW		MASYARAKAT - 'Sukan Orang-Orang Kurang Upaya Peringkat ASEAN dan FESPIC'	MALAM	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.15	PADA SUATU HARI SR. II	1.45	ENGLISH PREMIER	5.00	7.00	BRUNEI SIUK
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.30	BERITA		LEAGUE 2002/2003	5.35	7.45	AZAN ISYAK
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.40	SUNDAY MATINEE - 'Johnny And The Wicked Giant'	2.40	ROSEWELL - 'Control'		8.00	BERITA NASIONAL
	9.00	BERITA	12.19	AZAN ZUHUR	3.10	MASAK APA?		8.50	TIRAI KELUARGA - 'Keluarga 99'
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	PETANG		3.44	AZAN ASAR	5.45	10.00	NEWS AT 10
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	1.20	ENGLISH PREMIER	4.30	KAUNSELING	6.15	10.30	TIRAI KELUARGA - Sambungan
							6.30	11.00	GUINNESS RECORDS : PRIME TIME
							6.45	11.50	DOA DAN SIARAN TAMAT

I S N I N 2 JUN	PAGI		Sambungan	4.15	ANIMATION HOUR : CAR-TOUCHE PRINCE OF THE STREET/BOB MORANE	6.45	BIMBINGAN KELUARGA	8.50	DRAMA - 'Kaca dan Permata'
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT		MALAM		9.25	ORL FORUM - 'Restung'
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG		5.15	SUKAN GLOBAL	7.00	10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	BERITA	7.25	10.30	GREAT QUAKES - 'Mexico City'
	9.00	BERITA	4.12	MUTIARA FIRMAN	6.00	ENDANGERED	7.45	11.20	BIZARRE
	9.15	RAMPAI PAGI - RANCANGAN		RANCANGAN	6.30	AZAN MAGHRIB	8.00	11.50	DOA DAN SIARAN TAMAT

S E L A S A 3 JUN	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.30	AZAN MAGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT	4.15	ANIMATION : 'TOTALLY SPIES'	6.45	8.50	TINJAUAN
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG		5.00	NATURAL HISTORY - 'Kaola Quandary'	MALAM	9.20	E2K - DUNIA KOPERASI - 'Koperasi Setenaga'
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung			5.45	BERITA	7.00	10.00	NEWS AT 10
	9.00	BERITA	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.05	DRAMA - 'Nekad' - Ulangan	7.30	10.30	ER - 'Such Sweet Sorrow'
			4.02	MUTIARA FIRMAN			7.45	11.30	MDA - 'Over Exposure'
								12.20	DOA DAN SIARAN TAMAT

TIADA PEMENANG ALAI PINTAR KELUARAN 7 MEI 2003



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut ketika berucap merasmikan Program Info-Belia Daerah Temburong. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Patuhi undang-undang, peraturan negara

Oleh
Abu Bakar HAR

BANGAR, 9 Mei. - Taat kepada raja, bersopan santun, patuh kepada undang-undang dan peraturan negara serta peraturan-peraturan syarak merupakan antara aspek-aspek dan ciri-ciri kenegaraan yang perlu difahami, dihayati serta dipegang oleh generasi belia hari ini.

Aspek-aspek tersebut merupakan penentu dan menjadi sukut-sukat dalam batas pergaulan di kalangan generasi remaja yang antara lain bertujuan untuk mengawal, membina tingkah laku dan memelihara kehormatan serta tata-susila.

Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang menggariskan perkara tersebut sewaktu merasmikan Program Info-Belia Daerah Temburong di Dewan Muafakat Jabatan Kerajaan di sini.

Oleh itu, katanya, penduduk dan rakyat di negara ini khususnya golongan belia perlu mengetahui dan memahami bahawa terdapat batas-batas dan sempadan di dalam cara hidup yang ditentukan oleh

undang-undang atau peraturan serta hukum syarak.

Ini jelasnya, adalah semata-mata untuk membina dan melicinkan serta memperelokkan lagi perjalanan hidup menurut pegangan landasan yang berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB).

Menyentuh mengenai program selama empat hari yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan dengan kerjasama Jabatan Daerah Temburong, Jabatan Pendidikan Ko-Kurikulum dan Jabatan Belia dan Sukan, Awang Haji Bujang berharap agar para peserta terutama belia lepasan sekolah akan dapat memanfaatkan pengalaman mereka dengan sebaik-baiknya di samping menanam disiplin yang tinggi.

Terdahulu dari itu, dalam ucapan Pengerusi, Awang Haji Yusof menjelaskan, program tersebut merupakan salah satu program hubungan kemasyarakatan sepanjang tahun 2003 Jabatan Penerangan di keempat daerah.

Antara tujuan program

ialah untuk membuat liputan dan memberi peluang kepada kumpulan sasaran bagi mengikuti program yang lebih teratur dan terancang.

Sejurus selesainya majlis perasmian para peserta kemudiannya mendengar taklimat mengenai asas-asas penulisan berita yang disampaikan oleh Ketua Bahagian Akhbar, Jabatan Penerangan, Awang Haji Timbang.

Antara yang disentuh dalam taklimat itu termasuklah mengenai pengertian berita itu sendiri, di samping mengenal kan kepada peserta mengenai struktur berita dan jenis-jenis berita.

Manakala dalam taklimat kedua yang disampaikan di sebelah petang, para peserta telah berkesempatan untuk mengetahui sejarah fotografi dan teknik-teknik penggambaran yang disampaikan oleh Ketua Bahagian Fotografi, Awang Haji Mohd. Haranadi yang bertajuk 'Teknik Asas Fotografi dan Penyuntingan Gambar Bagi Berita dan Rencana'.

olehi dengan mudah dan cepat sama ada maklumat yang baik atau sebaliknya.

ICT tambahnya, boleh memberi kesan yang positif jika digunakan dengan betul dan boleh juga membawa kesan yang negatif jika disalahgunakan.

Beliau berharap, jadikanlah pengetahuan dan kemahiran ICT itu dengan cara yang betul dan manfaatkanlah teknologi maklumat itu dengan cara yang positif dan janganlah pula hendaknya kita begitu ghairah untuk menjadi masyarakat yang bermaklumat tetapi maruah dan budaya kita tergendai.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang dan Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Yusof ketika menghadiri Majlis Ramah Mesra bersama para peserta Program Info-Belia Daerah Temburong. - Gambar oleh Md. Zul-Izzi HD.

Ilmu pengetahuan penting untuk membangun negara

Oleh
Aliddin HM

TEMBURONG, 11 Mei. - Pemangku Pegawai Daerah Temburong berkata, peranan ilmu pengetahuan penting dalam membangun negara.

Beliau menyarankan beberapa cara bagi seseorang itu mendapatkan ilmu termasuklah dengan cara melibatkan diri dengan Program Info-Belia yang mereka ikuti pada masa ini dan juga dengan menjadikan amalan membaca sebagai satu budaya.

Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Yusof berkata demikian di Majlis Penutupan Program Info-Belia bagi para belia di Daerah Temburong yang berlangsung di Dewan Muafakat Jabatan-jabatan kerajaan di sini.

Ilmu pengetahuan jelasnya mempunyai hubungan yang rapat dengan tabiat rajin membaca dan seseorang yang rajin membaca sudah setentunya akan memperolehi ilmu pengetahuan yang banyak.

Beliau menambah, Islam dari awal lagi telah memartabatkan membaca itu di peringkat yang utama sebagaimana ayat pertama yang diturunkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam Surah Al-Alaq yang tafsirnya: "Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk) Ia menciptakan manusia dari sebum darah beku, bacalah dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan."

"Amat jelas maksud ayat berkenaan berkaitan dengan ilmu yang diperolehi melalui membaca," jelasnya.

Allah Subhanahu Wataala, katanya, telah meletakkan martabat orang yang berilmu pengetahuan di tingkat yang

paling mulia seperti firman-Nya dalam Surah Al-Mujadalah ayat 11 yang tafsirnya: "Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat."

Beliau menambah, sebagai aset kepada negara, maka di tangan merekalah dipertaruhkan masa depan mereka, peluang mereka terbuka luas untuk mendalami ilmu pengetahuan dengan beberapa cara dan berazam yang kuat untuk memajukan diri sendiri sebagai persediaan mereka untuk menanai tanggungjawab yang berat ke pada negara.

Lebih 20 orang belia telah mengikuti Program Info-

Belia yang julung-julung kalinya diadakan oleh Jabatan Penerangan dengan kerjasama Jabatan Daerah Temburong, Jabatan Pendidikan Ko-Kurikulum dan Jabatan Belia dan Sukan.

Majlis penyampaian sijil kepada para peserta disampaikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Yusof bin Bakar.

Program selama tiga hari itu bertujuan bagi membina golongan belia lepasan sekolah menengah dan pengajian tinggi yang belum bekerja dengan memberi latihan kemahiran dalam bidang tertentu supaya mereka dapat berikhtisar atau memilih pekerjaan yang bersesuaian baik di sektor kerajaan mahupun sektor swasta.

Objektif Program Info-Belia antara lain untuk memberikan kemahiran asas penulisan dan penyuntingan berita serta asas fotografi, memberikan maklumat dan mem-

buka peluang pekerjaan dalam bidang pelancongan dan menggiatkan golongan belia bergerak aktif selaras cita-cita dan aspirasi negara serta menanamkan semangat cintakan raja, bangsa, agama dan negara.

Para belia yang menyertai program itu mengikuti ceramah disampaikan oleh lima orang penceramah yang diundang khas bagi menyayakan program tersebut.

Antara tajuk ceramah ialah Asas-asas Penulisan dan Penyuntingan Berita dan Rencana, Teknik Asas Fotografi dan Penyuntingan Gambar Bagi Berita dan Rencana serta Praktikalnya, Mengenal Pasti Potensi/ Kerjaya Dalam Ekopelancongan Di Daerah Temburong, Cabaran dan Peluang Ke Arah Membangun dan Memperkasa Belia dan Peluang Perumahan dan Perniagaan Dalam Bidang Ekopelancongan Di Daerah Temburong.



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Yusof bin Bakar menyampaikan sijil kepada seorang peserta Program Info-Belia Daerah Temburong. - Gambar oleh Md. Zul-Izzi HD.

Operasi bersama dialu-alukan

Oleh
Haji Ahmad HS

BERAKAS, 8 Mei. - Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Awang Sa Bali bin Abas mengalu-alukan kerjasama dalam mengukuhkan operasi bersama bukan sahaja di antara jabatan-jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, malah bersama agensi-agensi keselamatan yang lain.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan pelancaran Kursus Bimbingan Tatacara Membuka Fail Siasatan di Bilik Serbaguna Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan hari ini.

Di majlis itu beliau juga menyarankan supaya peserta kursus dapat melaksanakan tugas penguatkuasaan undang-undang di jabatan masing-masing.

Di majlis itu beliau juga menyatakan bahawa kursus yang dikendalikan oleh jabatan di bawah pimpinannya adalah sangat bermakna kerana Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan berupaya untuk mengendalikan, di samping mendapat

kan.

Di samping teori, para peserta kursus juga menjalani kursus amali dengan mengadakan operasi di waktu siang dan di penghujung kursus dibawa melawat ke Mahkamah untuk melihat bagaimana Pegawai Pendakwa

Imigresen mengendalikan per-dakwaan ke atas pesalah imigresen.

Seramai 23 pegawai Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Belait, Tutong dan Temburong, Jabatan Bandaran dan Jabatan Buruh telah dipilih mengikuti kursus tersebut.



PENGARAH Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Awang Sa Bali bin Abas menyampaikan sijil kepada seorang peserta Kursus Tatacara Membuka Fail Siasatan. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.



**JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**JAWATAN KOSONG SEBAGAI KETUA
KAMPUNG DI DAERAH BRUNEI MUARA**

MUKIM GADONG

1. Ketua Kampung Beribi
2. Ketua Kampung Kawasan 3 Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba
3. Ketua Kampung Tungku dan Kampung Katok

MUKIM BERAHAS 'A'

1. Ketua Kampung Jaya Setia/Jaya Bakti
2. Ketua Kampung Delima Satu

MUKIM BERAHAS 'B'

1. Ketua Kampung Sungai Akar

MUKIM KOTA BATU

1. Ketua Kampung Sungai Lampai/Pintu Malim
2. Ketua Kampung Sungai Matan
3. Ketua Kampung Serdang
4. Ketua Kampung Belimbing

MUKIM KILANAS

1. Ketua Kampung Tanjong Bunut

MUKIM PENGKALAN BATU

1. Ketua Kampung Panchor Murai
2. Ketua Kampung Limau Manis

MUKIM SABA

1. Ketua Kampung Saba Darat 'B'
2. Ketua Kampung Saba Darat 'A' dan Saba Laut

MUKIM PERAMU

1. Ketua Kampung Peramu

MUKIM TAMOI

1. Ketua Kampung Pengiran Kerma Indera Lama dan Kampung Pengiran Tajuddin Hitam
2. Ketua Kampung Tamoi Ujong dan Kampung Tamoi Tengah

MUKIM SUNGAI KEBUN

1. Ketua Kampung Sungai Siamas dan Kampung Ujong Kelinik

MUKIM SERASA

1. Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong

Tanggagaji: C1 EB 2 iaitu \$1,280.00 - \$1,930.00.

KELAYAKAN CALON KETUA KAMPUNG.

- 1) Setiap calon Ketua Kampung hendaklah:

- a) Seorang lelaki yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b) Sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan pelajaran di peringkat

Tingkatan III atau kelulusan yang sebanding dengannya.

- c) Bermastautin di kampung yang akan diketuainya tidak kurang dua (2) tahun sebelum atau pada tarikh pencalonannya. Bermastautin adalah bermaksud bahawa calon Ketua Kampung hendaklah benar-benar tinggal di kampung yang berkenaan dalam tempoh yang dikehendaki di mana calon itu mempunyai tempat kediaman dan mendiami tempat tersebut;
- d) Berumur tidak kurang 30 tahun dan tidak lebih 60 tahun sebelum atau pada tarikh pencalonannya.
- e) Tidak menjadi ahli atau tidak terlibat sama ada secara langsung atau tidak dalam sebarang pertubuhan siasah yang difikirkan boleh menjejaskan kepentingan atau keselamatan negara.
- f) Mempunyai pengetahuan yang baik dalam agama Islam, Kemasyarakatan dan adat resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat kampung berkenaan.
- g) Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap pemedulian dan;
- h) Tidak pernah disyitarkan mufils di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan di negara ini dalam tempoh dua (2) tahun sebelum pencalonannya, termasuk pada tarikh pencalonannya melainkan sebelum itu pengisytiharan mufils telah dibatalkan oleh mahkamah.
2. Calon yang terdiri daripada Pegawai Kerajaan akan dipersarakan jika dilantik sebagai Ketua Kampung dan akan menikmati faedah dari jawatannya seperti yang ditetapkan dalam Akta Pencen.
3. Calon yang terdiri daripada ahli perniagaan atau pengusaha apabila dilantik menjadi Ketua Kampung boleh meneruskan perniagaan atau perusahaannya menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.
4. Seorang pencadang dan dua (2) orang penyokong yang mencalonkan Ketua Kampung hendaklah terdiri daripada warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam dan tinggal bermastautin di kampung yang berkenaan. Calon, pencadang dan penyokong-penyokong hendaklah menandatangani borang pencalonan. Borang pencalonan hendaklah dilengkapkan sepenuhnya sebelum dihadapkan ke Bahagian Institusi Mukim dan Kampung, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.
5. Pencadang dan penyokong bagi seorang calon Ketua Kampung hendaklah terdiri daripada warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam dan tinggal bermastautin di kampung yang berkenaan. Calon, pencadang dan penyokong-penyokong hendaklah menandatangani borang pencalonan. Borang pencalonan hendaklah dilengkapkan sepenuhnya sebelum dihadapkan ke Unit Pentadbiran Institusi Penghulu Mukim dan Kampung, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.
6. Bagi Pegawai-pejabat Kerajaan yang sedang berkhidmat di Jabatan masing-masing ataupun dari pihak-pihak swasta hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis dari Ketua Jabatan masing-masing dan menghadapkan surat kebenaran itu semasa menghadapkan bersama borang pencalonan.
7. Lain-lain syarat adalah tertakluk kepada Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998 (Syarat-syarat Lantikan dan Perkhidmatan Ketua Kampung).

PERINGATAN

8. Pemohonan-pemohon yang pernah memohon jawatan Ketua Kampung dan permohonan ditolak atas sebab tidak memenuhi syarat adalah tidak dibenarkan lagi untuk memenuhi syarat adalah tidak dibenarkan lagi untuk memohonnya.

CARA MEMOHON.

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dihantar di alamat seperti berikut:- Bahagian Unit Pentadbiran Institusi Penghulu, Mukim dan Ketua Kampung, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam

tidak lewat pada hari **Rabu, 18 Jun 2003** jam 4.00 petang

TAWARAN BIASA

BILANGAN TAWARAN: DRG/12/2003 :- SUPPLY & DELIVERY OF DRUGS AND MEDICINES FOR THREE (3) YEARS (LIST 12/2003. Yuran Tawaran : \$ 200.00.

BILANGAN TAWARAN: KK/62/2003 :- MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KAIN TUDONG SELAMA TIGA (3) TAHUN. Yuran Tawaran: \$ 200.00.

BILANGAN TAWARAN: KK/63/2003 :- SUPPLY & DELIVER OF SPARE PARTS FOR MINITECH RENATRON DIALYZER REPROCESSING SYSTEM FOR THREE (3) YEARS TERM CONTRACT (BASE ON AS AND WHEN REQUIRED. Yuran Tawaran: \$ 200.00.

BILANGAN TAWARAN: KK/64/2003 :- SUPPLY & DELIVER OF SPARE PARTS FOR FRESNIUS DIALYZER REPROCESSING SYSTEM FOR THREE (3) YEARS TERM CONTRACT (BASE ON AS AND WHEN REQUIRED) Yuran Tawaran: \$ 200.00.

BILANGAN TAWARAN: KK/65/2003(SE) :- SUPPLY, DELIVER & TEST ONE (1) UNIT OF DENATURING HIGH PERFORMANCE LIQUID CHROMATOGRAPHY (dHPLC) SYSTEM WITH ACCESSORIES FOR MOLECULAR AND CELL BIOLOGY LAB AT THE RESEARCH AND TRAINING CENTRE, DEPT OF POLICY & PLANNING, MOH. Yuran Tawaran: \$ 200.00.

BILANGAN TAWARAN: KK/66/2003 KERJA-KERJA PEMELIHARAAN KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN HOSPITAL PMPMHAMB DAERAH TUTONG BAGI TEMPOR TIGA (3) TAHUN. Kelayakan Pemborong/Pembekal: Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan & Kementerian Kesihatan. Kelas: III ke atas \$ 200.00

TAWARAN KECIL

BILANGAN TAWARAN: KK/TK/93/2003(SE) TRANSFER AND INSTALLATION OF GENERATOR AND CONSOLE OF ROOM. ONE (1) IN RIPAS HOSPITAL TO ROOM. ONE (1) IN TUTONG HOSPITAL. Yuran Tawaran \$ 100.00.



**JABATAN
PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

Bilangan Tawaran : JPA/MET/03/LTN-04

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi membekal "STEVENSON SCREEN FOR AMEDAS SITES.
2. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang ditutup rapi tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong, ditulis dengan "TAWARAN BAGI MEMBEKAL "STEVENSON SCREEN FOR AMEDAS SITS." Bilangan Tawaran : JPA/AMET/03/LTN-04. Tarikh tutup : 9 Jun 2003 kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 16, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
3. Tawaran hendaklah sampai kepada Lembaga Tawaran Negara tidak lewat jam 2.00 petang pada hari **Isnin, 9 Jun 2003**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen tawaran boleh diperolehi dari Bahagian Kewangan, Jabatan Penerbangan Awam, Tingkat Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin-Khamis dan Sabtu) dengan harga sebanyak B\$25.00 senaskah (tidak dikembalikan).
5. Keterangan lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Ketua Pegawai Kajiucua, Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Negara Brunei Darussalam. Telefon : 2330142 sambungan 1348. Teleks : BU 2267. Faks : 2334143 atau 2332735. e-mel : cmo@brunet.bn
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



**PUSAT
PENGURUSAN ASEAN-EC
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran : AEMC/EG2003/1

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi "THE SUPPLY, INSTALLATION, TESTING COMMISSIONING OF THE PMONet - IT NETWORK INFRASTRUCTURE FOR ASEAN-EC MANAGEMENT CENTRE, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM".
2. Dokumen-dokumen terperinci tawaran sebanyak \$200.00 (Tidak dikembalikan) bagi setiap dokumen bolehlah diperolehi dari Bahagian Kewangan, Pusat Pengurusan ASEAN-EC, Simpang 347, Jalan Pasar Gadong, Gadong BE 1318, Negara Brunei Darussalam mulai 21 Mei 2003, pada waktu pejabat.
3. Tarikh akhir mendapatkan dokumen tawaran adalah pada hari **Selasa 2 Jun 2003**.
4. Tawaran yang lengkap hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup rapat tanpa menunjukkan identiti pemborong dengan menulis nama tawaran pada bahagian atas sampul surat seperti berikut:-"THE SUPPLY, INSTALLATION, TESTING COMMISSIONING OF THE PMONet - IT NETWORK INFRASTRUCTURE FOR ASEAN-EC MANAGEMENT CENTRE, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM" dan dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Jalan Kebangsaan, Simpang 259, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada hari **Isnin, 9 Jun 2003**, jam 2.00 petang.
5. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.



KEMENTERIAN KESIHATAN

Tawaran Biasa : KK/58/2003 HINGGA KK/60/2003
Tawaran Kecil : KK/TK/85/2003 (SE) HINGGA KK/TK/87/2003

Syarat-Syarat Tawaran:

1. DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Akaun, Bahagian Pembelian dan Perbekalan Kementerian Kesihatan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada:- Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
3. a) Tawaran yang mempunyai rujukan DRG/12/2003 dan KK/62/2003 hingga KK/66/2003 dan KK/TK/93/2003(SE) hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 2.00 petang, hari **Isnin, 9 Jun 2003**.
3. Semua tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Yuran tawaran (Tender Fee) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan WANG TUNAI sahaja (wang tidak dikembalikan). Pembayaran Yuran Tawaran hanya boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja dari jam 8.00 hingga 11.30 pagi dan 2.00 hingga 3.30 petang iaitu hari Isnin hingga Khamis dan hari Sabtu jam 8.00 hingga 11.00 pagi.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.
6. Bagi pemborong-pemborong yang menyertai tawaran yang tersebut di bawah ini hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut:-
Sijil Perniagaan Yang Masih Sah Laku.



DI DALAM MAHKAMAH TINGGI BANDAR SERI BEGAWAN

KEBANKRAPAN NO. 21/1999

ISLAMIC BANK OF BRUNEI BERHAD Pemiutang/ Pemetisyen
LAWAN

IBRAHIM BIN HAJI HASHIM @ MOHAMMAD ADANI BIN HASHIM (K.P. BRUNEI NO. 041961 - KUNING) Penghutang/Penentang.

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 1 Mei 2003.
Nama dan Alamat Bankrap : Ibrahim bin Haji Hashim @ Mohammad Adani bin Hashim, No. 1, Simpang 82-5-20, Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati, Kampong Rimba BE 3119, Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Permohonan: 27 Februari 2003. Bertarikh: 7 Mei 2003.

LIM SIEW YEN - Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 37/2002

ISLAMIC BANK OF BRUNEI BERHAD Pemiutang/ Pemetisyen
LAWAN

AHMAD BIN HAJI MOHD. SAID @ MOHAMAD SAID (K.P. BRUNEI NO. 036264 - KUNING) (trading under the name and style of AHMAD BROTHERS COMPANY) Penghutang/Penentang.

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 1 Mei 2003.
